"Perasian sama dilengkung, Pengasas dan Ketua Krama Anak-Anak Sandara Kita, Yatim, Dakwah & Pengembangan Terengganu, Kampong Merchang, Marang, Terengganu, Ismail Jamil berkata, dia berterima kasih di atas bantuan sumbangan CSR dari PLUS menerusi Program

"PLUS mengupayakan zakat bukan saji di luar bandar, tetapi gelontong

Harian Metro, 16 September 2020

Menangani risiko melalui tadbir urus yang baik

Tahun lalu menekankan kepentingan dalam menangani risiko bagi memastikan kelestarian perniagaan kami. Sejarah dengan peningkatan tadbir urus, kami terus menerapkan amalan pengurusan risiko yang berkesan di seluruh operasi kami.

Untuk tujuan ini, kami telah mewujudkan fungsi risiko dan daya tahan organisasi untuk mengawasi pengurusan risiko dan memupuk budaya kesedaran risiko di PLUS. Ini telah diterapkan melalui rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) kami yang menetapkan strategi, daya tahan dan toleransi kami terhadap risiko. Rangka kerja ini juga menggariskan akauntabiliti dan tanggungjawab utama, menyepakatkan ERM ke dalam perancangan dan strategi perniagaan kami.

Dengan proses digitalisasi yang progresif dan peralihan kami kepada data besar (big data), kami berusaha untuk menerapkan piawaian pengurusan data yang ketat selaras dengan piawaian tempatan dan antarabangsa bagi memastikan keselamatan data, perlindungan privasi pelanggan dan penghindaran ancaman siber.

Antara usaha yang telah kami lakukan dalam bidang ini termasuk pengenalan Rangka Kerja Tadbir Urus Data untuk mengukuhkan ekosistem pengurusan data melalui peraturan dan garis panduan yang mantap dalam pengurusan dan penggunaan data di seluruh PLUS. Berpandukan dengan

matlamat utama kami untuk menjaga semua pihak berkepentingan, kami komited untuk melaksanakan kawalan keselamatan data untuk memelihara kepercayaan dan keyakinan pelanggan kami.

Melangkah Ke Hadapan

Dengan perubahan norma kehidupan dan perniagaan kami akibat krisis COVID-19, kami lebih komited daripada sebelumnya untuk menerapkan amalan kelestarian dalam operasi kami. Berpandukan matlamat utama kami untuk *Menjaga Anda Dengan Baik, Di Sepanjang Perjalanan*, kami sedar akan keperluan untuk menyepakatkan perkara-perkara ESG dalam semua aspek perniagaan kami bagi memenuhi keperluan dan memastikan kesejahteraan pihak berkepentingan serta alam sekitar. Melalui langkah-langkah menyeluruh yang kami ambil masa kini, kami berharap akan dapat mencapai aspirasi Lebuh Raya Pintar Masa Hadapan demi manfaat pelanggan hari ini dan generasi akan datang.

Datuk Azman Ismail

Pengarah Urusan

PLUS Malaysia Berhad

KAMI ADALAH PLUS



PLUSRonda sedia berkhidmat untuk negara



bb

Sumbangan dan khidmat PLUS bukan sahaja kepada masyarakat sepanjang lebuh raya dari Kedah hingga Johor atau timur dan barat, tetapi juga kepada pembangunan negara keseluruhannya.

PLUS juga menyokong dasar Kerajaan berhubung pembangunan teknologi hijau di negara ini dan ia terbukti melalui projek perintis penggunaan tenaga solar di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Machap, Johor. Dimulakan sejak 2018, teknologi ini menyokong usaha Kerajaan meningkatkan penggunaan sistem teknologi hijau yang memberi manfaat kepada orang ramai.

Datuk Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhwan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR)

qq

LATAR BELAKANG KAMI

Diperbadankan pada 29 November 2010, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ditubuhkan untuk memperoleh semua aset dan liabiliti PLUS Expressways International Berhad (PLUS Expressways), yang sebelum ini merupakan sebuah entiti tersenarai. Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan ini, PLUS telah memperoleh anak-anak syarikat berikut daripada PLUS Expressways:

1. Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad;
2. Expressway Lingkaran Tengah Sdn. Bhd. (ELITE);
3. Linkedua (Malaysia) Berhad (Linkedua);
4. Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim (KLBK) Sdn. Bhd. (KLBK); dan
5. TERAS Teknologi Sdn. Bhd.

PLUS juga memperoleh Penang Bridge Sdn. Bhd. (PBSB), yang sebelum ini merupakan pemilik konsesi Jambatan Pulau Pinang, daripada UEM Builders Berhad, iaitu sebuah anak syarikat pemegang saham PLUS, UEM Group Berhad.

Pada 2011, Projek Lebuhraya Usahasama Berhad, anak syarikat milik PLUS, telah diperbadankan untuk melaksanakan penggabungan konsesi lebuhraya sedia ada yang diperoleh di bawah satu entiti tunggal, termasuk menjalankan inovasi terhadap semua konsesi lebuhraya daripada syarikat-syarikat konsesi, iaitu Projek Lebuhraya Utara-Selatan, ELITE, Linkedua, KLBK dan PBSB. Seterusnya, pemerolehan semua aset dan liabiliti tempatan PLUS daripada PLUS Expressways telah dilengkapkan pada 12 Januari 2012.

Pada 2016, PLUS memperbadankan Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd. (LPT2) untuk mengurus, menyelenggara dan menjalankan operasi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2.

Dengan lengkapnya penggabungan konsesi lebuhraya, PLUS (melalui Projek Lebuhraya Usahasama Berhad dan LPT2), kini merupakan pengendali lebuhraya bertol terbesar di Malaysia dan salah satu yang terbesar di Asia Tenggara. Kami berbangga mencatat rekod dalam peningkatan kemudahan pengangkutan bagi pengguna lebuhraya di Semenanjung Malaysia selama tiga dekad.


Rangkaian lebuhraya kami yang melebihi 1,130 kilometer di Semenanjung Malaysia adalah penting untuk pembangunan ekonomi dan sosial yang lestari dengan memastikan pengangkutan barang dan perkhidmatan yang selamat, membolehkan pewujudan pekerjaan dan memberikan kebebasan pergerakan kepada rakyat.

Kini, kami merupakan peneraju industri dalam meningkatkan industri lebuhraya di samping memanfaatkan revolusi digital kami untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan kami. Dengan menggunakan teknologi dalam semua aspek perkhidmatan, kami giat berusaha untuk membolehkan perjalanan yang lebih selamat, lebih lancar dan lebih selesa kepada pelanggan kami, membenarkan mereka untuk menikmati pengalaman perjalanan yang positif.



Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua)

STRUKTUR KORPORAT KAMI



JENAMA DAN MATLAMAT UTAMA KAMI

Di PLUS, matlamat utama kami adalah untuk

Menjaga Anda Dengan Baik, Di Sepanjang Perjalanan

Keselamatan



PLUS menggandakan usaha untuk menyediakan pengalaman perjalanan yang selamat kepada semua

Keselesaan



PLUS menjaga keselesaan anda dan keluarga anda, sebelum, semasa dan selepas perjalanan

Impak Sosial



PLUS menjaga kesejahteraan dan kelestarian komuniti tempatan di sepanjang jajaran lebuhraya kami

Insan



PLUS merupakan syarikat yang paling disegani di Malaysia kerana kesungguhan untuk berkhidmat kepada negara

Teknologi



PLUS membolehkan pengalaman perjalanan yang lancar dan tanpa gangguan melalui penyelesaian inovatif dan dipacu teknologi

VISI KAMI

Untuk menjadi kumpulan lebuhraya perdana dalam arena global

MISI KAMI

Menyediakan rangkaian lebuhraya yang efisien dan selamat untuk meningkatkan kualiti hidup

NILAI-NILAI KORPORAT KAMI



Prihatin Terhadap Anda



Melakukan Sesuatu Dengan Lebih Baik



Bekerjasama Menuju Kejayaan



Berbangga Dengan Kejayaan



Komitmen Terhadap Perkembangan Anda



Komunikasi Yang Telus Dan Terbuka

RANGKAIAN LEBUH RAYA KAMI

**Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad**

1. Lebuhraya Utara-Selatan **NSE**
2. Lebuhraya Baru Lembah Klang **NKVE**
3. Lebuhraya Seremban-Port Dickson **SPDH**

Jarak: 805.8km**Tempoh Konsesi:**

Mac 1988 hingga Disember 2038 (50 tahun)

Linkedua (Malaysia) Berhad

4. Lebuhraya Hubungan Kedua Malaysia-Singapura **LINKEDUA**

Jarak: 47km**Tempoh Konsesi:**

Julai 1993 hingga Disember 2038 (45 tahun)

Penang Bridge Sdn. Bhd.

5. Jambatan Pulau Pinang **PB**

Jarak: 13.5km**Tempoh Konsesi:**

September 1993 hingga Disember 2038 (45 tahun)

Expressway Lingkaran Tengah Sdn. Bhd.

6. Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah **ELITE**

Jarak: 63km**Tempoh Konsesi:**

April 1994 hingga Disember 2038 (44 tahun)

Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim Sdn. Bhd.

7. Lebuhraya Butterworth-Kulim **BKE**

Jarak: 17km**Tempoh Konsesi:**

Jun 1994 hingga Disember 2038 (44 tahun)

Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd.

8. Lebuhraya Pantai Timur 2 **LPT2**

Jarak: 184km**Tempoh Konsesi:**

Julai 2016 hingga Julai 2034 (18 tahun)

OPERASI KAMI

Perjalanan Pelanggan Kami

- | | | | |
|----------------------|-----------------------------|---|------------------------|
| 1 CCTV di Plaza Tol | 3 Lampu Jalan | 5 Kawasan Rehat & Rawat/Restoran Jejantas/Hentian Sebelah | 7 Papan Tanda Had Laju |
| 2 Lampu Tiang Tinggi | 4 Papan Tanda Penunjuk Arah | 6 Aplikasi PLUS | 8 Lanskap |



Infrastruktur dan Aktiviti Kami

Kemudahan



104

Plaza Tol



121

Persimpangan
Bertingkat



29

Kawasan Rehat
dan Rawat



4

Restoran
Jejantas



50

Hentian
Sebelah



178

Tandas
Awam



141

Surau

Aset



5,365

Lorong-KM Turapan Jalan



547

Jambatan




2

Terowong



4,055

KM
Penghadang Lebuhraya



64

KM
Penghadang Tali Wayar




4,055

KM
Pagar Lebuhraya

OPERASI KAMI

- | | | | |
|----------------------|---------------------------------|---|--------------------------------|
| 9 CCTV Lebuh Raya | 11 Pondok Berteduh Motosikal | 13 Dron UAV (percubaan peringkat pertama) | 15 Kenderaan Rondaan PLUSRonda |
| 10 Telefon Kecemasan | 12 Papan Tanda Mesej Boleh Ubah | 14 Vista Point | |



 **1,603**
Lampu Tiang Tinggi

 **39,567**
Lampu Jalanan



87 Papan Tanda Mesej Boleh Ubah

 **2,678**
Kamera CCTV

 **968**
Telefon Kecemasan



4 Dron Pemantauan Lebuh Raya


 **8,296**
Cerun

 **6,086**
Pembetung

Perkhidmatan Rondaan



17 Trak Tunda



22 Trak Tunda Slide Deck



139 Kenderaan Rondaan



39 Motosikal



571 Anggota Peronda

STRUKTUR LEMBAGA DAN PENGURUSAN KAMI

Struktur Tadbir Urus PLUS

Kami komited untuk mengamalkan integriti yang tinggi dan tadbir urus yang baik dalam aktiviti dan operasi perniagaan kami bagi melindungi kepentingan pihak berkepentingan dalam dan luaran kami.

Kami telah menubuhkan mekanisme tadbir urus yang diperlukan untuk menentukan hubungan antara Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan, kakitangan dan pihak berkepentingan yang lain. Mekanisme ini adalah penting untuk memberi gambaran yang jelas mengenai hala tuju strategik, menentukan pemberian kuasa dan tugas-tugas, dan memastikan kebertanggungjawab.

Pada masa kini, PLUS dipimpin oleh barisan Lembaga Pengarah yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang yang berkaitan seperti perakaunan, kewangan, ekonomi, pengurusan, pembangunan lestari dan kejuruteraan. Barisan Lembaga Pengarah memantau aktiviti perniagaan PLUS dengan memberikan pertimbangan yang bebas dan kukuh terhadap isu-isu yang merangkumi strategi, prestasi, sumber dan standard tingkah laku.

Jawatankuasa Lembaga

Jawatankuasa Lembaga ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab berkanun dan fidusiari. Jawatankuasa Lembaga dan fungsinya adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan Lembaga (BGRCC)

Menyediakan pengawasan dan memberi panduan ke atas semua hal-hal tadbir urus korporat, pengurusan risiko, pematuhan, kelestarian dan integriti.

Jawatankuasa Pelaburan dan Tender Lembaga (BITC)

Mengkaji semula projek pelaburan dan cadangan tender yang melebihi Had Kuasa Budi Bicara (DAL) Pengarah Urusan yang diluluskan, selaras dengan pemberian kuasa oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan Lembaga (BNRC)

Memberi cadangan kepada Lembaga mengenai penamaan Pengarah, ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan baharu. Di samping itu, BNRC membantu Lembaga Pengarah dalam menetapkan perancangan penggantian yang sesuai, menyemak prestasi dan mengesyorkan pakej ganjaran untuk Pengurusan Kanan.


Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC)

Menyediakan pemantauan terhadap kecekapan kawalan dalam dan proses pelaporan kewangan dan sistem maklumat pengurusan, termasuk transaksi pihak berkaitan.

STRUKTUR LEMBAGA DAN PENGURUSAN KAMI


Jawatankuasa dan Majlis Pengurusan

Pengarah Urusan disokong oleh barisan kepimpinan yang berpengalaman dan telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa atau majlis-majlis yang diketuai oleh Pengarah Urusan sendiri. Jawatankuasa-jawatankuasa dan majlis-majlis ini membantu Pengarah Urusan untuk melaksanakan inisiatif menurut panduan Lembaga dan menyediakan saluran untuk perbincangan, pemantauan dan penyelesaian masalah secara kolektif bagi memacu operasi secara cekap dan berkesan.



Bilik Persidangan, Persada PLUS

LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATO' MOHAMAD NASIR AB. LATIF

Pengerusi Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



➤ Kelayakan Akademik/Profesional/Keahlian

- Ijazah Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia
- Diploma Perakaunan dan Kewangan Bertauliah (ACCA)
- Ijazah Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan dari University of Sterling, United Kingdom

➤ Pengalaman

- Kerjaya Dato' Mohamad Nasir di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selama 37 tahun bermula sebagai Pegawai Penguatkuasaan dan dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Besar Jabatan Ekuiti Antarabangsa sebelum dilantik sebagai Ketua Pelaburan KWSP pada 2013.
- Beliau bersara sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP pada 31 Disember 2019.
- Sepanjang kerjayanya, beliau aktif dalam usaha menggalakkan tadbir urus yang baik dalam korporat Malaysia. Ini termasuk mengadakan libat urus yang kerap melalui dialog awam dengan Kerajaan, pengawal selia serta pemimpin industri untuk meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.
- Beliau juga merupakan ahli pasukan Program Transformasi Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG), yang merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan prestasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dengan menyelaras inisiatif untuk mengukuhkan struktur Lembaga Pengarah, sistem kawal selia, pengurusan modal, pembangunan kepemimpinan dan modal insan dan lain-lain.
- Pada 2019, Dato' Mohamad Nasir merupakan Pengerusi Majlis Pelabur Institusi Malaysia.
- Beliau kini ialah Pengerusi Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

➤ Keahlian Pengarah dalam Syarikat dan Organisasi Lain

- Malaysian Resources Corporation Berhad
- Malaysia Airports Holdings Berhad
- United Plantations Berhad
- RHB Bank Berhad
- Yinson Holdings Berhad

LEMBAGA PENGARAH KAMI

**DATUK AZMAN ISMAIL**

Pengarah Urusan

**➤ Kelayakan Akademik/Profesional/Keahlian**

- Ijazah Sains dalam Kejuruteraan Kimia, University of Nebraska Lincoln, Amerika Syarikat

➤ Pengalaman

- Datuk Azman sebelum ini merupakan Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. dan Pengurus Besar Perniagaan Runcit, bertanggungjawab untuk mengawalselia peruncitan petroleum Shell di Malaysia dan Brunei, dua jawatan yang disandang secara serentak.
- Kerjaya cemerlang beliau selama 30 tahun di syarikat petroleum dan gas global menyaksikan beliau menyandang beberapa jawatan utama termasuk bahagian operasi peruncitan serta kewangan. Datuk Azman juga mengetuai transformasi perniagaan runcit di Malaysia, yang berfokus kepada Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE), tumpuan kepada pelanggan, kawalan dan perubahan perniagaan. Kegigihan beliau dalam usaha mendukung keselamatan memainkan peranan penting dalam menjadikan PLUS syarikat konsesi lebuh raya pertama yang memperkenalkan Pasport Keselamatan Operasi Lebuh Raya (EOSP) di negara ini.
- Sebagai penyokong tegar inovasi teknologi, beliau telah membawa PLUS untuk meraih anugerah Pemangkin Digital atau Digital Transformer Malaysia serta naib juara Anugerah Tenaga ASEAN 2020 kerana kejayaannya melaksanakan inisiatif digital dan kelestarian. Beliau berjaya membuat nama lebuh raya PLUS diiktiraf di peringkat global setelah merangkul anugerah Lebuh Raya Sistem Tol Tertutup Terselamat MIROS pada 2020 dan Anugerah Antarabangsa Untuk Keselamatan Jalan Raya, Prince Michael Award pada 2019.
- Datuk Azman juga sering dijemput untuk memberikan ceramah di institusi akademik seperti Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, serta dalam industri lebuh raya, untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran beliau dalam banyak platform pembabitan serta perkongsian Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat.

➤ Keahlian Pengarah dalam Syarikat dan Organisasi Lain

- Projek Lebuhraya Usahasama Berhad
- TERAS Teknologi Sdn. Bhd.
- Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd.
- Ahli Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
- Presiden Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuh Raya Malaysia (PSKLM)

LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATO' MOHD IZANI GHANI

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



Keahlian Jawatankuasa Lembaga

- Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan (Pengerusi)
- Jawatankuasa Audit

➤ Kelayakan Akademik/Profesional/Keahlian

- Ijazah Sains (Ekonomi) pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli Institut Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIIF)

➤ Pengalaman

- Dato' Mohd Izani dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan UEM Berhad (Kumpulan UEM) pada 1 Januari 2019 dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 1 Ogos 2019.
- Beliau mempunyai pengalaman lebih 27 tahun dalam pelaburan dan pengurusan. Sebelum menyertai Kumpulan UEM, beliau merupakan Pengarah Eksekutif, Pelaburan di Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) di mana beliau mengawasi Pejabat Wilayah Turki.
- Beliau sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Kewangan Khazanah dah di bawah pimpinan beliau, Khazanah telah menerbitkan pelbagai urus niaga sukuk utama termasuk sukuk boleh ubah dan Sukuk Impak Sosial.
- Beliau sebelum ini juga pernah berkhidmat di Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. dan Renong Group.

➤ Keahlian Pengarah dalam Syarikat dan Organisasi Lain

- PLUS Expressways International Berhad
- Projek Lebuhraya Usahasama Berhad
- UEM Group Berhad
- UEM Sunrise Berhad
- UEM Edgenta Berhad
- UEM Builders Berhad
- Cement Industries of Malaysia Berhad
- Yayasan UEM
- Konsortium ProHAWK Sdn. Berhad
- Samsung C&T Corporation UEM Construction JV Sdn. Bhd.
- Uniquest Infra Ventures Private Limited

LEMBAGA PENGARAH KAMI



ROHAYA MOHAMMAD YUSOF

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



Keahlian Jawatankuasa Lembaga

- Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan

➤ Kelayakan Akademik/Profesional/Keahlian

- Ijazah Perdagangan dari Australian National University, Canberra, Australia
- Ahli Bersekutu Certified Practising Accountant (CPA) Australia

➤ Pengalaman

- Rohaya merupakan Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Malaysia, dilantik pada Januari 2020.
- Beliau memulakan kerjaya bersama Arthur Andersen & Co. sebagai Perunding Kewangan Kanan di Bahagian Audit pada 1988.
- Pada 1990, beliau menyertai Bank Pelaburan Maybank dan dinaikkan pangkat sebagai Naib Presiden Eksekutif, Perbankan Pelaburan Korporat pada 2005.
- Beliau menyertai Bahagian Pelaburan KWSP sebagai Ketua Kewangan Korporat pada 2008 dan dilantik pada 2011 sebagai Ketua Jabatan Pasaran Modal mengawasi pendapatan tetap global dan domestik. Pada 2017, beliau dilantik sebagai Ketua Pasaran Swasta di mana fungsi utamanya adalah untuk melabur dalam Ekuiti Swasta, Infrastruktur, serta Hartanah Global dan Serantau.
- Rohaya kini merupakan Pengerusi Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC), dan telah menyandang jawatan tersebut sejak pelantikannya pada Januari 2020.
- Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Khazanah.

➤ Keahlian Pengarah dalam Syarikat dan Organisasi Lain

- Projek Lebuhraya Usahasama Berhad
- Malaysian Resources Corporation Berhad
- United Plantations Berhad
- Yinson Holdings Berhad.
- Yayasan Khazanah

Nota:

Walaupun Rohaya bukan Ahli Lembaga Pengarah PLUS, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (anak syarikat milik penuh PLUS), sebuah entiti utama yang memacu operasi kelestarian PLUS.

LEMBAGA PENGARAH KAMI



WONG SHU HSIEN

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



Keahlian Jawatankuasa Lembaga

- Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan
- Jawatankuasa Pelaburan dan Tender

➤ Kelayakan Akademik/Profesional/Keahlian

- Ijazah Ekonomi dari University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Penganalisis Kewangan Berkunun (CFA)

➤ Pengalaman

- Wong Shu Hsien menyertai Khazanah Nasional Bhd. pada Februari 2005 dari Bina Fikir Sdn. Bhd. dan kini merupakan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Bhd.
- Sebelum ini, beliau bertugas di sebuah firma ekuiti swasta, Emerging Markets Partnership, Penasihat Utama kepada AIG Infrastructure Fund II.

➤ Keahlian Pengarah dalam Syarikat dan Organisasi Lain

- UEM Group Berhad
- Malaysia Airports Holdings Berhad

LEMBAGA PENGARAH KAMI



MOHAMAD HAFIZ KASSIM

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



Keahlian Jawatankuasa Lembaga

- Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan
- Jawatankuasa Pelaburan dan Tender
- Jawatankuasa Audit

➤ Kelayakan Akademik/Profesional/Keahlian

- Ijazah Sains (Ekonomi), pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Penganalisis Kewangan Berkanun (CFA)

➤ Pengalaman

- Hafiz memulakan kerjaya beliau di Telekom Malaysia sebagai Penganalisis Pelaburan pada 1997 dan sebelum itu, berkhidmat di PricewaterhouseCoopers (PwC) (Kuala Lumpur dan London) dan Daiwa Capital.
- Beliau menyertai KWSP pada 2008 dan telah mengetuai pelbagai jabatan pelaburan termasuk Pasaran Swasta, Pasaran Modal dan Hartanah.
- Di samping peranan beliau di KWSP, beliau merupakan Pengarah Urusan Kwasa Land Sdn. Bhd., pemaju induk perbandaran Kwasa Damansara.
- Beliau memiliki pengalaman korporat selama lebih 20 tahun, dengan kepakaran dan pengetahuan luas dalam Hartanah, Pasaran Modal, Ekuiti Swasta, Perkhidmatan Kewangan dan Perakaunan.

➤ Keahlian Pengarah dalam Syarikat dan Organisasi Lain

- Dialog Group Berhad
- QSR Brands (M) Holdings Bhd.
- SWM Environment Sdn. Bhd.
- Kwasa Land Sdn. Bhd.

LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATO' NOORAZMAN ABD AZIZ

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif



Keahlian Jawatankuasa Lembaga

- Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pelaburan dan Tender (Pengerusi)
- Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan

⦿ Kelayakan Akademik/Profesional/Keahlian

- Ijazah Sains (Kewangan) Louisiana State University, Amerika Syarikat
- Ahli Pengamal Institut Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIIF)
- Ahli Australian Institute of Company Directors
- Ahli Institut Pengarah Korporat Malaysia

⦿ Pengalaman

- Dato' Noorazman mempunyai pengalaman lebih 37 tahun dalam perbankan dan kewangan, pelaburan dan pasaran modal selepas berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan di Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) dan berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Fajr Capital Ltd, sebuah syarikat penerima pelaburan Khazanah. Beliau juga telah menyandang pelbagai jawatan utama di pelbagai institusi seperti Citigroup, Bank Islam Malaysia Bhd., Bursa Saham Kuala Lumpur dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA).
- Kini beliau berkhidmat sebagai Pengerusi UEM Sunrise Berhad, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM, badan kebajikan UEM Group Berhad, dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF).
- Beliau merupakan Ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan menganggotai Lembaga Penasihat Ancora Fund Management Co. di Indonesia dan Creator Sdn. Bhd.
- Beliau juga merupakan pemenang pertama Anugerah Pencapaian Ahli Perbankan Asia 2005 bagi Kewangan Islam.

⦿ Keahlian Pengarah dalam Syarikat dan Organisasi Lain

- UEM Sunrise Berhad
- UEM Edgenta Berhad
- Kumpulan Perangsang Selangor Berhad
- Hong Leong Financial Group Berhad
- Yayasan UEM
- International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)

LEMBAGA PENGARAH KAMI

**LIM TIAN HUAT**

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga**

- Jawatankuasa Audit (Pengerusi)

➤ Kelayakan Akademik/Profesional/Keahlian

- Presiden Pengasas dan Ahli Majlis Persatuan Pengamal Insolvensi Malaysia
- Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- Ahli INSOL International
- Ijazah Ekonomi (Kepujian)

➤ Pengalaman

- Lim Tian Huat berpengalaman luas dalam bidang insolvensi dan pembinaan semula di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.
- Beliau merupakan pengamal Akauntan Berkanun di firmanya, Rodgers Reidy Co.
- Beliau merupakan pengarang bersama buku bertajuk 'The Law and Practice of Corporate Receivership in Malaysia and Singapore'.
- Beliau merupakan Ahli Pesuruhjaya kepada Suruhanjaya Pampasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
- Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Korporat di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

➤ Keahlian Pengarah dalam Syarikat dan Organisasi Lain

- Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
- Malaysia Building Society Berhad (disenarai di Bursa Malaysia)
- MajuPerak Holdings Berhad (disenarai di Bursa Malaysia)
- Anglo-Eastern Plantations PLC, syarikat awam yang disenarai di London Stock Exchange

LEMBAGA PENGARAH KAMI



DATO' ROSLAN IBRAHIM

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



➤ Kelayakan Akademik/Profesional/Keahlian

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari University College of Swansea, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Heriot-Watt University, Edinburgh, United Kingdom

➤ Pengalaman

- Dato' Roslan merupakan Pengarah Teknikal Projek Merdeka 118 dan mempunyai lebih 30 tahun pengalaman industri dengan rekod prestasi cemerlang dalam pembangunan dan pengurusan projek infrastruktur kompleks.
- Beliau memulakan kerjayanya pada 1981 dan terlibat dalam beberapa projek mega termasuk Saluran Paip Gas Semenanjung, Menara Telekom 55 tingkat, Jambatan Putrajaya dan Menara Kembar Petronas. Dalam bidang Pembangunan Perniagaan, beliau telah berjaya mendapatkan projek pertama di Sudan dan Dubai masing-masing ketika berkhidmat di MMC Engineering Group Berhad dan IJM Corporation Berhad.
- Beliau menyertai Kumpulan UEM Berhad (Kumpulan UEM) pada 2006 dan membawa bersamanya pengalaman luas merentas fungsi dalam bidang Kejuruteraan dan Pembinaan serta Pembangunan Perniagaan. Ketika dalam tempoh perkhidmatan, beliau mengetuai pasukan projek untuk merekabentuk dan membina Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, yang juga dikenali sebagai Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang (P2B). Setelah Projek P2B disiapkan dengan jayanya, beliau dilantik sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan Kumpulan. Selepas itu, beliau menyandang jawatan Pengarah Presiden PT Lintas Marga Sedaya, yang sebelum ini merupakan sebuah anak syarikat Kumpulan UEM (55%) di Indonesia yang bertanggungjawab ke atas pembinaan Projek Lebuhraya Cikopo Palimanan yang bernilai RM4.4 bilion sepanjang 116 kilometer.
- Pada 1 Ogos 2015, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi, Pembangunan UEM Sunrise Berhad sehingga beliau menyandang jawatan sekarang pada 2018.
- Sebelum Kumpulan UEM, beliau merupakan Pemangku Pengarah Eksekutif bagi Operasi dan Pembangunan Perniagaan di Puncak Niaga Holdings Bhd.

➤ Keahlian Pengarah dalam Syarikat dan Organisasi Lain

- Projek Lebuhraya Usahasama Berhad
- Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)
- Samsung C&T Corporation UEM Construction JV Sdn. Bhd.

Nota:

Walaupun Dato' Roslan bukan Ahli Lembaga Pengarah PLUS, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (anak syarikat milik penuh PLUS), sebuah entiti utama yang memacu operasi kelestarian PLUS.

PASUKAN KEPIMPINAN KAMI

**PENGARAH URUSAN****DATUK AZMAN ISMAIL**

Datuk Azman bertanggungjawab dalam menerajui strategi PLUS ke arah pencapaian visi, misi dan matlamatnya. Beliau juga memberi panduan dalam pembangunan serta pelaksanaan strategi, rangka kerja dan dasar kelestarian PLUS.

**KETUA PEGAWAI OPERASI****ZAKARIA AHMAD ZABIDI**

Zakaria menerajui operasi harian PLUS, fungsi kesihatan dan keselamatan, serta penyelenggaraan aset lebuh raya. Dalam bidang kelestarian, beliau memastikan inisiatif PLUS dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

**KETUA PEGAWAI KEWANGAN****CHAI YOKE FONG**

Chai bertanggungjawab ke atas keseluruhan pengurusan kewangan PLUS. Beliau ditugaskan untuk mengurus strategi dan operasi kewangan PLUS bagi memastikan obligasi PLUS sebagai penerbit sukuk tunggal terbesar di Malaysia dipenuhi pada setiap masa, di samping memastikan kelestarian dan pulangan kepada pelabur PLUS dalam jangka panjang.

**KETUA PEGAWAI KOMERSIAL****CHRISTINE LIEW**

Christine bertanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan strategi komersial dan pelanggan PLUS. Beliau memastikan PLUS menggunakan pakai amalan kelestarian yang tertumpu kepada pelanggan dalam semua aktiviti komersialnya, termasuk mengadakan sesi penglibatan bersama komuniti setempat, rakan niaga dan organisasi korporat yang menjalankan perniagaan dengan PLUS.

**KETUA PEGAWAI SUMBER MANUSIA****NORMA MOHD RAZALI**

Norma menerajui pengurusan bakat dan hubungan industri PLUS. Peranan beliau termasuk memastikan PLUS memiliki tenaga kerja yang mencukupi dan berkeupayaan untuk menjalankan inisiatif kelestarian, serta mengawasi semua inisiatif lain yang berkaitan dengan Warga PLUS.

**KETUA PEGAWAI TADBIR URUS DAN RISIKO****SATPAL SINGH**

Satpal bertanggungjawab terhadap Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan di PLUS. Beliau juga ditugaskan untuk menerajui Pejabat Pengurusan Program, strategi kelestarian dan penyelarasan amalan kelestarian di PLUS.

PASUKAN KEPIMPINAN KAMI



**KETUA,
PERUNDANGAN DAN
KESETIAUSAHAAN
KORPORAT**

➤ **NOOR MEIZA AHMAD**

Meiza memberi nasihat mengenai semua hal perundangan dan kesetiausahaan korporat kepada Kumpulan Syarikat PLUS.



**KETUA,
PEMEROLEHAN**

➤ **ZULKIPPLI HARON**

Zulkippli mengurus dan menyelia program pemerolehan PLUS, memastikan proses pemerolehan yang adil, cekap dan berkesan.



**KETUA, KORPORAT,
KOMUNITI DAN
PEMBABITAN AWAM**

➤ **SYED MOHAMMED
IDID SYED AHMED
IDID**

Syed menerajui komunikasi PLUS bersama pihak berkepentingan, termasuk aktiviti libat urus korporat, komuniti dan pihak awam ke arah memastikan komunikasi yang berkesan dan telus.



**KETUA, AUDIT
DALAMAN**

➤ **MUSTAKIM ILMAN
MUSTAFIA**

Mustakim mengawasi fungsi audit dan kawalan dalaman, menyediakan pemantauan yang sewajarnya terhadap inisiatif kelestarian PLUS.



**KETUA, PEJABAT
PENGURUSAN
PERUBAHAN**

➤ **AZIS CHIN**

Azis menerajui dan mengawasi inisiatif perubahan organisasi termasuk menjalankan program pembangunan untuk meningkatkan kecekapan Warga PLUS.



**KETUA,
PERANCANGAN
STRATEGIK DAN
PEMBANGUNAN**

➤ **Ir. MAIZATUL ZAILA
KAMAROL ZAMAN**

Maizatul bertanggungjawab dalam membangunkan dan memantau pelaksanaan strategi perniagaan bagi membolehkan pencapaian objektif strategik dan memastikan kelestarian PLUS.



**PEMANGKU KETUA
PEGAWAI TEKNOLOGI
(CTO)**

➤ **ZULKEFLE IDRIS**

Zulkefle dalam kapasiti beliau sebagai Pemangku CTO, mengawasi dan meneraju pembangunan, pelaksanaan dan operasi ekosistem teknologi.



**PEMANGKU KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF
TERAS**

➤ **UNGKU ZAKI UNGKU
HAMZAH**

Ungku Zaki selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif TERAS dan Ketua, Kecemerlangan Perkhidmatan menerajui proses perancangan penambahbaikan perniagaan TERAS agar projek penambahbaikan diselaraskan dan diberi keutamaan pada peringkat korporat dan operasi di TERAS.

WARGA PLUS



33 tahun dan kami terus melangkah ke hadapan.....



Foto-foto telah diambil sebelum wabak COVID-19

BANGKIT BERSAMA – BERJUANG MENANGANI COVID-19



Laluan Ipoh-Utara, Lebuhraya Utara-Selatan



bb

Sejak pandemik COVID-19 melanda negara, industri lebuh raya negara telah memainkan peranannya dalam menghadapi pandemik tersebut. Infrastruktur lebuh raya telah berperanan sebagai penyedia perkhidmatan untuk urusan penghantaran barang perubatan serta pergerakan bagi barisan hadapan terutamanya pasukan perubatan dan pasukan keselamatan. Lebuh raya juga menjadi laluan utama kepada mereka yang masih perlu melakukan pergerakan sama ada ada untuk tujuan kerja, perniagaan atau urusan-urusan penting lain sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Warga kerja industri lebuh raya seperti pasukan ronda, petugas di plaza tol dan pasukan penyelenggaraan lebuh raya juga merupakan sebahagian daripada barisan hadapan yang sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna lebuh raya.

Industri lebuh raya juga berterima kasih kepada kerajaan yang bukan sahaja membantu di dalam melaksanakan pebagai inisiatif bagi membantu dan mencari kaedah penyelesaian terbaik bagi menangani pandemik ini tetapi juga peka dengan kesulitan yang dihadapi oleh industri lebuh raya.



Datuk Ir Mohd Shuhaimi Hassan
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya
Malaysia



RESPONS COVID-19 KAMI

Dalam menekankan matlamat utama PLUS untuk Menjaga Anda Dengan Baik, Di Sepanjang Perjalanan, kami teguh menyokong aktiviti pasukan barisan hadapan Malaysia dalam perjuangan Negara menangani wabak COVID-19. Menyedari peranan kami sebagai penggerak logistik utama aktiviti sosioekonomi di Semenanjung Malaysia, kami sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan kami kekal lancar di samping melindungi kesihatan, keselamatan, dan kesejahteraan semua pihak berkepentingan kami, daripada kakitangan kami sendiri, komuniti setempat, rakan niaga kami, sehinggaalah pelanggan kami.

Berikut merupakan perincian respons yang kami laksanakan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pertama (PKP 1.0) Malaysia pada 18 Mac 2020, yang meliputi lima objektif berikut:

- 1  Memastikan Kesinambungan Operasi Kami
- 2  Melindungi Warga PLUS
- 3  Menyokong Rantai Nilai untuk Melandaikan Lengkuk Penularan COVID-19
- 4  Menjaga Pelanggan Kami
- 5  Menyumbang kepada Komuniti Jajaran Lebuh Raya Kami



Memastikan Kesinambungan Operasi Kami

Dalam memastikan kami terus mampu menabur khidmat kepada negara, kami telah merangka strategi untuk memberi respons dan memulihkan, menggerakkan pasukan pengurusan krisis kami, dan mempercepat inisiatif digitalisasi kami untuk melindungi kesihatan dan keselamatan Warga PLUS.

Merangka Strategi yang Tepat untuk Memberi Respons dan Pemulihan

Ketika negara terkesan daripada COVID-19, kami di PLUS mengambil langkah pencegahan awal bagi memastikan bahawa kami dapat memberi respons dan pulih daripada impak wabak tersebut. Strategi respons dan pemulihan COVID-19 yang padu dan komprehensif dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan kemudiannya dilaksanakan melalui penubuhan Pejabat Pengurusan Program (PMO) kami.

Strategi ini bertindak untuk memberi panduan kepada kami dalam mengharungi kesan wabak ini dengan mengurangkan risiko yang dapat dijangka dan memanfaatkan peluang berimpak tinggi. Strategi ini juga membantu kami bersedia menghadapi norma baru di samping mengurangkan kesan buruk berpanjangan pada masa hadapan. Susulan pengenalan strategi tersebut, kami telah membangunkan dan menyusun semula rangka tindakan kami di seluruh bidang perniagaan utama dengan penekanan berterusan diberikan terhadap Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE), Proses, Sumber Manusia dan Tadbir Urus kami.



Keselamatan dan Pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19

RESPONS COVID-19 KAMI

Pengerakan Pasukan Pengurusan Krisis

Sebagai sebahagian daripada Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) kami, Pasukan Pengurusan Krisis (CMT) yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan, telah digerakkan untuk mengetuai PLUS mengharungi wabak. Melalui CMT, kami telah memastikan gangguan yang minimum terhadap operasi kami di samping mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk melindungi keselamatan barisan hadapan kami. CMT terdiri daripada wakil daripada pelbagai fungsi operasi dan sokongan untuk memastikan pendekatan menyeluruh diambil dalam memacu organisasi ke hadapan untuk mengharungi wabak tersebut.



Penjaraikan fizikal diamalkan di R&R

Patuhi SOP **Amalkan Kawalan Kendiri**

- Pakai pelitup muka ketika berada di khalayak ramai
- Jaga jarak fizikal & elak bersalaman
- Melalui saringan kesihatan Pemeriksaan suhu badan
- Daftar dan guna aplikasi MySejahtera
- Cuci tangan dengan air dan sabun atau gunakan 'hand sanitiser'
- Jaga jarak fizikal terutama ketika sesi fotografi dan sidang media

Bersama Hentikan Wabak Covid-19

www.plus.com.my PLUS Malaysia PLUSMiles @plus2u @plustrafik plus_malaysia PLUS Malaysia PLUS Malaysia

Poster nasihat mengenai SOP COVID-19 di R&R dan platform media sosial PLUS

Transformasi Inisiatif Digitalisasi Kami

Kami terus menekankan kemajuan teknologi bagi memastikan penghasilan produktiviti yang maksimum. Oleh itu, ketika Kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKP pada 18 Mac 2020, kami bersedia dengan penyelesaian dan peralatan digital untuk membolehkan Warga PLUS bekerja dari rumah atau secara jarak jauh. Antara penyelesaian digital yang dilaksanakan termasuk Pembangunan Pelan Induk Digital untuk mempercepat kewujudan ruang kerja secara maya untuk norma baharu. Ini termasuk menyediakan komputer riba (laptop) kepada Warga PLUS dan peralatan komputer kepada kakitangan bawahan di Plaza Tol/Pejabat Wilayah, memperkenalkan tandatangan digital, menyediakan latihan dan persidangan dalam talian serta penggunaan Wi-Fi di seluruh bahagian pejabat.



Pasukan Pengurusan Krisis diaktifkan sejak hari pertama PKP

RESPONS COVID-19 KAMI



Melindungi Warga Plus

Memahami risiko yang dihadapi oleh kakitangan barisan hadapan kami, yang merupakan penggerak utama yang kami gelar Warga PLUS, kami telah mengambil pelbagai langkah untuk melindungi keselamatan dan kebajikan, serta memberi sokongan dalam melaksanakan kerja mereka.

Barisan hadapan kami termasuk Pembantu dan Penyelia Operasi Pusat Pengurusan Trafik (TMC), Pembantu Khidmat Pelanggan (CSA), Penyelia Plaza Tol, kakitangan PLUSRonda dan kakitangan sokongan IT. Beberapa langkah yang kami ambil untuk melindungi mereka termasuklah:

<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan Peralatan Pelindung Diri (PPE) seperti pelitup muka, sarung tangan, pembersih tangan dan termometer Menyediakan juadah berbungkus yang disediakan oleh penyaji makanan Mempergiat aktiviti pembersihan di pejabat kami Memberi kelulusan kepada Pengurus Wilayah Perniagaan (BMR) untuk menggunakan tunai runcit dan dana kecemasan bencana untuk peralatan perlindungan segera sementara menunggu penghantaran bekalan Mengurangkan waktu bekerja dan bilangan syif disebabkan keperluan tenaga kerja yang dikurangkan susulan pengurangan jumlah trafik 	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan bilangan kakitangan PLUSRonda yang bertugas serta bilangan rondaan yang perlu dilakukan oleh PLUSRonda kami. Ini berikutan trafik yang berkurangan sekaligus menurunkan jumlah insiden yang perlu ditangani oleh PLUSRonda kami <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Sebelum PKP</th><th style="text-align: center; padding: 5px;">Semasa PKP</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">20 – 36 rondaan</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">5 – 6 rondaan dan statik (bersiap sedia sedia di lokasi terpilih)</td></tr> </tbody> </table>	Sebelum PKP	Semasa PKP	20 – 36 rondaan	5 – 6 rondaan dan statik (bersiap sedia sedia di lokasi terpilih)
Sebelum PKP	Semasa PKP				
20 – 36 rondaan	5 – 6 rondaan dan statik (bersiap sedia sedia di lokasi terpilih)				
<ul style="list-style-type: none"> Menutup semua Pusat Khidmat Pelanggan Memperkenalkan klasifikasi kenderaan jarak jauh menggunakan Pengkomputeran Rangkaian Maya (<i>Virtual Network Computing</i>) di plaza tol kami, yang membolehkan Pembantu Khidmat Pelanggan (CSA) tetap berada di bilik kawalan untuk memilih kelas kenderaan dan merekod transaksi luar biasa di lorong-lorong tol kami, dengan itu, mengurangkan kontak dengan pihak ketiga 					



Barisan hadapan kami sedia berkhidmat ketika pandemik

RESPONS COVID-19 KAMI

Mematuhi SOP yang Ketat

Sejak jauh dengan pematuhan SOP yang ketat untuk melindungi keselamatan Warga PLUS dan semua pihak berkepentingan, kami meletakkan penanda jarak yang sesuai di sekitar bangunan PLUS bagi memastikan penjarakan fizikal dipatuhi. Di samping itu, kami telah menyediakan perkara berikut:

-  Pendaftaran kontak bagi Warga PLUS dan pelawat melalui aplikasi MySejahtera dan Aplikasi PLUS kami
-  Memantau dan menghadkan bilangan orang yang dibenarkan di bangunan kami
-  Menyediakan pelitup muka percuma kepada Warga PLUS dan melakukan pemeriksaan suhu badan sebelum masuk
-  Meletakkan penanda jarak keselamatan di lantai bangunan mengenai penjarakan fizikal yang selamat
-  Melaksanakan SOP khas bagi tempat-tempat tumpuan ramai seperti gimnasium, kafeteria dan Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC)
-  Bagi Warga PLUS yang tidak berada di barisan hadapan tetapi masih penting dalam memastikan kesinambungan operasi, kami membahagikan mereka kepada dua pasukan dengan setiap pasukan bekerja dari pejabat mengikut giliran mingguan, jika perlu
-  Memberikan peringatan yang kerap dan meletakkan poster meningkatkan kesedaran mengenai SOP COVID-19

Untuk mengukuhkan tahap kepekaan terhadap keselamatan yang lebih tinggi, kami memperkenalkan Pemerhatian Positif (PO +) sebagai KPI wajib bagi semua Warga PLUS, mendorong Warga PLUS untuk membuat pemerhatian positif terhadap tingkah laku selamat yang diamalkan oleh rakan sekerja. Aktiviti ini bermatlamat untuk menarik perhatian kepada tingkah laku selamat yang diamalkan oleh Warga PLUS, di mana rakan sekerja memberi kata-kata penghargaan atau maklum balas positif apabila mengesan tingkah laku selamat, terutamanya dalam mematuhi SOP COVID-19.



Prosedur Operasi Standard HSSE untuk mengekang Covid-19 di PLUS

Versi II (2 Okt 2020)
Dokumen ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.



R&R Gurun (Arah Utara)

Sebagai langkah dan usaha dalam membendung wabak COVID-19, semua Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara wajib dipatuhi. Anda perlu memberikan maklumat berikut sebelum memasuki premis ini.



Langkah 1



Langkah 2



Langkah 3



Poster peringatan mengenai SOP COVID-19 di R&R dan platform media sosial PLUS

Kami juga telah menerbitkan buku panduan untuk Rakan Niaga dan Kontraktor kami untuk membantu mereka berusaha mengatasi wabak ini. Imbas kod QR ini untuk membaca salinan buku panduan tersebut



RESPONS COVID-19 KAMI

Pengurusan Cara Bekerja dari Rumah (WFH)

Selain pekerja kakitangan hadapan kami, seluruh Warga PLUS telah diarahkan untuk Bekerja Dari Rumah (WFH) sepanjang PKP untuk mengurangkan risiko dijangkiti virus. Ciri-ciri aturan WFH kami merangkumi yang berikut:

-  Menyediakan komputer riba (laptop) kepada semua Warga PLUS dari pelbagai fungsi
-  Memperkenalkan waktu kerja yang fleksibel dengan memberi tumpuan kepada output dan hasil kerja
-  Memperkenalkan elاعن tuntutan sehingga 60GB data internet
-  Menambah baik dan menambah modul latihan dalam talian untuk meningkatkan literasi digital
-  Menyediakan Rangkaian Peribadi Maya (VPN) kepada Warga PLUS untuk mengakses sistem dalaman



Menjalankan mesyuarat secara maya, dengan beberapa pengecualian di bawah SOP yang ketat dan dipertingkatkan



Menggerakkan pasukan Studio Inisiatif Digital (DIS) untuk menyokong pengaktifan WFH



Menerbitkan Buku Panduan Menghadapi Norma Baharu yang menyediakan tindakan yang disarankan dan cadangan yang sesuai untuk membantu Warga PLUS mengekalkan produktiviti ketika bekerja secara maya atau di pejabat di samping mematuhi keperluan SOP

Bagi memastikan bahawa PLUS mengurangkan pendedahan terhadap ancaman keselamatan siber semasa kakitangan bekerja dari rumah, kawalan dan inisiatif tambahan diambil seperti berikut:

-  Memperkuuh keperluan pengesahan masuk oleh pengguna
-  Mengatur kemas kini antivirus yang kerap
-  Menyebarluaskan peringatan berterusan mengenai jenis ancaman yang berlaku sepanjang tempoh PKP dan perlindungan yang mesti diguna pakai sepanjang tempoh PKP
-  Menubuhkan Pasukan Tindakan Kecemasan Keselamatan Siber (CERT) yang khusus untuk mengurus ancaman siber
-  Mewujudkan pelan tindak balas insiden keselamatan siber untuk membimbing Warga PLUS sekiranya berlaku ancaman keselamatan siber. Latihan siber secara maya dijalankan pada bulan Oktober 2020 untuk memastikan kesediaan mengurus ancaman keselamatan siber

Menerima Kesihatan Mental Sebagai Penyakit Normal Baharu

Kami menyedari betapa pentingnya kesejahteraan mental setiap Warga PLUS. Memandangkan kesan fisiologikal dan psikologi berikutan bekerja dari rumah, waktu kerja yang dilanjutkan, keletihan dan tekanan bersidang video, kami

percaya Kesihatan Mental merupakan isu kritikal yang mesti ditangani dengan baik dan mendalam. Sumber Manusia serta Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) menerajui inisiatif ini dengan objektif untuk mewujudkan persekitaran yang selamat yang membolehkan kakitangan berkomunikasi secara terbuka dan bebas mengenai keadaan kesihatan mental mereka dan mendapatkan bantuan dan sokongan.



Siti Nur Amirah, salah seorang Warga PLUS kami, bekerja dari rumah

RESPONS COVID-19 KAMI

**Menyokong Rantai Nilai Kami untuk Melandaikan Lengkuk Penularan COVID-19**

Bagi mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh rakan niaga dan vendor, kami telah memperkenalkan pengecualian sewa untuk rakan niaga kami, memudahcarakan pra-pesanan di R&R kami dan memberi sokongan terhadap inisiatif pembiayaan mikro Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

1 Menyokong perniagaan tempatan di R&R, Hentian Sebelah dan Restoran Jejantas kami

Oleh kerana operasi rakan-rakan niaga kami sangat terjejas berikutan PKP, kami menyediakan bantuan kepada mereka bagi mengharungi wabak tersebut. Untuk menyokong pemulihan perniagaan mereka, pengecualian sewa diberikan kepada rakan niaga dengan obligasi berkontrak yang berkenaan untuk mengurangkan beban mereka.

Pengecualian Sewa dan Bantuan Sewa	5 Bulan PKP/PKPB/PKPP
18 Mac 2020 hingga 14 Ogos 2020	2 Bulan PKPB 2.0

2 Menyediakan kemudahan dan meminimumkan kontak secara fizikal

Melalui aplikasi PLUS dan laman Facebook, kami membolehkan pelanggan untuk membuat pra-pesanan makanan daripada R&R kami. Ini merupakan usaha untuk menggerakkan respons yang pantas bagi mereka yang perlu melakukan perjalanan di lebuh raya kami. Inisiatif ini dimulakan dalam tempoh kurang daripada dua minggu sejak PKP mula dilaksanakan.




51 rakan niaga di **21 lokasi** mengambil bahagian dalam inisiatif ini (pada 31 Disember 2020).

3 Pembiayaan mikro PENJANA

Berikut pengenalan pelan rangsangan ekonomi PENJANA Kerajaan, institusi kewangan dan syarikat lain telah menawarkan bantuan pembiayaan kepada PKS. Kami membantu PKS dengan memberikan nasihat mengenai proses permohonan dan dokumentasi melalui panggilan telefon, dengan harapan rakan niaga kami mampu mendapatkan bantuan dalam berdepan dengan wabak tersebut.



During the pandemic, the Digital Visualisation Team provides continuous support to all facets of PLUS business operations from good corporate branding to communicating strategic key messages to the customers and stakeholders via production of creative visuals which, among others, include COVID-19 SOP compliance reminders and other initiatives for PLUS' multiple communication channels.

**Najihah Mohd Yasin**

Manager, Corporate, Community and Public Engagement (CCPE)



Imbas kod QR ini untuk melihat kaedah inisiatif pra-pesanan dijalankan

RESPONS COVID-19 KAMI



Menjaga Pelanggan Kami

Keselamatan pelanggan kami adalah amat penting. Pemeriksaan suhu badan dilakukan di semua kawasan rehat dan rawat (R&R) dan restoran jejantas (OBR) dan kerja pembersihan secara berjadual serta proses sanitasi dijalankan secara kerap di kemudahan awam kami.

<p>Selang masa untuk membersihkan/mensanitasi kawasan medan selera, tandas, surau dan kemudahan lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> 3 min pada waktu puncak 5 minit pada bukan waktu puncak 	<p>Memendekkan waktu operasi R&R semasa PKP:</p> <table border="0"> <tr> <td style="text-align: center;"> PKP </td> <td style="text-align: center;">6.00 pagi hingga 8.00 malam</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"> PKPB </td> <td style="text-align: center;">6.00 pagi hingga 10.00 malam</td> </tr> </table>	PKP 	6.00 pagi hingga 8.00 malam	PKPB 	6.00 pagi hingga 10.00 malam
PKP 	6.00 pagi hingga 8.00 malam				
PKPB 	6.00 pagi hingga 10.00 malam				

Dengan memanfaatkan ketersediaan digital, kami memperkenalkan chatbot PLUS Texting Realtime Interface (PUTRI). Ia berfungsi untuk menjawab pertanyaan mengenai perkhidmatan lebuhraya daripada pelanggan kami, dan memaklumkan orang ramai mengenai sebarang mengenai produk serta maklumat operasi perkhidmatan dan kemudahan di lebuhraya kami.

Gerak Malaysia Covid-19

PLUS terus komited menjaga anda sepanjang perjalanan

Urusan Tambah Nilai Menerusi Jurutol Tidak Dibenarkan

- Pastikan baki kad Touch 'n Go anda mencukupi
- Tambah nilai sebelum menggunakan lebuhraya
- Tambah nilai kad Touch 'n Go di stesen minyak, kiosk layan diri, kedai serbaneka dan mesin ATM

Maklumat Trafik Terkini

- PLUSLine **1800 88 0000**
- Twitter **PLUSTraffic**
- Gunakan Aplikasi PLUS untuk maklumat berkaitan lokasi kawasan rehat, kader tol dan paparan CCTV

Perkhidmatan PLUSRonda

Sedia membantu 24-jam, 7 hari seminggu

Jadual Pergerakan Gerak Malaysia

7 Mei	- Dari Kuala Lumpur
8 Mei	- Dari Perak, Johor dan Kelantan
9 Mei	- Dari Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Pahang
10 Mei	- Dari Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu

R&R

- Tidak dibenarkan** berkumpul di dalam kawasan R&R
- Tiada sebarang kemudahan makanan disediakan
- Sentiasa amalkan penjarakan sosial dalam kawasan R&R
- Semua surau ditutup
- Tandas awam masih dibuka
- Ruang meletak kenderaan dibuka untuk tujuan rehat sahaja. **Tidak dibenarkan** keluar dari kenderaan kecuali ke tandas

Stesen Minyak Beroperasi

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.plus.com.my atau hubungi PLUSLine **1800 88 0000**

Note: Segala maklumat adalah tepat setakat 2:00 petang, 7 Mei 2020.
Sebarang perubahan edebah tertaklik pada arahan terbaru pihak berkewajipan mese ke mese.

Poster mengenai nasihat SOP COVID-19 di platform media sosial dan R&R PLUS

PUTRI,
sedia membantu anda
24 jam sehari, 7 hari seminggu

Putri
Chatbot **PLUS**

Laman sesawang PLUS

Twitter PLUS

PLUSMiles

Laman sesawang PLUSMiles

Facebook PLUS

Aplikasi PLUS

Poster PLUS Texting Realtime Interface (PUTRI) PLUS di R&R dan platform media sosial PLUS



Imbas kod QR ini untuk menonton Iklan Raya PKP istimewa kami

RESPONS COVID-19 KAMI



Menyumbang kepada Komuniti di Sepanjang Jajaran Lebuhraya Kami

Bagi menghargai usaha penat lelah pasukan barisan hadapan perubatan di Malaysia serta menyokong kesejahteraan komuniti di sepanjang jajaran lebuh raya kami beroperasi, kami membuat sumbangan berikut:



Program Titipan Kasih Harian Metro - sumbangan RM65,000 untuk 13 rumah kebajikan (rumah anak yatim dan orang tua) merangkumi 689 penghuni dengan kerjasama Harian Metro



Tajaan air mineral kepada pihak penguatkuasa semasa sekatan jalan raya COVID-19



Sumbangan kepada Wira-Wira Lebuhraya yang Tidak Didendang @ Pekerja Khidmat Sokongan - sumbangan RM735,900 kepada 2,453 pekerja subkontraktor yang membersih, menyelenggara dan menjaga kemudahan dan premis lebuh raya. Bantuan diberikan selaras dengan nilai korporat Prihatin Terhadap Anda kerana mereka merupakan bahagian penting dalam ekosistem lebuh raya kami



Program Ibadah Korban - RM168,000 didermakan untuk menyumbang 21 ekor lembu kepada 21 masjid/lokasi yang memberi manfaat kepada 2,000 penerima



Pembayaran Zakat kepada Golongan Asnaf - Pengagihan sebanyak RM1.47 juta kepada 4,898 asnaf komuniti di sepanjang jajaran lebuh raya dengan kerjasama Lembaga Zakat dan Penghulu Kampung yang membantu mengenal pasti Asnaf yang layak




Kami membantu 13 Rumah Kebajikan di seluruh rangkaian lebuh raya kami



Pengagihan bantuan kepada Wira Lebuhraya Tidak Didendang

Kita sedia maklum kekurangan peralatan perubatan bukan hanya dihadapi di Malaysia, tetapi juga di seluruh dunia seperti mana yang dilihat di media dan media sosial. Oleh itu bantuan ini tiba tepat pada masanya dan memberi manfaat kepada pasukan barisan hadapan di HKL (Harian Metro, 16 September 2020)



Datuk Dr. Heric Corray

Ketua Pengarah Hospital
Kuala Lumpur (HKL)



RESPONS COVID-19 KAMI

Menghulur Bantuan kepada Komuniti di Sepanjang Jajaran Lebuhraya Kami dalam Menangani Kesan Wabak

PLUS menyedari tanggungjawab terhadap komuniti di sepanjang jajaran lebuhraya merentasi empat wilayah di mana lebuhraya kami beroperasi, sejajar dengan janji kami untuk *Menjaga Anda Dengan Baik, Di Sepanjang Perjalanan*.

Sebilangan besar komuniti di sepanjang jajaran lebuhraya kami terdiri daripada golongan B40, termasuk rakan niaga yang mengendalikan gerai makanan dan minuman (F&B) mereka di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R), Hentian Sebelah dan Restoran Jejantas (OBR). Ketika negara berada di bawah PKP pertama pada Mac 2020 untuk menekan penularan COVID-19, komuniti ini menyaksikan kehidupan mereka terjejas susulan penghentian aktiviti perniagaan.

Pada tahun 2020, kami menyumbang lebih RM4 juta daripada peruntukan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan zakat untuk menyokong barisan hadapan perubatan serta komuniti di sepanjang jajaran lebuhraya kami. Sepanjang lima tahun yang lalu, kami telah menyalurkan sejumlah lebih RM98 juta dalam bentuk sumbangan kepada golongan yang memerlukan.

Bagi memberikan bantuan segera dari segi peralatan kepada Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur dalam usaha membantu dan menyelamatkan pesakit COVID-19, kami telah memperuntukkan lebih RM1.2 juta untuk pembelian PPE dan juga peralatan perubatan dalam menjalankan peranan kami untuk membantu melandaikan lekuk penularan wabak.

Cabar yang dihadapi oleh komuniti di sepanjang jajaran lebuhraya kami juga mendorong Warga PLUS untuk memainkan peranan yang lebih besar untuk melakukan perbezaan. Oleh itu, Tabung Warga PLUS Prihatin (TWPP) ditubuhkan dengan bertujuan untuk membolehkan setiap pekerja mengambil bahagian dalam usaha amal yang dipersetujui oleh Pihak Pengurusan. TWPP membolehkan Warga PLUS membuat sumbangan peribadi kepada projek CSR PLUS. Ini merupakan sambungan kepada sumbangan dari segi masa dan tenaga Warga PLUS dalam projek-projek CSR sebelum ini, yang membolehkan mereka terus menjalankan aktiviti

amal dan mempamerkan budaya prihatin kami dan pada masa yang sama mengelakkan kontak fizikal berikut risiko wabak tersebut.

TWPP menyaksikan Warga PLUS yang prihatin telah berjaya menyumbang sejumlah RM130,000, dikumpulkan dalam tempoh kurang daripada 3 bulan, yang diagharkan secara sama rata antara komuniti hospital di sepanjang jajaran lebuhraya yang berhampiran dengan operasi kami iaitu; Hospital Tuanku Ja'far di Seremban, Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru, Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom di Kluang, Hospital Melaka, Hospital Tuanku Ampuan Rahimah di Klang, Hospital Selayang dan Hospital Serdang.

Diluar samping itu, sebanyak RM300,000 telah digunakan daripada peruntukan zakat untuk menyumbang dana kepada Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, yang sangat memerlukan pelbagai peralatan perubatan untuk merawat pesakit COVID-19.

Pada bulan Ramadan, kami menyalurkan bantuan wang tunai kepada lebih 10,000 komuniti di sepanjang jajaran lebuhraya, termasuk 4,898 golongan asnaf, serta 13 rumah kebajikan yang menempatkan 689 warga emas dan anak yatim. Walaupun kebanyakan hari perayaan disambut sederhana, ketika Hari Raya Aidil Adha, kami tetap komited dengan sumbangan tahunan ibadah Korban kami kepada 21 masjid dan surau, memastikan kegembiraan meraikan perayaan tersebut disambut baik bagi para penerima di dalam kemelut wabak tersebut.

Bagi menghargai ‘Wira-Wira yang Tidak Didendang’ yang terdiri daripada pekerja lebuhraya kami yang gigih menjaga aset-aset lebuhraya, kami menyumbangkan wang tunai kepada kumpulan ini, tanpa mengira kewarganegaraan dan kepercayaan agama mereka.

Kami terus memantau impak COVID-19 untuk memastikan respons yang pantas sekiranya bantuan diperlukan. Pada masa yang sama, kami tetap komited untuk menghulurkan bantuan bagi keperluan lain yang dikehendaki oleh komuniti di sepanjang jajaran lebuhraya kami, kerana kami akui peranan penting yang mereka mainkan dalam ekosistem operasi PLUS.

PLUS sumbang peralatan perubatan

Petaling Jaya: PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menyumbang peralatan perubatan bernilai RM1.2 juta dalam usaha membantu petugas barisan hadapan menangani wabak COVID-19.

Pengarah Urusannya, Datuk Azman Ismail, berkata sumbangan berbentuk peralatan perubatan dan perlindungan peribadi itu diserahkan kepada Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Sungai Buloh (HSB) dan diharap dapat membantu menyumbang kepada kadar pemulihan yang lebih tinggi.

sakit COVID-19, PLUS membantu dalam proses perolehan di mana kami memberi terus dari pembekal dan menyeleraskan penghantaran peralatan ke kedua-dua hospital terabit.

“Inilah pembabit dan bantuan yang kami boleh lakukan bersama untuk mengurangkan beban pasukan perolehan hospital itu dalam detik yang mencabar ini,” katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Katanya, PLUS menyokong segalia usaha kerajaan untuk menangani wabak dan akan terus

menjaga keselamatan dan kesihatan masing-masing.

Sementara itu, Pengarah HKL, Datuk Dr Heric Corray berkata pihaknya berterima kasih kepada PLUS atas sumbangan peralatan perlindungan peribadi (PPE) berjumlah RM938,000 yang sangat membantu pihak hospital untuk menangani wabak COVID-19.

Di Kota Samarahan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menyumbang unit kotak intubasi, perlindung muka dan cecair pembasmi kuman pada tangan kepada beberapa institusi perubatan, ter-

han dan Hospital Pakar Kuching (KPJ).

Sumbangan diserahkan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UNIMAS, Prof Dr Wan Hashim.

Penyelidik UNIMAS, Dr Charles Bong Hin Joo yang mengetuai projek mencipta kotak intubasi itu, berkata peralatan itu bagi memberi perlindungan tambahan kepada pasukan perubatan semasa merawat pesakit COVID-19, khususnya yang mengalami kegagalan pernafasan.

Cecair pembasmi kuman pada



Azman Ismail

UNIMAS, manakala pelindung muka dihasilkan bersama oleh Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Bina Alam Sekitar serta Fakulti Sains

RESPONS COVID-19 KAMI

Pengagihan Bantuan Kami Kepada Kumpulan Barisan Hadapan di Malaysia dalam Menangani COVID-19

Kami telah menyumbang peralatan pelindung diri (PPE) kepada hospital khusus COVID-19 dan hospital saringan COVID-19 di seluruh rangkaian lebuhraya kami. Dana telah dikumpulkan daripada sumber berikut:

Tabung Warga PLUS
Prihatin

RM0.13 juta

Sumbangan Zakat dan Dana
CSR Korporat PLUS

RM1.55 juta

- 6** Negeri yang kami beri sumbangan
- 7** Hospital khusus COVID-19, dan
- 3** Hospital saringan COVID-19

Selangor

- Hospital Selayang
- Hospital Sungai Buloh
- Hospital Serdang
- Hospital Tuanku Ampuan Rahimah

JUMLAH SUMBANGAN

RM318,138

Kuala Lumpur

- Hospital Kuala Lumpur

JUMLAH SUMBANGAN

RM940,000

Negeri Sembilan

- Hospital Tuanku Ja'afar

JUMLAH SUMBANGAN

RM30,000

JUMLAH SUMBANGAN

RM1.68 juta

Perak

- Hospital Raja Permaisuri Bainun

JUMLAH SUMBANGAN

RM300,000

Johor

- Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom
- Hospital Sultan Aminah

JUMLAH SUMBANGAN

RM60,000

Melaka

- Hospital Melaka

JUMLAH SUMBANGAN

RM30,000

PERJALANAN KELESTARIAN KAMI



Pemandangan waktu malam Restoran Jejantas (OBR) Sungai Buloh



PLUS is actively collaborating with various government agencies, private institutions and universities in an effort to reduce our carbon footprint, as well as placing PLUS as the leader of sustainability in Malaysia.



Umi Zaleha Mohamad Nor
Chief Engineer, PLUS



As the heartbeat of the nation by connecting people and communities, we have a responsibility to embed good sustainability culture within our practice to support Malaysia's commitment to sustainable development goals. There are many evidences to demonstrate that focus on SDGs is not only the right thing to do but it collectively enhances value creation.



Nur Afifah Mohamaddiah
Head, Governance and Integrity, PLUS

PENDEKATAN KAMI KE ARAH KELESTARIAN

Kami menguruskan sepanjang lebih 1,130km lebuh raya di Semenanjung Malaysia, menjadikan lebuh raya kami tulang belakang pengangkutan jalan raya. Menyedari bahawa perniagaan kami memberi kesan kepada kehidupan dan mata pencarian rakyat Malaysia, masyarakat setempat dan persekitaran, kami berkewajiban untuk memastikan sumbangan yang positif di seluruh bidang sosioekonomi dan persekitaran yang berhubung dengan kami. Pada tahun 2020, kami memuktamadkan aspirasi kelestarian sebagai sebahagian daripada perjalanan berterusan kami untuk memupuk kelestarian.

Usaha kami dalam kelestarian adalah berdasarkan pelbagai inisiatif yang telah kami laksanakan selama bertahun-tahun untuk mewujudkan impak positif kepada masyarakat Malaysia dan alam sekitar. Pada masa yang sama, kami telah meningkatkan mekanisme tadbir urus korporat kami untuk menunjukkan komitmen kami terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Dengan formalisasi aspirasi kelestarian kami pada tahun 2020, kami telah mengenal pasti perkara-perkara material atau penting dan inisiatif kami yang berkaitan dengannya, yang dikategorikan menurut spektrum Persekitaran (Environmental), Sosial (Social) dan Tadbir Urus (Governance) (ESG). Sejajar dengan ini, kami mewujudkan struktur tadbir urus yang sesuai untuk memantau pelaksanaan aktiviti kelestarian kami. Pendekatan kelestarian kami memastikan pengurusan peluang dan risiko yang wajar secara strategik untuk membolehkan penciptaan nilai dalam jangka panjang.

Untuk menyelaras usaha kelestarian, kami telah mengambil lapan langkah berikut, dimulai dengan mengenal pasti keperluan yang harus dipatuhi, dan diakhiri dengan penerbitan laporan kelestarian untuk meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban ke atas aktiviti kami.

Lapan Langkah Pendekatan Kami

- 1 Keperluan**
Mengenal pasti keperluan dalam Perjanjian Konsesi serta undang-undang dan peraturan yang terpakai
- 2 Tanda Aras**
Mengenal pasti amalan organisasi lain dan penggiat industri yang sama
- 3 Piawaian**
Mengenal pasti garis panduan dan piawaian peringkat kebangsaan dan global mengenai amalan dan penzahiran
- 4 Mengatur Strategi**
Merumus strategi dan keputusan yang diinginkan (rangka kerja) dalam mengurus kelestarian
- 5 Tadbir Urus**
Mewujudkan struktur tadbir urus dan pelaporan bagi pelaksanaan dan pemantauan semua perkara berkaitan kelestarian
- 6 Materialiti**
Mengenal pasti pihak berkepentingan dan memahami perkara-perkara kelestarian yang penting bagi mereka
- 7 Menyusun Keutamaan**
Merangka aspirasi dan bidang-bidang tumpuan untuk tindakan segera dan masa depan
- 8 Laporan**
Menzahirkan inisiatif dan usaha kelestarian melalui laporan berkala

PENDEKATAN KAMI
KE ARAH KELESTARIAN

Mewujudkan Garis Dasar



Keperluan

Kami mula mengenal pasti keperluan dalam Perjanjian Konsesi, serta undang-undang dan peraturan yang mentadbir dan boleh mempengaruhi perniagaan dan operasi kami di seluruh spektrum ESG. Ini membantu kami dalam menetapkan garis dasar keperluan minimum berkaitan kelestarian yang perlu dipenuhi dalam perniagaan dan operasi kami.



Tanda Aras

Kami kemudian menjalankan proses menanda aras atau benchmarking kelestarian terhadap syarikat lain yang relevan dengan perniagaan kami, serta syarikat lain yang terkemuka dalam amalan lestari. Ini telah membantu kami memahami pandangan dan amalan dari pada rakan dan pemimpin industri yang lain.



Piawaian

Seterusnya, kami melakukan penyelidikan ke atas garis panduan tempatan dan global yang berkaitan dengan amalan dan pelaporan kelestarian. Melalui penyelidikan ini, kami dapat menyeleraskan inisiatif kami dengan lebih baik berpandukan garis panduan tempatan dan antarabangsa yang terkemuka.

Beberapa piawaian tersebut termasuk:

Tempatan

Antarabangsa



Panduan Pelaporan Kelestarian (Sustainability Reporting Guideline) Bursa Malaysia

Memberi panduan terperinci mengenai pelaporan menurut Keperluan Penyenaraian yang berkaitan dengan kelestarian, termasuk pendedahan contoh dan cadangan amalan baik.



Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG)

Menggariskan amalan tadbir urus korporat yang baik, dan penzahiran mengenai amalan kelestarian, dan disyorkan kepada syarikat-syarikat bukan awam yang tersenarai.



Lembaga Piawaian Perakaunan Kelestarian (Sustainability Accounting Standards Board) (SASB)

Memberi tumpuan kepada maklumat penting dari segi kewangan yang meliputi pelbagai bidang kelestarian mengikut industri, termasuk topik alam sekitar dan sosial.



Inisiatif Pelaporan Global (Global Reporting Initiative) (GRI)

Menyediakan panduan penzahiran dan prinsip pelaporan untuk membantu organisasi meningkatkan ketelusan dan menyampaikan impak mereka terhadap pembangunan lestari.



Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG)

Gesaan sejahtera untuk bertindak menjelang tahun 2030 dengan menghasilkan satu set matlamat sejahtera yang memenuhi cabaran persekitaran, sosial dan ekonomi yang mendesak.

PENDEKATAN KAMI KE ARAH KELESTARIAN

Keselarasan Kami dengan SDG

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mewakili hasrat dunia untuk membasmi kemiskinan, melindungi bumi dan memastikan bahawa semua orang menikmati kedamaian dan kemakmuran menjelang 2030. Dalam menyedari peranan penting yang dimainkan oleh SDG untuk meningkatkan hasil jangka panjang, terutamanya kepada generasi akan datang, kami telah menyelaraskan inisiatif kelestarian kami terhadap SDG bagi menyokong agenda kelestarian global.

Untuk tujuan ini, kami telah mengenal pasti lapan SDG yang dapat kami sumbangkan secara signifikan, seperti mana yang telah dinyatakan dalam bahagian ini. Kami telah merujuk kepada SDG yang relevan dengan inisiatif kelestarian tertentu kami yang dilaporkan dalam Laporan Kelestarian ini.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY

Memastikan Akses kepada Tenaga yang Mampu Dimiliki, Boleh Dipercayai, Lestari dan Moden untuk Semua

Sejak 2016, kami mempercepat usaha untuk menambah baik kecekapan tenaga secara signifikan dan meningkatkan pelaburan kami untuk memperoleh sumber tenaga boleh diperbaharui. Kami juga berusaha ke arah mempercepat penggunaan tenaga lestari.

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi yang Berterusan, Inklusif dan Lestari, Guna Tenaga Penuh dan Produktif serta Kerja yang Bersesuaian untuk Semua

Kami menyediakan pekerjaan yang saksama dan munasabah untuk semua Warga PLUS tanpa mengira jantina, bangsa atau sebarang kekurangan mereka. Kami menggalakkan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang bekerjasama dengan kami, dan menyediakan peluang pembangunan dalam bidang kepentingan bersama.

9 INDUSTRY INNOVATION AND INFRASTRUCTURE

Membangunkan Infrastruktur yang Berdaya Tahan, Menggalakkan Perindustrian Inklusif dan Lestari serta Memupuk Inovasi

Kami membangunkan dan menyelenggara infrastruktur yang berdaya tahan dan lestari, dengan meningkatkan penggunaan teknologi dan proses hijau. Kami juga bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan untuk menyokong penyelidikan dan inovasi domestik.

10 REDUCED INEQUALITIES



Mengurangkan Ketidaksamaan di dalam dan Antara Negara

Di PLUS, kami secara proaktif mengurangkan ketidaksamaan dan menggalakkan konsep sama rata tanpa mengira usia, jantina, kekurangan atau status lain. Kami meningkatkan peranan untuk menyokong pertumbuhan golongan isi rumah terendah Bawah 40 peratus (B40) daripada jumlah penduduk melalui bantuan dan kolaborasi yang disasarkan.

11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES

Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan dan Lestari

12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION



Memastikan Pola Penggunaan dan Pengeluaran yang Lestari

Kami meneroka kebarangkalian untuk meningkatkan adaptasi amalan penggunaan lestari yang merangkumi pengurangan sisa yang terhasil daripada operasi kami. Kami juga menggalakkan amalan ini kepada pihak berkepentingan kami seperti para pelanggan, rakan niaga dan vendor.

13 CLIMATE ACTION

Mengambil Tindakan Segera untuk Menangani Perubahan Iklim dan Kesannya

16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS



Menggalakkan Masyarakat yang Aman dan Inklusif untuk Pembangunan yang Lestari, Memberi Akses kepada Keadilan untuk Semua dan Membangunkan Institusi yang Berkesan, Bertanggungjawab dan Inklusif pada Semua Peringkat

Kami mengambil langkah-langkah untuk memastikan PLUS adalah bebas daripada segala bentuk korupsi dan rasuah melalui proses membuat keputusan yang mantap, ketelitian wajar dan kebertanggungjawaban serta ketulusan yang diperkuuh.



Imbas Kod QR ini untuk maklumat lanjut mengenai SDG

PENDEKATAN KAMI KE ARAH KELESTARIAN



Mengatur Strategi

Seterusnya, kami mengenal pasti aspirasi yang khusus bagi setiap faktor Persekutaran (Environmental), Sosial (Social) dan Tadbir Urus (Governance) (ESG), dan menetapkan inisiatif berdasarkan hasil yang akan kami laksanakan untuk mencapai aspirasi kami. Rangka kerja kelestarian kami adalah seperti berikut:

Memastikan operasi PLUS adalah lestari dan mengambil kira pertimbangan ESG			
Matlamat	Persekitaran (Environmental)	Sosial (Social)	Tadbir Urus (Governance)
Faktor ESG			
Aspirasi	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Untuk mempergiat usaha ke arah mengurangkan pelepasan karbon dalam operasi dan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) ➤ Untuk memanfaatkan teknologi hijau bagi kecemerlangan operasi dan daya saing ➤ Untuk menerapkan amalan persekitaran yang baik dan menetapkan minda kelestarian dalam membuat keputusan strategik dan operasi 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Untuk mendukung misi dan visi kami, dan menerapkan nilai-nilai teras dalam memenuhi jangkaan pihak berkepentingan ➤ Untuk mewujudkan impak sosial dan ekonomi yang positif kepada semua pihak berkepentingan di seluruh rangkaian lebuh raya dan ekosistem perniagaan kami ➤ Untuk menggalakkan kepentingan keselamatan dan memperlengkap tenaga kerja dan ekosistem kami untuk menerima pakai teknologi dan bersedia untuk masa depan 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Untuk mencapai objektif perniagaan kami di samping menerapkan amalan tadbir urus yang baik dan memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan ➤ Untuk menginstitusikan tadbir urus yang baik melalui adaptasi piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ➤ Untuk memenuhi jangkaan pihak berkepentingan dan memastikan kelestarian perniagaan dengan mengenal pasti dan mengurus risiko serta peluang secara aktif



Laluan Nusajaya-Gelang Patah, Linkedu

MENTADBIR KELESTARIAN



Tadbir Urus

Amalan kelestarian kami adalah berasaskan struktur tadbir urus yang mantap dan menggalakkan akauntabiliti untuk memenuhi komitmen dan aspirasi kami. Kami juga melihat tadbir urus kelestarian sebagai satu cara bagi PLUS untuk berada seiring dengan amalan terbaik antarabangsa yang menyahut gesaan masyarakat terhadap tanggungjawab korporat, ketelusan, keadilan dan akauntabiliti yang lebih besar. Dengan ini, kami dapat meningkatkan lagi hubungan dengan pihak berkepentingan dan menambah penciptaan nilai.

Walaupun pendekatan kami terhadap kelestarian diterapkan di seluruh organisasi, Lembaga Pengarah kami menyediakan tahap tadbir urus dan pengawasan tertinggi melalui Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan, Lembaga (BGRCC). Dengan menerima pakai pendekatan ini, kami memastikan bahawa komitmen terhadap kelestarian diamalkan sebagai satu usaha kolektif antara semua Warga PLUS.

BGRCC disokong oleh Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan, Pengurusan (MGRCC). MGRCC diterajui oleh Pengarah Urusan kami yang memastikan bahawa strategi kelestarian kami adalah sejajar dengan keseluruhan strategi perniagaan PLUS, dan mengambil kira peluang dan risiko kami.

Pengawasan dan penyelarasan dalaman inisiatif kelestarian kami ditugaskan kepada Pasukan kelestarian, di mana pelbagai fungsi perniagaan kami bertanggungjawab untuk pelaksanaan dan mengenalpasti inisiatif yang sejajar dengan faktor ESG. Pasukan Kelestarian bersama pelbagai fungsi perniagaan bekerjasama rapat untuk melaksanakan agenda kelestarian kami. Kami juga telah menujuhkan jawatankuasa kerja seperti Jawatankuasa Pengurusan Tenaga dan Jawatankuasa Pemandu Projek, yang terdiri daripada pakar bidang dalaman, untuk memantau pelaksanaan inisiatif tertentu.



Matahari terbit di Jambatan Pulau Pinang

PEMILIK INDIVIDU (FUNGSI PERNIAGAAN)	PASUKAN KELESTARIAN
<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan inisiatif ESG baharu dan relevan Melaksanakan inisiatif kelestarian menurut peruntukan dan garis masa yang diluluskan Memantau dan melaporkan kemajuan dan pencapaian inisiatif Memaklumkan isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan inisiatif/program 	<ul style="list-style-type: none"> Terdiri daripada individu utama dari pelbagai fungsi di seluruh PLUS untuk melaksanakan dan menjalankan inisiatif kelestarian Bahagian Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan bertindak sebagai penyelaras pusat untuk mengumpul pembangunan dan pelaksanaan pelan dan inisiatif kelestarian serta memastikan ia dilaporkan kepada Pengarah Urusan dan BGRCC pada masa yang tepat Mengenal pasti peluang penambahbaikan berterusan dalam strategi, rangka kerja dan dasar kelestarian PLUS

MENTADBIR KELESTARIAN



MGRCC	BGRCC	LEMBAGA PENGARAH
<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pelan dan inisiatif kelestarian yang sesuai dibangunkan, dilaksana dan dilaporkan Mencadangkan strategi, rangka kerja dan dasar kelestarian 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan panduan dan mengesyorkan penambahbaikan dalam hal-hal berkaitan kelestarian Mengkaji semula dan mengesyorkan strategi, rangka kerja, dasar kelestarian serta inisiatif dan pelan untuk kelulusan Lembaga Pengarah 	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pemantauan terhadap semua hal yang berkaitan dengan kelestarian Mengkaji semula dan meluluskan strategi, rangka kerja dan dasar kelestarian

PEMBABITAN BERSAMA PIHK BERKEPENTINGAN



Tahap
Kepentingan

Untuk menyampaikan impak inisiatif kelestarian kepada pihak berkepentingan, kami melakukan penilaian tahap kepentingan atau materialiti melalui tinjauan penglibatan kelestarian untuk mengenal pasti hal-hal kelestarian yang penting kepada pihak berkepentingan kami. Dalam menjalankan penilaian materialiti tersebut, kami menggunakan langkah-langkah berikut:

Menetapkan garis dasar dengan menggunakan piawaian antarabangsa yang disesuaikan kepada industri infrastruktur dan pengangkutan.

Langkah 1

Mengkaji semula garis dasar yang ditetapkan terhadap strategi, laporan risiko dan trend kami untuk menentukan perkara kelestarian yang paling relevan dengan PLUS.

Langkah 2

Mengenal pasti pihak berkepentingan dalam dan luaran utama, dan seterusnya merangka pendekatan yang paling sesuai bagi pembabitan.

Langkah 3

Mengadakan pembabitan bersama pihak berkepentingan dalam dan luaran melalui temu ramah bersemuka dan dalam talian serta tinjauan dalam talian untuk memahami jangkaan dan kebimbangan mereka.

Langkah 4

Merangka matriks tahap kepentingan bagi PLUS berdasarkan hasil pembabitan dengan menggunakan purata wajaran dan mengesahkannya dengan Pengurusan Kanan dan Lembaga.

Langkah 5



Keahlian dan Persatuan

Kami percaya bahawa impak positif kami terhadap alam sekitar dan masyarakat dapat dipertingkatkan lagi melalui kolaborasi dengan organisasi lain. Selain daripada lapan kumpulan pihak berkepentingan di atas, kami juga merupakan ahli dalam organisasi berikut yang aktif mengadakan pembabitan bersama peserta industri lain untuk berkongsi amalan terbaik dan belajar antara satu sama lain:

- 1 Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM)
- 2 Pertubuhan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM)
- 3 Persatuan Pengiklan Malaysia
- 4 Persatuan Sistem Pengangkutan Pintar Malaysia
- 5 Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR)
- 6 Institusi Lebuhraya dan Pengangkutan Berkanun (CIHT)
- 7 Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat (ASC)

PEMBABITAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Kumpulan Pihak Berkepentingan	Bagaimana Kami Memberi Impak Antara Satu Sama Lain	Bagaimana Kami Mengadakan Pembabitan Bersama Mereka
 Kerajaan dan Pengawal Selia	<ul style="list-style-type: none"> Pihak Kerajaan dan Pengawal Selia membangunkan, mentadbir dan membuat dasar-dasar yang mempunyai impak terhadap operasi dan aktiviti perniagaan kami Kami memainkan peranan utama untuk memenuhi agenda negara, dengan melaksanakan dasar-dasar kerajaan dalam operasi dan aktiviti perniagaan kami 	<ul style="list-style-type: none"> Pembabitan aktif dengan kementerian, pengawal selia dan pihak berkuasa berkaitan Memupuk budaya beretika dan cakna risiko berdasarkan peraturan
 Pemegang Sukuk	<ul style="list-style-type: none"> Pemegang sukuk menyumbang kepada pembentukan modal yang diperlukan bagi pembinaan dan penswastaan projek lebuhraya PLUS Kami bertanggungjawab untuk memastikan obligasi kewangan dan perjanjian dipenuhi pada setiap masa 	<ul style="list-style-type: none"> Penzahiran yang telus melalui agensi penarafan dan pemegang amanah Taklimat dan pembabitan yang kerap melalui mesyuarat agung dan mesyuarat tidak rasmi Menyampaikan strategi kelestarian
 Pemegang Saham	<ul style="list-style-type: none"> Pemegang saham menyediakan modal ekuiti yang diperlukan untuk pembinaan dan penswastaan projek lebuhraya PLUS Kami komited untuk melaksanakan strategi dan menyampaikan pulangan lestari jangka panjang kepada pemegang saham kami melalui penciptaan nilai ekonomi 	<ul style="list-style-type: none"> Taklimat dan pembabitan kerap melalui mesyuarat, lawatan tapak dan persidangan Pelaporan dan penzhiran korporat yang telus dan bertepatan masa melalui pelbagai platform Menyampaikan strategi kelestarian
 Kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> Kakitangan bergantung kepada kami untuk menyediakan sumber pendapatan yang terjamin, serta tempat kerja yang selamat dengan peluang yang saksama bagi pembangunan kerjaya Kami memperakui bahawa kakitangan memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai dan melaksanakan strategi 	<ul style="list-style-type: none"> Menerbitkan risalah komunikasi dalaman, perjumpaan suku tahunan dan portal intranet bagi kakitangan PLUS Menyediakan manfaat dan imbuhan yang kompetitif Mengukuh hubungan kerja secara berpasukan melalui sukan dan aktiviti rekreasi Menyokong pembangunan bakat dan latihan
 Pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan bergantung kepada kami untuk menyediakan perjalanan di lebuhraya yang lancar, boleh dipercayai dan pada kos berpatutan Kami membangunkan strategi untuk memenuhi jangkaan pelanggan, oleh kerana mereka memberi kami peluang untuk memacu prestasi perniagaan kami 	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan pembabitan bersama pelanggan dan komuniti melalui Program Kesetiaan Menggalakkan interaksi pelanggan melalui Pusat Hubungan Pelanggan, laman web dan platform media sosial Kekerapan laporan keadaan trafik oleh Pusat Kawalan Trafik (TMC)
 Rakan Niaga dan Vendor	<ul style="list-style-type: none"> Rakan Niaga dan Vendor bergantung kepada kami untuk menyediakan peluang perniagaan dan jaminan sumber kewangan Kami memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk berkembang dan meningkatkan keupayaan mereka di seluruh industri, serta menjadi lebih berdaya tahan dan berdaya saing 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan penzhiran penuh mengenai polisi pemerolehan kami di laman web korporat Mengadakan taklimat pembekal dan program pembinaan keupayaan Pembabitan berterusan dalam mesyuarat dan menyampaikan usaha kami dalam menangani keimbangan mereka
 Orang Awam (Termasuk Komuniti Jajahan Lebuhraya dan Media)	<ul style="list-style-type: none"> Orang awam berharap agar kami menjadi syarikat yang boleh dipercayai, bertanggungjawab dan lestari, yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi Kami menyebarkan maklumat kepada pihak berkepentingan melalui media dan mengumpul maklumat berguna mengenai ekosistem perniagaan kami daripada pihak awam 	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan dan melaksanakan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) melalui pendidikan, pembabitan komuniti dan pemuliharaan alam sekitar. Ini termasuk inisiatif Pemeriksaan Bumiputera Pelbagai inisiatif pewujudan tempat dan penglibatan sivik
 NGO dan Pakar Luar	<ul style="list-style-type: none"> NGO dan Pakar Luar memberi kami pandangan mengenai usaha kelestarian berkaitan yang mereka wakili Kami bekerjasama dengan mereka untuk meningkatkan standard industri lebuhraya dan mengumpulkan maklum balas mengenai operasi kami 	<ul style="list-style-type: none"> Menyumbang melalui pelaburan komuniti termasuk derma, pengumpulan dana dan program kesukarelawan Meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan trafik dalam komuniti setempat Pelbagai inisiatif pewujudan tempat dan penglibatan sivik


MENETAPKAN MATERIALITI



Matriks Tahap Kepentingan kami menggariskan perkara kelestarian utama yang penting kepada PLUS dan pihak berkepentingan kami. Ia membantu kami untuk menyusun keutamaan sumber kami dalam menangani perkara kelestarian yang amat penting dan pada masa yang sama mengawasi semua perkara kelestarian yang lain.

Matriks Tahap Kepentingan atau Materialiti Kami

Penilaian tahap kepentingan membolehkan kami membangunkan matriks tahap materialiti berikut:



Perkara Kelestarian Kami yang Sangat Penting

- 1 Pengurusan Tenaga
- 1 Keselamatan Jalan Raya
- 2 Pengurusan Kesesakan Trafik
- 3 Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
- 5 Pengalaman Pelanggan
- 6 Tenaga Kerja yang Cekap
- 9 Digitalisasi dan Inovasi
- 12 Amalan Pemerolehan Adil dan Cekap
- 1 Etika dan Integriti
- 3 Bertindak kepada Krisis dan Kecemasan
- 4 Keselamatan Data
- 5 Pematuhan Kepada Undang-Undang dan Peraturan
- 6 Pengurusan Kewangan



Persekutaran (Environmental)

- 1 Pengurusan Tenaga
- 2 Pencemaran Udara (Pelepasan Gas Rumah Hijau)
- 3 Pengurusan Air
- 4 Pengurusan Sisa
- 5 Bahan Lestari
- 6 Impak Ekologi



Sosial (Social)

- 1 Keselamatan Jalan Raya
- 2 Pengurusan Kesesakan Trafik
- 3 Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
- 4 Pembangunan Infrastruktur
- 5 Pengalaman Pelanggan
- 6 Tenaga Kerja Cekap
- 7 Pembangunan Modal Insan
- 8 Hak dan Amalan Pekerja
- 9 Digitalisasi dan Inovasi
- 10 Menyokong Komuniti Jajaran Lebuhraya
- 11 Pemerkaasan Bumiputera
- 12 Amalan Pemerolehan yang Adil dan Cekap
- 13 Penjenamaan dan Reputasi



Tadbir Urus (Governance)

- 1 Etika dan Integriti
- 2 Pengurusan Risiko
- 3 Bertindak Terhadap Krisis dan Kecemasan
- 4 Keselamatan Data
- 5 Pematuhan Kepada Undang-Undang dan Peraturan
- 6 Pengurusan Kewangan

POLISI KELESTARIAN KAMI

Dalam usaha kami untuk terus membangun ke arah kelestarian, kami memberi tumpuan dengan memenuhi keperluan sektor pengangkutan yang semakin berkembang, mengurangkan pelepasan karbon dan kekal kompetitif. Kami komited untuk mencapai keseimbangan ini dengan menumpukan kepada usaha berdasarkan perkara berikut:



Persekutaran (Environmental)

- Untuk mempergiat usaha ke arah mengurangkan pelepasan karbon dalam operasi kami dan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui
- Untuk memanfaatkan teknologi hijau untuk kecemerlangan operasi dan daya saing
- Untuk menerapkan amalan persekitaran yang baik dan menetapkan minda kelestarian dalam membuat keputusan strategik dan operasi



Sosial (Social)

- Untuk mendukung misi dan visi kami, dan menerapkan nilai-nilai teras dalam memenuhi jangkaan pihak berkepentingan
- Untuk mewujudkan impak sosial dan ekonomi yang positif kepada semua pihak berkepentingan di seluruh rangkaian lebuhraya dan ekosistem perniagaan
- Untuk menggalakkan kepentingan keselamatan dan memperlengkap tenaga kerja dan ekosistem kami untuk menerima pakai teknologi dan bersedia untuk masa depan




Tadbir Urus (Governance)

- Untuk mencapai objektif perniagaan kami di samping menerapkan amalan tadbir urus yang baik dan memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan
- Untuk menginstitusikan tadbir urus yang baik melalui adaptasi piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa
- Untuk memenuhi jangkaan pihak berkepentingan dan memastikan kelestarian perniagaan dengan mengenal pasti serta mengurus risiko dan peluang secara aktif



Bukit Lanjan, Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE)

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI



Pandangan daripada udara sistem PV Solar yang dipasang di R&R Machap Arah (Arah Utara)



A blurred aerial photograph of a road winding through a dense tropical forest. A large, semi-transparent circular graphic is overlaid on the center of the image. Inside this circle is a white logo consisting of two stylized lowercase letters, 'bb'. Below this logo, a horizontal line leads down to a portrait of a man. The portrait is set against a background of solar panels, suggesting a focus on renewable energy. The man is wearing a dark suit jacket over a light-colored shirt. To the right of the portrait, another small circular logo is visible, featuring the letters 'qq'.

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI




SDG ini adalah relevan bagi pengelolaan persekitaran kami

Usaha kami untuk memupuk kelestarian persekitaran dipacu oleh Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2018-2022, yang menggariskan rancangan lima tahun bagi transformasi PLUS menjadi sebuah organisasi hijau.

Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2018-2022

Kami membangunkan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS untuk menyahut cabaran utama kami sebelum memenuhi keperluan sektor pengangkutan yang semakin meningkat di samping berkembang secara lestari, mengurangkan pelepasan karbon kami dan kekal berdaya saing. Pelan Hala Tuju Hijau PLUS juga menggariskan usaha kami untuk memanfaatkan teknologi dan amalan hijau untuk mencapai kecemerlangan operasi dan meneruskan inovasi produk dan perkhidmatan kami. Pembangunan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS berpandukan kepada Rangka Kerja Hijau PLUS, seperti berikut:


Rangka Kerja Hijau PLUS



Imbas kod QR ini untuk membaca Pelan Hala Tuju Hijau PLUS 2018-2022

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

Dalam menyampaikan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS, kami telah mengenal pasti pencapaian dan matlamat berikut:



Pelan tindakan dan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Hijau PLUS (Pelan Hala Tuju) disasarkan untuk mencipta nilai bagi kami melalui pengurangan kos operasi, mengembangkan minda hijau, memupuk inovasi dalam kalangan Warga PLUS, dan mengurus impak kami terhadap persekitaran.

Sehubungan itu, kami melihat Pelan Hala Tuju ini sebagai salah satu strategi utama dalam mengekalkan prestasi dan daya saing kami.

Pelan Hala Tuju tersebut juga menggariskan pendekatan kami dalam mengurus enam perkara penting berkaitan alam sekitar:

- Pengurusan Tenaga**
- Pencemaran Udara (Pelepasan Gas Rumah Hijau) (GHG)**
- Pengurusan Air**
- Pengurusan Sisa**
- Bahan Lestari**
- Impak Ekologi**



Pengurusan Tenaga

Kepentingan Pengurusan Tenaga Kepada Kami:

Pengurusan tenaga secara cekap dalam operasi memberi tumpuan kepada tenaga yang boleh diperbaharui, mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan elektrik dari sistem grid dan penggunaan bahan bakar fosil.

Aspirasi Kami:

Untuk mencapai penjimatan tenaga sebanyak 3% setahun dan 15% bagi 2018-2022, berdasarkan Laporan Penilaian Garis Dasar Gas Rumah Hijau (GHG) 2016 kami, dengan penggunaan teknologi dan amalan hijau melalui pendekatan Piramid Tenaga.




Pemeriksaan rutin ke atas sistem PV Solar pada Januari 2020



Imbas kod QR ini untuk membaca Laporan Penilaian Garis Dasar GHG 2016 kami

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI



Inisiatif dan Sorotan

Berpandukan pematuhan terhadap pelbagai piawaian, kami telah menyediakan rangka kerja berstruktur untuk mengurus dan menambah baik penggunaan tenaga kami. Pada penghujung tahun 2020, kami mencatatkan pengurangan penggunaan tenaga sebanyak 25% daripada Penilaian Garis Dasar 2016 kami, iaitu bersamaan dengan 2,170MWj, melalui gabungan langkah-langkah penjimatan tenaga dan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui.

Sistem Pengurusan Tenaga Lestari kami memastikan pengurusan tenaga cekap yang merangkumi semua aspek penggunaan tenaga di PLUS dan bukan sahaja melibatkan mesin dan peralatan, tetapi juga penerapan amalan operasi terbaik.

Sistem Pengurusan Tenaga Lestari diterajui oleh Jawatankuasa Pengurusan Tenaga kami, yang diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi dan dibantu oleh pasukan teknikal yang berpengalaman dan tujuh pengurus tenaga yang ditauliah oleh AEMAS. Dengan wujudnya sistem ini, kami menyatakan komitmen untuk menguruskan penggunaan tenaga dengan cekap serta menggalakkan amalan cekap tenaga dalam kalangan Warga PLUS.

Usaha kami setakat ini telah diperakui melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan yang kami capai, termasuk Pengiktirafan Penarafan 1-Diamond bagi Penilaian Karbon Rendah Bangunan (Operasi Greenpass) oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) yang diperolehi pada tahun 2019, berikutan pengurangan sebanyak 6.75% dalam pelepasan gas, yang bersamaan dengan 286.78tCO₂/tahun, atau 413,228kWj/tahun di bangunan Persada PLUS.



Piawaiian pengurusan tenaga yang kami patuhi:

- > MS 1525:2019 Kecekapan Tenaga dan Penggunaan Tenaga Boleh Diperbaharui bagi Bangunan Bukan Kediaman
- > ISO 50001:2011 Sistem Pengurusan Tenaga
- > Skim Pengurusan Tenaga ASEAN (AEMAS)
- > ISO 14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar

Pencapaian utama kami:



Pemenang kategori Pengurusan Tenaga bagi Bangunan Besar di Anugerah Tenaga Kebangsaan 2020




Tempat kedua Anugerah Tenaga ASEAN 2020 bagi Pengurusan Tenaga (kategori Bangunan Besar)



Imbas kod QR ini untuk melihat Polisi Pengurusan Tenaga kami

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

Sejak 2018, kami mencapai kemajuan berikut dalam pengurusan tenaga di seluruh operasi kami:



Melangkah ke hadapan, kami akan giat berusaha untuk melindungi perniagaan kami daripada peningkatan kos elektrik. Tambahan pula, kami berhasrat untuk meneroka lebih banyak cara untuk menjana elektrik sendiri sebagai langkah proaktif untuk melaksanakan penyelesaian alternatif bagi masa hadapan.

Transformasi Bangunan Hijau Persada PLUS

Kami telah memulakan beberapa langkah penjimatan tenaga di ibu pejabat Persada PLUS dan telah menjalankan satu Audit Tenaga untuk menaksir:

- Amalan pengurusan dan penggunaan tenaga di Persada PLUS
- prestasi tenaga dan mengenal pasti peluang bagi penambahbaikan tanpa menjaskan tahap keselamatan, operasi dan keselesaan



Kami mencatatkan **penjimatan sebanyak 25% bagi elektrik**, iaitu bersamaan

2,170MWj

pada 2020 berbanding garis dasar kami pada 2016



Ketua Pegawai Operasi bersama pasukan Pengurus Tenaga PLUS pada Februari 2020

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

Rangkuman inisiatif pengurusan tenaga di Persada PLUS:



1

Penggantian inverter penyamanan udara untuk mengurangkan output kuasa, mengurangkan 2.6% penggunaan tenaga dan menjimatkan sebanyak RM28,093 dalam kos operasi tahunan.

2

Pemasangan Pemacu Kekerapan Boleh Ubah untuk mengurangkan bil utiliti kami dengan menurunkan penggunaan tenaga dan membolehkan operasi menara penyejuk (cooling tower), pam air sejuk dan pam air pemampat yang lebih cekap, menghasilkan penjimatan tenaga tahunan sebanyak 7.5%, bersamaan dengan 157.57tCO₂/tahun.

3

Semakan kepada masa pemula bagi penyejuk dan unit pengendalian udara (AHU) beroperasi pada selang waktu untuk mengurangkan penggunaan tenaga, yang memberi penjimatan kos tenaga tahunan sebanyak RM23,860.

4

Pembuangan lampaui daripada 145 bilik dan kawasan pejabat untuk mengurangkan pencahayaan dan penggunaan tenaga berlebihan, menghasilkan penjimatan tenaga tahunan sebanyak 23,105kWj/tahun.

Pandangan udara Persada PLUS

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

**5**

Penukaran skim tarif elektrik kami kepada skim C1 Tarif Rider Masa Luar Puncak, yang memberi diskaun 20% kepada semua unit yang digunakan antara jam 10.00 malam hingga 8.00 pagi, yang memberikan penjimatan kos tenaga tahunan sebanyak RM85,217.

6

Pemasangan lampu pengesan pergerakan bagi bilik air, bilik fail, dan bilik solat untuk mengelakkan lampu dibiarkan terbuka tanpa keperluan, yang juga mengurangkan kos operasi dan penggantian mentol lampu terbakar yang menghasilkan penjimatan tenaga tahunan sebanyak 76,860kWj dan penjimatan kos tenaga tahunan sebanyak RM28,053 setahun.

7

Menaik taraf lampu LED di bangunan Persada PLUS telah memberi penjimatan tenaga sebanyak 60.9% setahun berbanding garis dasar pada 2016, yang bersamaan 548,863.65tCO₂/tahun dengan penjimatan kos operasi tahunan sebanyak RM200,335.

8

Pemasangan sistem fotovoltaik (PV) solar berjumlah 442.08kWp yang membawa kepada penjimatan kos tenaga sebanyak RM276,323 setahun dan penjimatatan pelepasan CO₂ sebanyak 191.77tCO₂/tahun.

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

Menggunakan Sistem Teknologi untuk Mengurus Tenaga Kami

Kami menggunakan pakai beberapa sistem dan aplikasi teknologi untuk membantu kami memantau, mengurus dan mengurangkan penggunaan tenaga. Ini termasuk:



Portal PLUS MyUtilities

Portal intranet ini merupakan platform berpusat untuk memantau, merekod dan menganalisis penggunaan dan kos utiliti bulanan. Portal ini juga membolehkan kami mengumpulkan data mengenai penggunaan elektrik dan air serta mengenal pasti faktor bagi sebarang kenaikan atau penurunan trend. Data ini seterusnya membolehkan kami mengambil tindakan pembetulan untuk mengurangkan kos elektrik dan mencegah pembaziran elektrik.



Sistem Log Solar

Sistem tersebut telah dipasang untuk memantau penjanaan harian PV Solar di bangunan Persada PLUS, yang membolehkan penerbitan laporan prestasi harian, bulanan dan tahunan yang memudahkan kerja pemantauan prestasi dan kecekapan PV Solar.



Pasukan Pengurusan Kemudahan melakukan pemeriksaan yang kerap di tapak pada Februari 2019

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI



Muhammad Mahyuddin Ishak Ayob membuat pemeriksaan berjadual ke atas kemudahan kami pada Februari 2020



Sistem Automasi Bangunan (BAS)

Bangunan Persada PLUS kami dilengkapi dengan BAS, iaitu sistem yang melaksanakan kawalan kecekapan tenaga dan memantau fungsi elektrikal dan mekanikal bangunan secara automatik bagi mengoptimumkan bekalan dan penggunaan tenaga. Indermasuk sistem penyaman udara dan pencahayaan, lif, sistem paip, sistem kebakaran serta pencawang masuk utama Tenaga Nasional Berhad (TNB).



Sistem Pemantauan Tenaga (EMS)

Sistem Pemantauan Tenaga dihubungkan kepada Meter Tenaga Digital yang terletak di setiap Pusat Perakaunan Tenaga (EAC). Sistem ini memaparkan trend penggunaan elektrik bagi setiap EAC melalui monitor TV di lobi Persada PLUS, memberi kesedaran kepada penghuni bangunan mengenai penggunaan tenaga. Ia juga membolehkan pasukan Pengurusan Kemudahan kami dan kontraktor penyelenggaraan bangunan mengambil tindakan pemberian yang diperlukan dan mencegah kemungkinan berlakunya sebarang pembaziran tenaga.



Sistem Pemantauan Tenaga dan Alam Sekitar bagi bilik pelayan

Sistem bilik pelayan (server) utama di bangunan Persada PLUS membolehkan pemantauan secara jarak jauh ke atas peralatan dan parameter penting untuk memberi amaran dan waspada terhadap apa-apa kejadian berpotensi yang tidak diingini. Sistem ini mempunyai beberapa ciri seperti pemantauan tenaga, pengesan suhu, sistem pengesan kebocoran air dan sistem pengesan asap kepekaan tinggi. Sistem ini membolehkan pasukan teknikal kami memantau penggunaan elektrik, mencegah pembaziran elektrik, dan memastikan kelancaran operasi pelayan utama untuk sistem peralatan tol PLUS.



Sistem Pengurusan Aset Pintar

Kontraktor penyelenggaraan bangunan kami yang dilantik untuk Persada PLUS menggunakan Sistem Pengurusan Aset Pintar, yang menggunakan teknologi untuk mengoptimumkan aset dan meningkatkan prestasi tempat kerja dengan memanfaatkan perhubungan *Internet of Things* (Internet Benda - IoT). Ini telah membolehkan kami melaksanakan proses kerja penyelenggaraan secara digital, pusat arahan dan hubungan terpusat dan portal pelanggan yang khusus. Dengan keupayaan tenaga kerja bergerak kami yang semakin meningkat, pekerja lapangan kami juga dapat melakukan pekerjaan berjadual dengan lebih baik melalui kemudahan akses kepada maklumat penggunaan aset terdahulu, sementara prestasi dipantau dan dilaporkan secara masa nyata.

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

Menyemai Kesedaran Mengenai Alam Sekitar dalam Tenaga Kerja Kami

Untuk meningkatkan kesedaran mengenai alam sekitar dalam kalangan Warga PLUS, kami telah menjalankan pelbagai aktiviti. Ini termasuk latihan kecekapan tenaga yang bermatlamat untuk meyakinkan Warga PLUS dalam menggunakan amalan terbaik pengurusan tenaga dan kempen kesedaran mengenai tenaga kami yang boleh diperbaharui serta program penjimatan tenaga. Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) merupakan rakan latihan kami.



Pencemaran Udara (Pelepasan GHG)

Kepentingan Pengurusan Pencemaran Udara Kepada Kami:

Pengurusan pencemaran udara yang berhasil daripada operasi, termasuk pelepasan gas rumah hijau (GHG) semasa aktiviti operasi.

Aspirasi Kami:

Mengukur dan mengurangkan pencemaran udara (termasuk pelepasan GHG) yang berhasil daripada operasi kami dan menggalakkan penyediaan infrastruktur hijau di sepanjang lebuh raya kami.

Inisiatif dan Sorotan

Pelbagai inisiatif yang kami laksanakan untuk mengurus tenaga juga mewujudkan impak positif ke atas pelepasan GHG, dan membentuk sebahagian daripada usaha kami untuk mencapai tahap neutral karbon. Walaupun pencemaran udara daripada kenderaan yang menggunakan lebuh raya kami adalah di luar kawalan kami, kami percaya bahawa kami memainkan peranan penting untuk mengurangkan pencemaran udara dan telah mengambil langkah-langkah berkenaan bagi membantu dalam mengurangkan pelepasan gas daripada pihak kami.

Kami melaporkan dan memantau pelepasan GHG Skop 1 dan Skop 2 seperti berikut:



Pandangan udara Terowong Menora dan Terowong Meru, Lebuhraya Utara-Selatan


Pelepasan GHG Skop 1:

Jenis input:

Kenderaan Syarikat dan Kenderaan PLUSRonda

Unit:

Tan Metrik (1,000kg) Bersamaan CO₂




PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

Skop 2 Pelepasan GHG:**Jenis input:**

Elektrik yang digunakan daripada pembekal utiliti

Unit:

Tan Metrik (1,000kg) Bersamaan CO₂



Kami telah menggariskan tindakan mitigasi untuk mengurangkan pelepasan GHG dalam Pelan Hala Tuju Hijau PLUS. Ini termasuk kolaborasi kami di bawah Program Mobiliti Rendah Karbon bersama Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC), disokong oleh Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO) dan Kemudahan Alam Sekitar Global (GEF-5) untuk menggalakkan pengangkutan karbon rendah yang cekap tenaga di Malaysia melalui pengembangan rangkaian ChargEV di seluruh negara. Sehingga kini, enam Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di sepanjang lebuhraya kami telah dipasang dengan Stesen Pengelas Kenderaan Elektrik (EV) berdasarkan Tenaga Solar. Melangkah ke hadapan, kami giat berusaha untuk meningkatkan bilangan Stesen Pengelas EV yang terdapat di lebuhraya kami.

Di sepanjang lebuhraya dan dalam aset lain seperti di R&R kami, inisiatif landskap kami juga membantu dalam mengurangkan pencemaran udara, di samping memberikan persekitaran yang menyegarkan kepada pelanggan. Di sepanjang lebuhraya, kami mempunyai inventori landskap berikut:

**6**

Stesen Pengelas capital letter for Kenderaan Elektrik (EV) berdasarkan Tenaga Solar di pasang di sepanjang lebuhraya kami



Stesen Pengelas EV Berdasarkan Tenaga Solar di OBR Ayer Keroh

Inventori Landskap Kami

47,009
Pokok



113,835m²
Pokok Renek



12,658m²
Penutup Bumi

Melangkah ke hadapan, kami komited untuk meneruskan kolaborasi dengan Rakan Strategik Hijau dan MGTC, di bawah Program Mobiliti Rendah Karbon untuk meneroka peluang bagi memperhebatkan inisiatif dalam mengurangkan pencemaran udara di sepanjang lebuhraya kami.

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI



Pengurusan Air

Kepentingan Pengurusan Air Kepada Kami:

Pengurusan penggunaan air dalam operasi syarikat termasuk, tetapi tidak terhad kepada, meningkatkan kecekapan, kadar penggunaan dan kitaran semula air.

Aspirasi Kami:

Menyepadukan sistem air sedia ada (saluran masuk dan keluar) dengan infrastruktur hijau bagi memenuhi permintaan air.


Inisiatif dan Pencapaian

Inisiatif pengurusan air kami pada masa ini memberi tumpuan untuk mengurangkan pembaziran dan menggunakan sumber air alternatif untuk mengurangkan tekanan terhadap sumber air di Malaysia.



Rawatan air telaga bawah tanah (telaga tiub) di Plaza Tol Bukit Tagor

Jumlah Isi Padu Air yang Digunakan (m³)



Bagi memenuhi objektif pengurusan air, kami memasang peralatan yang cekap air seperti tandas dua butang pam dan pili air cekap di bangunan kami. Kami juga telah memasang sistem rawatan air telaga bawah tanah (telaga tiub) di Plaza Tol Bukit Tagor. Sistem tersebut menyedut dan merawat air bawah tanah bagi memenuhi parameter piawaian sebelum digunakan untuk bilik mandi, kerja pembersihan dan landskap. Inisiatif ini membantu mengurangkan kebergantungan kami terhadap alam sekitar oleh kerana jajaran saluran paip air terawat yang terdekat terletak lebih 10km dari Plaza Tol.

Menuju ke hadapan, kami berusaha untuk menambah jumlah sistem rawatan air bawah tanah (telaga tiub) di lokasi-lokasi di mana bekalan air bersih adalah terhad.



Isi padu air yang dikeluarkan daripada telaga bawah tanah (Telaga Tiub)

4,200m³/tahun

(2018-2020)

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

Penuaian Air Hujan di Seluruh Kawasan Operasi Kami

Sejak 2012, kami telah melaksanakan penuaian air hujan di bangunan Persada PLUS, Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan hentian sebelah. Di bangunan Persada PLUS, air hujan yang dikumpul disalurkan kepada mesin penyejuk untuk sistem penyaman udara kami, sementara di R&R dan hentian sebelah termasuk Rawang (Arah Utara), Kulai (Arah Selatan) dan Yong Peng (Kedua-dua Arah), sistem penuaian air hujan digunakan untuk kerja pembersihan dan landskap.

Kami telah memasang 21 sistem penuaian air hujan di seluruh operasi kami di mana air hujan yang dikumpul digunakan untuk aktiviti seperti kerja pembersihan am dan landskap. Melangkah ke hadapan, kami bercadang untuk memperkenalkan sistem penuaian air hujan tambahan untuk mengurangkan kebergantungan kami terhadap air terawat.

Sistem Penuaian Air Hujan Dilaksanakan di R&R dan Hentian Sebelah

Hentian Sebelah Yong Peng Arah Selatan

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI



Pengurusan Sisa

Kepentingan Pengurusan Sisa Kepada Kami:

Pengurusan sisa yang terhasil daripada operasi (perawatan, pengendalian, penyimpanan, pelupusan) sejajar dengan piawaian kawal selia.


Aspirasi Kami:

Mengurangkan sisa yang terhasil daripada operasi, penyelenggaraan dan kerja pemberian, mengelakkan daripada menggunakan bahan yang tidak mesra alam dan mempergiat usaha kitar semula.

Inisiatif dan Sorotan

Dengan jajaran lebuh raya kami yang meliputi lebih 1,130km di Semenanjung Malaysia, kami melihat potensi yang besar untuk mengurangkan bahan sisa. Pengurusan sisa yang kami jalankan mematuhi undang-undang dan peraturan yang relevan termasuk Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang mentadbir pengurusan sisa serta rawatan kumbahan. Kontraktor pengurusan sisa kami juga dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, di mana bahan sisa domestik dilupuskan di lokasi yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar mengikut peraturan. Pengurusan sisa di PLUS juga mematuhi pensijilan ISO 14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).


Jumlah Sisa yang Terhasil (tan)



Kami memiliki dan mengurus loji rawatan kumbahan (STP) untuk merawat air sisa, di mana sampel efluen bulanan dilakukan di makmal yang diperakui oleh Agensi Kelayakan Malaysia bagi memastikan kami memenuhi piawaian minimum yang ditetapkan untuk pembuangan efluen. Berikut ialah rekod daripada STP yang kami miliki dan urus serta jumlah air sisa yang dibuang dari 2018 hingga 2020:

Air Sisa Terawat

Isi padu air sisa terawat (aliran keluar air terawat) (m^3)



115

Jumlah loji rawatan kumbahan

Mengurus Sisa di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R), Hentian Sebelah dan Restoran Jejantas

R&R dan hentian sebelah kami merupakan komponen utama lebuh raya kami dan digunakan oleh berjuta pengguna pada setiap tahun. Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada alam sekitar, kami telah memperkenalkan perkara berikut:

- Tong kitar semula untuk mengurangkan kuantiti sisa yang dihantar ke tapak pelupusan
- Perangkap minyak individu bagi pengendalian makanan dan minuman serta perangkap minyak berpusat untuk menyaring minyak daripada gerai-gerai makanan

Melangkah ke hadapan, kami berhasrat untuk meneroka peluang untuk mempergiat aktiviti kitar semula melalui projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) seperti penggunaan semula sisa untuk produk perabot/pertukangan serta mengurangkan pengeluaran sisa di R&R.

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

Projek Penyelidikan bagi R&R yang Lestari

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk membangunkan garis panduan mengenai infrastruktur lestari dan pengurusan sisa bagi R&R. Oleh kerana kami memiliki jajaran lebuh raya yang terbesar, PLUS telah dipilih sebagai salah sebuah syarikat konsesi lebuh raya untuk menyediakan data dan input untuk kajian penyelidikan tersebut.

Projek penyelidikan itu melibatkan empat fasa utama yang merangkumi:

Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3	Fasa 4
Penyelidikan kajian awal	Lawatan tapak untuk menjalankan kebolehlaksanaan komponen lestari, serta mengumpul input mengenai keperluan dan cabaran yang dihadapi di R&R dalam pengurusan sisa dan penggunaan tenaga	Simulasi makmal dan kajian lapangan serta pengumpulan data	Analisis data, perbincangan dan pengeluaran garis panduan

Kajian tersebut memberi tumpuan kepada pengurusan sisa dan reka bentuk infrastruktur lestari di R&R. Hasil kajian akan membolehkan kami memahami amalan lestari utama yang sesuai dan boleh dilaksanakan di R&R kami.

Kami berharap untuk mempunyai kemudahan lestari di R&R kami:



Kemudahan Pengelasan Kenderaan Elektrik (EV)



Pemasangan Panel Solar



Pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan



Lampu LED



Pemasangan Alat Pengkomposan Sisa Makanan



Pandangan udara Hentian Sebelah Bukit Gantang yang terkenal dengan buah-buahan tropika

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI



Bahan Lestari

Kepentingan Bahan Lestari Kepada Kami:

Pengurusan bahan-bahan dalam operasi dengan tumpuan kepada bahan kitar semula, tidak berbahaya dan boleh diperbaharui.

Aspirasi Kami:

Mengguna pakai bahan-bahan lestari di seluruh perniagaan dan operasi kami, termasuk membina saluran bekalan bahan-bahan yang lestari dan tidak berbahaya untuk digunakan.

Inisiatif dan Sorotan

PLUS mengguna pakai inovasi turapan jalan yang terbukti dalam metodologi kami untuk menggabungkan penggunaan bahan-bahan yang lebih lestari dalam perniagaan dan operasi kami. Pendekatan ini bukan sahaja lebih lestari, malah ia berpotensi dapat memberi lebih banyak penjimatan. Sebagai contoh, kini kami menggunakan asfalt yang dikitar semula untuk menurap semula permukaan kawasan parkir tambahan di R&R kami dan menggalakkan penggunaan bahan lestari di sepanjang operasi kami.

Selanjutnya, kami meneroka penggunaan bahan-bahan alternatif untuk menurap semula permukaan dan memulihkan semula lebuh raya kami dengan membangunkan pilihan lestari untuk meningkatkan ketahanan retak seperti Stress Absorbing Membrane Interlayer (SAMI) dan campuran premium menggunakan polimer bitumen diubahsuai (PMB). Kami juga berusaha untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna di R&R kami dan menggalakkan penggunaan bahan lestari di sepanjang operasi kami.



Hentian Sebelah Bukit Gantang (Arah Utara)



Impak Ekologi

Kepentingan Impak Ekologi Kepada Kami:

Mempertimbangkan hal yang berkaitan dengan perubahan iklim ke dalam proses membuat keputusan strategik dan operasi, termasuk mengukur impak perubahan iklim akibat operasi yang dijalankan dan mengurangkan impaknya terhadap pihak berkepentingan kami.

Aspirasi Kami:

Membincangkan agenda kelestarian dalam perbincangan strategik dan operasi serta mengambil tindakan untuk mengukur dan mengurangkan kesan perubahan iklim (cth. banjir dan hakisan tanah) terhadap operasi kami.

Inisiatif dan Sorotan

Sejaklar dengan Pelan Hala Tuju Hijau PLUS, kami telah mengguna pakai pendekatan menyeluruh dalam menguruskan impak ekologi kami. Usaha kami setakat ini diterapkan dalam aktiviti yang dijalankan melalui perkara-perkara kelestarian persekitaran yang lain.

Pada peringkat awal pembinaan lebuh raya kami, beberapa lokasi bersebelahan hutan telah dikenal pasti sebagai tempat laluan haiwan liar. Salah satu lokasi tersebut ialah permatang gunung yang terletak di atas Terowong Meru-Menora. Pembinaan tempat laluan hidupan liar ini dapat mengurangkan impak alam sekitar operasi kami, di samping memastikan pelanggan kami terselamat daripada ancaman haiwan liar yang memasuki lebuh raya.

PENGELOLAAN PERSEKITARAN KAMI

Seperti yang dinyatakan dalam inventori ländskap kami di bahagian Pencemaran Udara dalam Laporan Kelestarian ini, kami juga telah menanam pelbagai jenis pokok di sepanjang lebuh raya kami, yang diselenggarakannya setiap hari sebagai sebahagian daripada operasi lebuh raya kami.

Pada bulan Julai 2015, jaring penahan sisa serpihan (debris flow net) dipasang di lereng-lereng bukit yang kritis di sepanjang lebuh raya kami untuk melindungi pengguna lebuh raya dan infrastruktur daripada sebarang ancaman semulajadi seperti batu atau sisa serpihan yang jatuh. Jaring tersebut mempunyai kemampuan untuk menahan ketulan batu seberat sembilan tan yang bergerak pada jarak 25m sesaat. Jaring tersebut merupakan yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

Ketika ini, jaring tersebut dipasang di enam lokasi, iaitu tiga di Jelapang, dua di Kawasan Gunung Tempurung dan satu di Bukit Maokil.

Beberapa lokasi di sepanjang lebuh raya kami (sebagai contoh, Plaza Tol Shah Alam) telah dikenal pasti sebagai kawasan mudah dilanda banjir kilat. Sebagai tindakan mitigasi, kami telah memasang sistem tembok banjir di sepanjang lebuh raya, yang berfungsi sebagai penghalang buatan yang direka bentuk untuk menahan aliran air daripada melimpah ke lebuh raya.

Di samping risiko banjir dan kesan air terhadap kestabilan cerun, pemantauan corak hujan dan analisis data terbukti bermanfaat dalam meramalkan keadaan permukaan cerun dan tahap kedalaman air sungai. Sistem Pemantauan Masa Nyata

(RTMS) kami akan mencetuskan amaran kepada kakitangan terbabit apabila tahap tertentu dicapai. Ini membantu kami dalam menguruskan potensi ketidakstabilan cerun dan banjir yang mungkin berlaku. Pada masa ini, terdapat 71 stesen pemantauan taburan hujan dan enam stesen pemantauan air bawah tanah di sepanjang lebuh raya kami.

Kami melaksanakan kerja penyenggaraan yang menyeluruh bagi aset-aset lebuh raya. Ini dilakukan dengan teliti bagi memastikan aset dapat berfungsi dan selamat. Semasa aktiviti penyenggaraan ini, aset lebuh raya juga diperiksa untuk menilai kesan perubahan iklim terhadap integriti struktur, dengan langkah pembetulan dan pencegahan yang diperlukan diambil untuk memaksimumkan jangka hayatnya. Jenis-jenis aktiviti penyenggaraan yang dijalankan merangkumi:



Penyenggaraan Rutin

Kerja-kerja yang dijalankan, secara kitaran atau berkala untuk mengekalkan kefungsian, keselamatan dan estetik.



Penyenggaraan Pembaikan

Kerja-kerja pembaikan untuk menangani kerosakan bagi mengekalkan keselamatan, keupayaan dan integriti struktur.



Penyenggaraan Pencegahan

Meningkatkan keadaan aset bagi mengekalkan dan memaksimumkan jangka hayat aset.



Jaring penahan sisa serpihan di Bukit Maokil

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Warga PLUS melakukan khidmat masyarakat di Kampung Hujung Bandar, Sik, Kedah



Apart from focusing on engineering and education aspects through road safety advocacy programmes, we also look at law enforcement aspects by collaborating with enforcement agencies such as Polis Diraja Malaysia (PDRM) and Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) to improve safety on the highways. (Paul Tan's Automotive News, 14 September 2020)

Zakaria Ahmad Zabidi
Chief Operating Officer, PLUS



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



SDG ini adalah relevan bagi komitmen kami kepada komuniti

PLUS turut membantu memperkuuh semangat kemasyarakatan menerusi rangkaian lebuh raya kami di mana ia adalah sebahagian daripada kehidupan rakyat Malaysia. Dalam operasi kami, kami juga berbangga untuk menyokong Warga PLUS dalam mencapai kemajuan kerjaya dan memastikan kesejahteraan mereka.

Komitmen kami kepada masyarakat adalah berdasarkan tujuan jenama kami untuk *Menjaga Anda Dengan Baik, Di Sepanjang Perjalanan*. Sehubungan itu, kami telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan impak di seluruh sistem sosial kami, yang merangkumi operasi, tempat kerja dan komuniti kami.

Operasi Kami	Tempat Kerja Kami	Komuniti Kami
Operasi lebuh raya kami menyumbang kepada kualiti hidup penduduk bandar dan luar bandar dengan membolehkan mereka menikmati masa perjalanan yang lebih pendek, perjalanan yang lebih mudah dan peluang ekonomi yang meningkat daripada perniagaan dan pembangunan	Pekerja kami, yang lebih mesra dikenali sebagai Warga PLUS, merupakan aset kami yang paling berharga. Kami komited menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif untuk mereka	Kami menyumbang kembali kepada komuniti di tempat kami beroperasi dan menggalakkan pembangunan sosioekonomi mereka
Perkara Kelestarian Utama yang Relevan		
<ul style="list-style-type: none"> Keselamatan Jalan Raya Pengurusan Kesesakan Trafik Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Pembangunan Infrastruktur Pengalaman Pelanggan 	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Modal Insan Tenaga Kerja yang Cekap Hak dan Amalan Pekerja Digitalisasi and Inovasi 	<ul style="list-style-type: none"> Menyokong Komuniti Jajaran Lebuh Raya Pemeriksaan Bumiputera Amalan Pemerolehan yang Adil dan Cekap

Inisiatif sosial kami tertumpu kepada tiga bidang utama yang bermatlamat untuk menyampaikan nilai positif kepada Warga PLUS dan komuniti.

Keselamatan Sebagai Keutamaan #1

Kami mengutamakan penyediaan kemudahan dan persekitaran yang sihat dan selamat kepada semua warga PLUS, pelanggan, kontraktor, subkontraktor, pelawat dan mananya individu yang terkesan dengan aktiviti dan operasi kami. Kami giat berusaha untuk terus mengutamakan keselamatan dalam ekosistem kami dan mengurangkan potensi bahaya terhadap kesihatan dan keselamatan dalam operasi kami.

Membangunkan Modal Insan

Kami berdedikasi untuk membangunkan tenaga kerja yang tangkas, cekap dan mahir untuk memenuhi keperluan semasa dan masa depan melalui program pembangunan modal insan yang strategik. Kami juga memperluas program pembelajaran dan pembangunan serta berkongsi pengetahuan kepada rakan niaga, vendor dan komuniti sepanjang lebuh raya kami.

Meningkatkan Status Sosioekonomi

Kami berusaha untuk memupuk dan membangunkan komuniti sepanjang lebuh raya kami yang tinggal dalam lingkungan 30km hingga 50km dari lebuh raya kami. Ini meliputi usahawan kecil dan sederhana di Kawasan Rehat dan Rehat (R&R) kami, yang kebanyakannya memperoleh kualiti hidup yang lebih baik sejak beroperasi di R&R kami.

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

O T K**Operasi Kami**

Walaupun operasi lebuhraya merupakan teras perniagaan kami yang menjadi pemangkin sumber ekonomi syarikat, kami juga menyedari bahawa lebuhraya dan perkhidmatan lebuhraya kami berpotensi memberikan nilai sosial. Ini merangkumi perjalanan yang selesa dan efisien serta memudahkan aktiviti sosioekonomi dan akses kepada peluang menjana pendapatan bagi rakyat Malaysia untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Oleh itu, perkara-perkara kelestarian utama yang relevan dengan operasi kami adalah bertujuan untuk meningkatkan pengalaman ketika menggunakan lebuhraya dan memastikan keselamatan bagi pengguna dan pekerja kami.

**Keselamatan Jalan Raya****Kepentingan Keselamatan Jalan Raya Kepada Kami:**

Pengurusan infrastruktur dan perkhidmatan yang memenuhi piawaian keselamatan industri.

Aspirasi Kami:

Menyediakan jalan raya yang selamat dan boleh dipercayai yang menggabungkan pendekatan 3E iaitu Kejuruteraan (Engineering), Pendidikan (Education) dan Penguatkuasaan (Enforcement) untuk melindungi pengguna jalan raya daripada potensi bahaya di jalan raya.

Inisiatif dan Sorotan

Sejak hari pertama operasi kami, PLUS menjadikan keselamatan sebagai keutamaan kami. Selain daripada pelanggan lebuhraya, tumpuan keselamatan juga diberikan kepada pihak berkepentingan lain termasuk pekerja kami sendiri, rakan niaga, serta komuniti di sepanjang rangkaian lebuhraya PLUS. Penekanan untuk memastikan keselamatan semua orang di lebuhraya PLUS membawa kepada pembangunan rangka kerja keselamatan 3E: memastikan keselamatan untuk semua melalui Kejuruteraan (Engineering), Pendidikan (Education) dan Penguatkuasaan (Enforcement), sejajar dengan pernyataan matlamat utama kami untuk *Menjaga Anda Dengan Baik, Di Sepanjang Perjalanan*.



Purata lalu lintas harian:

1.7 juta

kenderaan setiap hari

Usaha pendidikan mengenai pentingnya keselamatan lebuhraya dianjurkan di peringkat dalaman untuk Warga PLUS dan secara luaran untuk rakan niaga dan anggota masyarakat. Pada 2019, PLUS melancarkan Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP) dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), yang diiktiraf sebagai yang pertama seumpamanya dalam industri lebuhraya. Kurikulum program EOSP dibangunkan bersama dengan NIOSH berdasarkan pengalaman dan kepakaran luas PLUS dalam keselamatan lebuhraya bagi memastikan mereka yang bekerja di lebuhraya dilengkapi dengan pengetahuan keselamatan yang kritis. Di samping itu, pelbagai pembabitan dan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang bertumpu kepada keselamatan dianjurkan dengan sokongan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pemimpin masyarakat.



Kerjasama strategik antara PLUS dan PDRM untuk menjaga keselamatan lebuhraya

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



JPJ membuka Unit Penguatkuasa Lebuhraya yang pertama seumpamanya di Lebuhraya Utara-Selatan, Jelapang, Ipoh


Dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam mengurus dan menyelenggara infrastruktur lebuh raya bertaraf dunia, PLUS juga bertumpu kepada kejuruteraan dan inovasi untuk meningkatkan tahap keselamatan di lebuh raya kami. Diihamkan oleh konsep kereta keselamatan Formula Satu (Formula One™), kami memperkenalkan Kenderaan Keselamatan (SV) untuk membantu mengawal aliran lalu lintas di lebuh raya dan membolehkan pasukan tindakan kecemasan bergerak dan mengalihkan objek bahaya di lebuh raya. Dalam menguruskan lokasi yang berkemungkinan berlakunya kemalangan di lebuh raya, kami juga mempertimbangkan bahan-bahan dan reka bentuk baharu untuk binaan dan peralatan lebuh raya seperti pengenalan pembahagi konkrit di lebuh raya kami untuk mengelakkan insiden memasuki lorong bertentangan, serta menambah baik permukaan jalan dan menggunakan pengawasan digital di lokasi kritikal di lebuh raya.

Kami menyedari betapa pentingnya kerjasama erat dengan agensi penguatkuasaan utama seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk memastikan keselamatan semua pengguna lebuh raya PLUS. Sehubungan dengan itu, untuk menyokong lagi operasi penguatkuasaan oleh agensi-agensi ini, kami menyumbang kenderaan baharu yang dikhaskan untuk rondaan di lebuh raya PLUS serta mewujudkan beberapa stesen lapangan untuk menyelaraskan semua aktiviti penguatkuasaan. Salah satu contoh kerjasama erat kami dengan JPJ dapat dilihat melalui penubuhan Unit Penguatkuasa Lebuhraya (UPLR), di Plaza Tol Jelapang sebagai unit penguatkuasa lebuh raya pertama di Malaysia. Kerjasama erat kami dengan PDRM telah

menyaksikan penubuhan Unit Siasatan Lebuhraya (USLR) di R&R dan plaza tol terpilih. USLR membolehkan pengguna jalan raya membuat laporan polis di sepanjang lebuh raya, tanpa perlu mencari balai polis di lalun keluar terdekat. Kami juga dalam proses memasang kamera perakam had laju (AWAS) tambahan untuk menggalakkan pemanduan yang selamat dan bertanggungjawab di lebuh raya PLUS.



Kolaborasi strategik antara JPJ dan PLUS turut meliputi dari segi tanggungjawab sosial korporat (CSR). Antaranya menyediakan empat pejabat untuk Unit Penguatkuasa Lebuhraya di sepanjang lebuh raya kendaliannya iaitu di Pagoh di Johor, Dengkil di Selangor, Ipoh dan Gunung Semanggol di Perak. PLUS juga menyumbang kenderaan kepada unit penguatkuasaan selain empat alat timbang berat kenderaan mudah alih bagi **memudahkan anggota kami melaksanakan tugas**.



Dato' Ahmad Nasir Abd Gani

Timbalan Pengarah, Dasar
dan Pemantauan Strategik
Antarabangsa, Jabatan
Pengangkutan Jalan (JPJ)



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya


Sebagai pengendali perkhidmatan lebuh raya terbesar di Malaysia, kami mengambil pendekatan proaktif dan kolaboratif bersama organisasi awam, swasta dan sosial yang lain untuk mengenal pasti, merancang dan melaksanakan inisiatif meningkatkan keselamatan. PLUS amat menghargai komitmen terhadap keselamatan awam daripada pemain utama lain dalam industri lebuh raya termasuk Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), dan juga Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM), yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan kami bagi penggal 2019-2021. Kami juga berbangga dapat bekerjasama erat dengan rakan strategik seperti Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) dan Chartered Institution of Highways and Transportation untuk mengalakkan keselamatan jalan raya. Sebilangan besar ahli pasukan Pengurusan Kanan kami juga terlibat secara aktif dalam kempen keselamatan jalan raya tempatan di peringkat akar umbi, bersama organisasi berdasarkan komuniti.

Sebagai pengiktirafan kepada usaha-usaha ini, kami menerima anugerah berprestij Prince Michael International Road Safety Award (PMIRSA) pada tahun 2019. Dianggap

ramai sebagai salah PLUS juga merupakan syarikat lebuh raya Asia pertama yang memenangi anugerah keselamatan terkemuka di peringkat global ini, sejak penganjurannya pada tahun 1987. Pada Februari 2020, PLUS menerima pensijilan ISO 39001:2012 Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya sebagai tanda pengukuhan komitmen kami untuk mengurangkan kematian dan kecederaan serius yang berkaitan dengan insiden lalu lintas di jalan raya.



I am proud to see how PLUS actively explores new approaches and ideas to manage traffic along our highway while ensuring our customers enjoy safer and more convenient travel.



Husni Md Yusuf

Business Manager Region
(Central), PLUS



Kakitangan PLUSRonda membantu pengguna lebuh raya yang mengalami kerosakan kenderaan

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Pengurusan Kesesakan Trafik

Kepentingan Pengurusan Kesesakan Trafik Kepada Kami:

Pelaksanaan langkah-langkah mengurangkan kesesakan lalu lintas dan mengurus lalu lintas pada waktu puncak.

Aspirasi Kami:

Pengurusan lalu lintas proaktif untuk mengoptimumkan Tahap Perkhidmatan (LOS) dan mengurangkan kesesakan insiden, bermusim dan berkala di lokasi yang disasarkan.

Inisiatif dan Sorotan

Kami percaya setiap pelanggan harus menikmati perjalanan yang selamat dan selesa di lebuh raya dan kami dipandu oleh obligasi Perjanjian Konsesi dan Garis Panduan LOS Lembaga Lebuhraya Malaysia melalui pendekatan global 3E (Kejuruteraan (Engineering), Pendidikan (Education) dan Penguatkuasaan (Enforcement)). Oleh yang demikian, PLUS sentiasa meningkatkan usaha untuk mengurangi kesesakan lalu lintas dengan memanfaatkan inovasi, data dan teknologi.

Kami mengurus lebuh raya dengan menggunakan Sistem Pengangkutan Pintar (ITS), melalui komputer, pengesahan, kawalan, komunikasi, dan peranti elektronik yang menterjemah data untuk memudahkan komunikasi berkenaan pengurusan mobiliti. ITS membolehkan pelanggan lebuh raya mendapat maklumat dengan mudah dan dapat menghasilkan tahap keselamatan yang lebih tinggi di sepanjang lebuh raya kami. Antara ciri utama ITS yang digunakan dalam PLUS termasuk:



Paparan papan tanda mesej boleh ubah kepada pelanggan agar merancang perjalanan

> Pusat Kawalan Trafik (TMC)

TMC memantau keselamatan dan kesejahteraan pengguna lebuh raya kami 24 jam sehari dan menjadi pusat panggilan bagi talian khidmat pelanggan bebas tol kami. Ia menyediakan

PKPB di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Rancang perjalanan anda, keluar hanya jika perlu



Guna aplikasi PLUS untuk rancang perjalanan anda



Semakan kadar tol



Fungsi CCTV PLUS



Chatbot kami, Putri sedia membantu 24/7



Prá-pesanan makanan lazar orderdaguin

Muat turun sekarang

Perkongsian mesej di laman sosial bagi memudahkan pelanggan merancang perjalanan

pengurusan lalu lintas masa nyata dan menyelaras bantuan dengan pasukan PLUS Ronda kami serta pihak berkuasa yang berkaitan untuk sebarang kejadian yang berlaku di lebuh raya kami. TMC disokong oleh paparan video, yang berfungsi sebagai 'mata di lebuh raya' dan digerakkan oleh rangkaian kamera Televisyen Litar Tertutup (CCTV) resolusi tinggi yang merakam video secara langsung, serta membolehkan kami mempunyai pandangan yang jelas mengenai situasi di tempat kejadian.

> Papan Tanda Mesej Boleh Ubah (VMS)

VMS membolehkan penyebaran maklumat secara masa nyata kepada pelanggan PLUS mengenai insiden, kerja pemberian dan penyelenggaraan jalan, mesej pihak berkuasa dan mesej keselamatan, serta mesej lain yang berkaitan dengan insiden dan kemas kini maklumat. Maklumat yang disebarluaskan adalah berdasarkan lokasi yang dikenal pasti dan kawasan yang terjejas, di mana maklumat berguna disampaikan kepada pengguna jalan raya untuk membantu mereka merancang perjalanan dengan lebih baik.

> Sistem Pengesahan Kenderaan Automatik (AVDS)

AVDS mengesahkan had laju dan jumlah kenderaan yang melalui kawasan terlibat dan menyediakan anggaran masa perjalanan menggunakan teknologi radar. Pengiraan keseluruhan dibuat berdasarkan titik pengesahan radar di setiap lokasi ia dipasang yang dilalui oleh kenderaan. Data dikumpulkan dan diterjemahkan kepada anggaran masa perjalanan berdasarkan destinasi yang dikenal pasti.

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Pemandangan udara Bukit Lanjan, Lebuhraya Baru Lembah Klang setelah siap kerja pelebaran jalan

Kami telah melaksanakan pelbagai strategik untuk mengurus kesesakan lalu lintas di laluan yang disasarkan di lebuhraya kami untuk menambah baik aliran lalu lintas. Disokong oleh ITS kami sebagai sumber pemboleh utama, berikut adalah beberapa inisiatif utama kami:

> Meningkatkan Kapasiti Lorong

Setelah mengenal pasti kawasan-kawasan di mana lebuhraya kami menghampiri tahap kapasitinya, kami melakukan kajian untuk mengenal pasti sumber kesesakan dan penyelesaian yang boleh mengatasi kesesakan di kawasan-kawasan tersebut. Kami melakukan kerja-kerja peningkatan kapasiti lorong melalui pelbagai kaedah seperti mengatur semula lorong dan menguruskan sumber kesesakan. Sekiranya sesuai, kami juga menjajarkan semula tanda jalan, dan memasang peralatan lebuhraya tambahan untuk mengurus kesesakan dengan lebih baik.

Sebagai salah satu laluan utama di lebuhraya, perobohan lorong-lorong berperingkat di Plaza Tol Juru dan Sungai Dua bukan hanya membantu menambah baik aliran lalu lintas, tetapi juga meningkatkan keselamatan untuk Warga PLUS dengan mempunyai ruang menunggu yang khusus sebelum melintasi lebuhraya untuk menuju ke bangunan pentadbiran. Setelah pelaksanaan kutipan

tol secara elektronik, kami mengenal pasti bahawa pondok-pondok tol tambahan, yang awalnya dibina untuk menyediakan lorong tambahan untuk menjalankan transaksi boleh dirobohkan bagi menyediakan lebih banyak ruang untuk lalu lintas masuk dan keluar. Ini telah banyak mengurangkan kesesakan lalu lintas di sekitar kedua-dua plaza tol tersebut.

Kami juga telah melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan secara strategik untuk meningkatkan kapasiti lorong dan meredakan kesesakan lalu lintas. Salah satu contoh ialah di Slim River, Lebuhraya Utara-Selatan, yang menyaksikan pelebaran lebuhraya daripada dua kepada tiga lorong sejauh 3km. Ini adalah untuk menyediakan lorong pendakian khusus untuk kenderaan berat seperti lori dan bas, dan membolehkan aliran lalu lintas yang lebih lancar di sekitar kawasan tersebut.

> Inisiatif SMARTLane

Diperkenalkan secara percubaan bermula 23 Oktober 2019, lorong pintar (SMARTLane) bertujuan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di laluan kritikal yang menghampiri kapasiti pada setiap hari, melalui penggunaan teknologi. Bermula dari KM4.3 hingga KM8.4 (Setia Alam ke Shah Alam) di Lebuhraya Baru Lembah Klang (Arah Utara), lorong pintar dilaksanakan pada waktu puncak antara jam 6.30 pagi hingga 9.30 pagi. Ia juga dilengkapi dengan papan tanda yang sesuai dan dikendalikan dengan kerjasama Polis Lebuhraya dan anggota PLUSRonda. Trak tunda khas juga disediakan bagi lorong pintar tersebut. Buat masa ini, inisiatif SMARTLane kami berada di Fasa 1 (Peringkat Rintis).

Sebagai tambahan kepada inisiatif strategik di atas, kami juga menggunakan platform digital dan media sosial untuk mengurus lalu lintas. Beberapa inisiatif terbaru kami termasuk:

> Kemas kini maklumat secara langsung melalui media sosial mengenai keadaan lalu lintas melalui akaun Twitter kami @plustrafik dan @lpt2trafik, PUTRI Chatbot, Aplikasi PLUS, beserta akaun Twitter baharu, @plus2U (bagi kerja dan acara besar yang dirancang).

> Pelancaran Anggaran Waktu Perjalanan pada bulan Jun 2020, menggunakan Google Maps dan VMS di laluan terpilih untuk mengurus kesesakan melalui penyebaran maklumat dan pengaktifan AVDS di laluan lorong keempat.



Imbas kod QR ini untuk ikuti akaun Twitter @plus2U



Imbas kod QR ini untuk ikuti akaun Twitter @plustrafik



Imbas kod QR ini untuk ikuti akaun Twitter @lpt2trafik

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

Kepentingan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Kepada Kami:

Penyediaan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat serta bebas dari kemalangan, kecederaan dan penyakit di samping mematuhi undang-undang dan piawaian kesihatan dan keselamatan.

Aspirasi Kami:

Mencapai Sasaran Sifar Hilang Waktu Bekerja Akibat Kecederaan (Lost Time Injury) (LTI) serta memastikan kemudahan, produk dan perkhidmatan adalah menurut keperluan undang-undang dan piawaian industri.

Inisiatif dan Sorotan

Di samping menggalakkan keselamatan di lebuh raya kami, PLUS kekal komited terhadap keselamatan kakitangan kami di tempat kerja. Ini adalah bersandarkan kepada falsafah kami bahawa kami hanya meminjam pekerja dan rakan niaga daripada keluarga mereka. Itulah sebabnya kami harus menghormati kepercayaan mereka dan bertanggungjawab untuk menjaga mereka dengan baik untuk memastikan mereka pulang ke rumah dengan selamat setiap hari. Perjalanan keselamatan kami untuk mencapai Sasaran Sifar Hilang Waktu Bekerja Akibat Kecederaan

(Lost Time Injury) (LTI) yang boleh dielakkan merupakan satu perakuan kami untuk tidak mempunyai sebarang bentuk bahaya di seluruh operasi kami. Untuk tujuan ini, kami memastikan pematuhan ketat terhadap piawaian kesihatan dan keselamatan pekerjaan, dengan memberi tumpuan kepada kesejahteraan Warga PLUS dan pekerja kontrak di samping memberikan pengalaman positif kepada semua pelanggan lebuh raya. Selain memenuhi piawaian minimum, kami bermatlamat agar sentiasa melepassi keperluan pematuhan dalam usaha kami untuk menunjukkan kepemimpinan pengurusan dan pemikiran bagi membimbing industri ini melalui teladan sebagai pengendali lebuh raya yang bertanggungjawab.

Komitmen keselamatan kami juga disokong sepenuhnya oleh pihak pengurusan atasan kami, yang mempamerkan kepemimpinan dalam memastikan prestasi keselamatan yang berkesan dan lestari. Kepemimpinan ini ditunjukkan melalui penubuhan Majlis Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) untuk merangka perjalanan keselamatan kami dan mengkaji semula polisi keselamatan dan pelan strategik untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan. Kami juga telah menyediakan Model 6C bagi HSSE, yang menetapkan pendekatan kami dalam bidang Komitmen (Commitment), Kecekapan (Competence), Pematuhan (Compliance), Budaya (Culture), Komunikasi (Communication) dan Akibat (Consequence) dalam mengurus kesihatan dan keselamatan pekerjaan.



Sesi taklimat ringkas yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pelbagai aspek keselamatan dan bahaya yang berbeza di tempat kerja kepada kontraktor

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Pelan Tindakan Utama – Model 6C



Komitmen (Commitment)

- Majlis HSSE menyediakan panduan kepada perjalanan keselamatan PLUS ke arah Sasaran Sifar dan bertindak sebagai panel untuk mengkaji insiden yang mengakibatkan kematian, kecederaan dan penyakit.
- Jawatankuasa Pemandu Rakan HSSE menangani isu-isu HSSE bersama kepimpinan tertinggi dan kontraktor utama.
- Hari Keselamatan, Lawatan Kemudahan Pengurusan (MFV) dan Program Turun Padang untuk para pemimpin memperkenalkan komitmen terhadap keselamatan dan mengadakan libat urus bersama Warga PLUS, rakan niaga dan pekerja kontrak mengenai isu keselamatan semasa.



Budaya (Culture)

- Inisiatif Budaya Akar Umbi (Bottom-Up Culture) bertujuan menjadikan warga PLUS lebih peka mengenai aspek keselamatan di tempat kerja. Kami telah melancarkan program-program berikut:

2017

- Insiden Berpotensi dan Hampir Berlaku (PINM)

2018

- Audit Tindakan Tidak Selamat (UAA)

2019

- Tindakan Tidak Selamat dan Keadaan Tidak Selamat (UAUC)

2020

- Pemerhatian Positif (PO+)



Kecekapan (Competence)

- Membangunkan Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP) bersama NIOSH untuk memberikan pengetahuan keselamatan yang perlu untuk semua Warga PLUS, rakan niaga dan pekerja kontrak. Sejumlah 24,400 individu telah menjalani pensijilan ini termasuk Pengarah Urusan kami, Pihak Pengurusan, kakitangan dan pekerja kontrak yang beroperasi di sepanjang lebuh raya kami.
- Kursus Pemanduan Defensif, kursus tiga fasa untuk meningkatkan kecekapan memandu dalam kalangan pemandu di PLUS termasuk PLUSRonda dan individu yang kerap melakukan perjalanan perniagaan. Kursus mandatori ini memastikan budaya pemanduan yang selamat dibangunkan dalam kalangan Warga PLUS.
- Modul E-Pembelajaran Utama HSSE untuk memberi kesedaran kepada Warga PLUS mengenai asas-asas HSSE.



Komunikasi (Communication)

- Pengeluaran Peringatan Keselamatan, kajian semula Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) dan Pembelajaran Daripada Insiden (LFI) untuk menghalang kejadian berulang pada masa hadapan dan untuk diterapkan dalam Pelan HSSE Wilayah/Seksyen dan Piawaian Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan yang baharu.
- Meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu HSSE melalui kempen komunikasi dalaman:

2019

- #KlikforRoadSafety (pemakaian tali pinggang keselamatan, topi keledar)

2020

- Kempen #BerubahBersama (Perjalanan Selamat, STOP LTI dan Kesedaran Kesihatan Mental)



Pematuhan (Compliance)

- Digitalisasi dan peningkatan Sistem Permit Kerja yang sedia ada dalam memastikan pematuhan penuh terhadap aktiviti kritikal/berisiko tinggi.
- Sistem Pelaporan Insiden Dalam Talian diwujudkan untuk pematuhan sepenuhnya terhadap Pengurusan Insiden.
- Sistem Pengurusan HSSE untuk mengekalkan pengiktirafan ISO 45001:2018 Pengurusan Sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan ISO 14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar. Pengiktirafan ini menunjukkan pematuhan penuh kami terhadap semua keperluan berkanun, dikawal selia dan berkontrak di samping memastikan bahawa kami terus meningkatkan sistem sejajar dengan sebarang perubahan dalam spektrum HSSE.



Akibat (Consequence)

- Oleh kerana kami meletakkan keselamatan sebagai satu keutamaan dalam PLUS, pengurusan akibat merupakan bidang yang berkaitan dengan ciri keselamatan yang baik. Prosedur pengurusan akibat digunakan untuk semua Warga PLUS terhadap mana-mana ketidakpatuhan utama yang mengakibatkan kematian atau LTI.
- Semua kes disiasat dan tindakan diambil sekiranya keadaan tersebut didapati boleh dicegah.
- Ketidakpatuhan kecil dikendalikan dengan memperkuuh pengetahuan mengenai kesihatan dan keselamatan melalui latihan dan bimbingan; sementara kes yang dianggap berisiko tinggi terhadap kesihatan dan keselamatan akan membawa kepada tindakan yang lebih serius.

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Impak Aktiviti HSSE Kami

Salah satu bidang tumpuan baharu kami adalah untuk lebih memperkuuh komunikasi HSSE bagi meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dalam komuniti PLUS melalui kempen keselamatan, acara dan aktiviti dalam talian. Ini bermula di peringkat operasi, di mana kami menjalankan siasatan terperinci sekiranya berlaku insiden keselamatan. Ini membolehkan kami mengenal pasti punca sebenar insiden, dengan hasil yang disemak oleh Panel Insiden yang relevan di peringkat ibu pejabat dan wilayah kami sekiranya diperlukan. Untuk insiden signifikan yang mengakibatkan kematian dan LTI, panel semakan insiden akan dipengerusikan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Operasi untuk mengkaji secara terperinci butiran insiden. Sekiranya insiden tersebut berlaku didapati boleh dicegah, tindakan sewajarnya akan diambil. Sepanjang tiga tahun lalu,


kami telah merekodkan peningkatan yang signifikan dalam prestasi keselamatan kami ke arah memenuhi aspirasi kesihatan dan keselamatan pekerjaan kami.

Kami juga menjalankan penambahbaikan berikut:


- Kepemimpinan keselamatan yang ditingkatkan seperti yang dipamerkan melalui aktiviti komitmen pengurusan dan kesediaan untuk menerapkan pengurusan akibat.
- Peningkatan kecekapan dan budaya keselamatan di seluruh peringkat organisasi hasil daripada latihan EOSP dan Inisiatif Budaya Akar Umbi (Bottom-Up) HSSE.
- Hasil Tinjauan Penglibatan Kakitangan (EES) terkini menunjukkan peningkatan mengenai Keselamatan, yang mencerminkan impak positif untuk meningkatkan budaya keselamatan di PLUS.

Statistik Utama HSSE Kami


Kes LTI (Jumlah)




Kadar Kekerapan LTI (Kadar/Juta jam kerja)



Bilangan Kecederaan Kecil (Jumlah)




Bilangan Kerosakan Harta (Jumlah)



Bilangan Kematian (Kakitangan) (Jumlah)



Bilangan Kematian (Kontraktor) (Jumlah)



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Lawatan Pengurusan Kemudahan (MFV) di Bukit Lanjan, Kuala Lumpur pada Januari 2020

Susulan pembangunan Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP) dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Lembaga Lebuhraya Malaysia telah memulakan pelaksanaan EOSP kepada semua pengendali lebuh raya yang lain. PLUS berbangga menjadi syarikat konsesi lebuh raya pertama yang telah melaksanakan EOSP sepenuhnya di seluruh operasi kami. EOSP merupakan kursus induksi keselamatan wajib bagi semua pekerja kontrak, kakitangan yang berkaitan dan individu lain yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan, operasi dan kerja pembinaan di lebuh raya PLUS. Kursus tersebut dijalankan untuk memastikan semua petugas lebuh raya yang berkaitan memperoleh pengetahuan asas yang mencukupi, asas-asas keselamatan, pengurusan lalu lintas, kerja kritikal khusus dan respons kecemasan untuk pemikiran yang selamat di samping mewujudkan kawasan bekerja yang selamat di lokasi.

Di samping itu, kami telah melaksanakan Sistem Permit Kerja PLUS, yang memastikan semua kerja di lebuh raya dikendalikan dan dipantau sepenuhnya sesuai mengikut keperluan berkanun, kawal selia, berkontrak dan keperluan lain-lain yang berkaitan. Sebagai pemimpin industri dalam bidang keselamatan, kami juga merupakan satu-satunya pengendali lebuh raya di Malaysia yang menyediakan kenderaan keselamatan yang mewujudkan zon selamat untuk pekerja yang melakukan kerja-kerja

terancang dan kecemasan di lebuh raya termasuk tugas khas membersihkan serpihan berbahaya yang boleh mendatangkan mudarat kepada pengguna lebuh raya.

Pengiktirafan terhadap piawai dan merupakan tumpuan utama dalam inisiatif keselamatan kami dan pada tahun 2020, di mana kami berjaya beralih kepada ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSMS) daripada Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSAS) 18001:2007 untuk terus meningkatkan sistem pengurusan keselamatan kami. Pensijilan OHSMS baharu tersebut mengesahkan usaha berterusan kami terhadap pengurusan keselamatan perjalanan ke arah mencapai Sasaran Sifar.

Inisiatif kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang kami wujudkan mencerminkan budaya keselamatan yang mantap dalam operasi kami. Budaya ini telah dicapai melalui pendekatan berfasa yang bertumpu kepada meningkatkan kesedaran keselamatan, membimbing kakitangan kami dalam mengenal pasti keadaan dan tindakan yang tidak selamat, dan seterusnya memahami potensi risiko dan akibatnya.

Kami juga telah memperkenalkan Kelab PLUSRonda Selamat (KPS) dan Anugerah Kelab Pembantu Khidmat Pelanggan (CSA) Selamat untuk menerapkan budaya keselamatan,

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

memupuk tingkah laku positif dan memperkuuh perubahan melalui anugerah dan pengiktirafan dalam kalangan barisan hadapan PLUSRonda dan CSA kami.

KPS dilaksanakan dalam kitaran tempoh enam bulan dan diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2019 susulan ujian rintis dari Disember 2018 hingga Mac 2019. Penubuhan KPS terbukti berjaya apabila kami menyaksikan penurunan jumlah insiden yang melibatkan PLUSRonda sejak dilancarkan. Sehingga kini, KPS memasuki kitaran ketiga dan dijangka berakhir pada bulan Jun 2021.

KCS dimulakan pada bulan Mac 2020 untuk mencerminkan kejayaan KPS dan mengembangkan kumpulan sasarannya kepada CSA kami, satu lagi kumpulan kritikal Warga PLUS dengan insiden LTI yang tinggi direkodkan. Kitaran pertama KCS dilancarkan pada bulan Mac 2020 dan berakhir pada bulan Disember 2020.

Sejak 2018, kami telah mengadakan Hari Keselamatan PLUS secara tahunan dengan kerjasama pihak berkuasa lebuhraya dan agensi keselamatan lain. Pada tahun 2020, berikutan wabak COVID-19, Hari Keselamatan PLUS dianjurkan secara maya sejurus selepas bengkel dalam talian mengenai Pengurusan Keselamatan Jalan Raya. Dianjurkan dengan kerjasama Ikatan Komuniti Selamat dan disokong oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia, MIROS dan Jabatan Piawaian Keselamatan Malaysia, acara ini dihadiri oleh lebih 2,000 peserta dalam talian yang terdiri daripada Warga PLUS, syarikat konsesi lebuhraya dan sebilangan agensi lain. Acara ini mengetengahkan cabaran keselamatan baharu yang timbul daripada wabak COVID-19 yang berkaitan dengan operasi kami, dengan tema #BerubahBersama. Sorotan acara termasuk sesi

perkongsian dan pandangan daripada Datuk Azman Ismail, Pengarah Urusan PLUS serta Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat dan Profesor Madya Dr Amer Siddiq Amer Nordin, Pengarah UMCares dan Perunding Psikiatri di Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC).

Sebagai pengiktirafan kepada usaha kami dalam bidang kesihatan dan keselamatan pekerjaan, berikut merupakan pencapaian kami sejak 2019:

1 Februari 2019

Pengiktirafan pencapaian kami apabila 11,650 individu memperoleh Pasport Keselamatan Operasi Lebu Raya (EOSP) daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

10 Disember 2019

Anugerah Keselamatan Jalan Raya Antarabangsa Prince Michael daripada Yang Amat Mulia Prince Michael of Kent, United Kingdom

20 Februari 2020

Lebu Raya pertama di Malaysia yang menerima pengiktirafan ISO 39001:2012 Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya daripada NIOSH Certification Sdn Bhd

1 Ogos 2020

Lebu raya Bertol Sistem Tertutup Berprestasi Terbaik No. 1 – Kemenangan berganda bagi PLUS dan ELITE di kedudukan No. 2 dianugerahkan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)



Lawatan Pengurusan Kemudahan (MFV) di Bukit Lanjan, Kuala Lumpur pada Januari 2020

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Pembangunan Infrastruktur

Kepentingan Pembangunan Infrastruktur Kepada Kami:

Penyelenggaraan dan pengembangan infrastruktur lebuhraya untuk menyampaikan nilai positif kepada pihak berkepentingan kami dan ekonomi dalam jangka masa panjang.

Aspirasi Kami:

Meningkatkan infrastruktur kritikal untuk menyokong pertumbuhan kawasan luar bandar dan mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah sejajar dengan Rancangan Malaysia.

Dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam menguruskan lebuhraya di Semenanjung Malaysia, kami telah giat berusaha untuk berkembang daripada hanya pengendali lebuhraya kepada organisasi yang berdedikasi terhadap penyampaian nilai kepada pihak berkepentingan dan ekonomi. Kami melihat pembangunan infrastruktur lebuhraya adalah kritikal untuk pencapaian rancangan pembangunan ekonomi Malaysia dan pembinaan negara. Ketika Malaysia berkembang untuk menjadi negara maju, lebih ramai orang mampu membeli kereta pertama mereka, yang membawa kepada peningkatan jumlah lalu lintas dalam beberapa tahun yang lalu. Untuk menampung jumlah trafik yang tinggi, kami telah menjalankan kerja-kerja pelebaran laluan di lebuhraya (Shah Alam-Jalan Duta, Shah Alam-Rawang, Nilai Utara-Port Dickson) yang meliputi lorong keempat dan penambahbaikan persimpangan bertingkat berkapasiti tinggi.

Dengan wujudnya persimpangan bertingkat baharu, seperti Persimpangan Bertingkat Southville City di NSE yang dibuka pada tahun 2018, aktiviti kami dalam pembangunan infrastruktur menyediakan peluang untuk pembangunan bandar-bandar baharu. Ini mewujudkan peluang pekerjaan dan komuniti baharu untuk manfaat sosioekonomi rakyat Malaysia. Kami komited untuk memastikan kualiti jalan raya sedia ada berada pada tahap terbaik kerana ia merupakan aspek utama pengalaman pelanggan kami dan kami giat berusaha untuk memastikan bahawa penyelenggaraan berterusan yang dijalankan di lebuhraya kami memenuhi standard tertinggi yang ditetapkan oleh pengawal selia dan ditanda aras sebagai amalan terbaik global. Teknologi baharu seperti Kenderaan Udara Tanpa Pemandu (UAV) telah digunakan untuk membolehkan kami menjalankan pemeriksaan pantas dan menyeluruh ke atas keadaan aset-aset kami untuk memastikannya dalam keadaan selamat bagi pelanggan kami. Melalui cabang teknologi kami - TERAS Teknologi Sdn. Bhd. – peralatan dan algoritma perisian inovatif baharu digunakan dan dilengkapi pengesanan pintar untuk mengenal pasti keperluan penyelenggaraan infrastruktur kami.

Kami sedang bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia dan Lembaga Lebuhraya Malaysia ke arah visi mewujudkan Lebuhraya Pintar Masa Hadapan. Visi ini bertujuan untuk menyediakan ekosistem teknologi baharu bersepadu seperti, antara lain, pengesanan Internet Benda (Internet of Things), model pembayaran pelbagai dan gantri pintar, yang ditanda aras sebagai amalan lebuhraya terbaik di seluruh dunia. Ini termasuk menghapuskan plaza tol dan halangan lorong untuk menampung jumlah trafik yang tinggi secara berstruktur, mengurangkan kesesakan dan memberikan pengalaman pelanggan yang lancar.



Kerja-kerja penyenggaraan lebuhraya sedang dijalankan pada awal pagi

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Pengalaman Pelanggan

Kepentingan Pengalaman Pelanggan Kepada Kami:

Penyampaian perkhidmatan dan produk lebuh raya yang memenuhi atau melebihi keperluan pelanggan dan masyarakat kami di sepanjang lebuh raya kami beroperasi.

Aspirasi Kami:


Menyediakan pengalaman perjalanan yang lancar dan menjadi pilihan bagi perjalanan rakyat Malaysia.

Inisiatif dan Sorotan

Pelanggan kami menjadi keutamaan dalam apa jua yang kami lakukan, dan ini merupakan pegangan kukuh kami semua di PLUS sejak hari pertama kami beroperasi. Sejak dengan matlamat utama kami, *Menjaga Anda Dengan Baik, Di Sepanjang Perjalanan*, PLUS berhasrat untuk memberikan perkhidmatan dan produk terbaik untuk memastikan kepuasan pelanggan kami dengan pengalaman perjalanan mereka di lebuh raya PLUS. Di PLUS, kami menyedari bahawa keperluan dan kehendak perjalanan pelanggan kami berkembang dari masa ke masa. Tumpuan kami adalah untuk terus berhubung rapat dengan semua pelanggan kami dan berharap pelbagai

usaha digitalisasi kami dapat membantu kami dalam usaha ini. Perjalanan ke arah memberikan pengalaman pelanggan yang cemerlang akan tetap menjadi tumpuan utama di PLUS, dan kami optimis dengan beberapa kemajuan yang telah kami capai sejak tahun 2018 dalam beberapa ukuran utama kepuasan pelanggan:

Matriks Pengalaman Pelanggan Utama



Note: Tinjauan pengalaman pelanggan telah dijalankan oleh Ipsos pada 2018 dan The Nielsen Company pada 2019 hingga 2020.

PUSAT SEHENTI SERBA LENGKAP

Kemudahan di R&R PLUS dapat pujian ramai

Oleh Suliaty Asri
suliaty@hmetro.com.my

Bagi mereka yang melakukan perjalanan jauh menggunakan lebuh raya, singgah di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dikendalikan PLUS Malaysia Berhad (PLUS) bagaikan suatu kemestian kerana fungsinya sebagai pusat sehenti serba lengkap.

Kemudahan itu cukup sinonim buat rakyat Malaysia yang menyambut ulang tahun kemerdekaan negara ke-63.

Malah, reputasinya turut mendapat pujian pelancang asing kerana pengunjung bukan saja boleh menikmati pelbagai menu makanan tradisional tetapi boleh merasa keenam-buahan tempatan di sepanjang perjalanan.



NUR AKMAL



CHEE HENG



ZAIMAH

Butterworth-Kulim dan Jambatan Pulau Pinang.

Sebagai pengendali lebuh raya terbesar di negara ini, PLUS bukan hanya menyelenggarakan jaluan malaih melengkapinya dengan pelbagai kemudahan untuk keselesaan pengguna.

Selain R&R kemudahan lain termasuk hentian sebejal, restoran jelantas dan puncak vista. Di sebalik komitmen itu, PLUS turut menyediakan

pulang ke kampung di Batu Pahat, Johor sekitar tahun 70-an, Azlan berkata apabila pulang ke kampung, ibunya sentiasa menyediakan bakul berisi makanan dan air kopi sebagai bekalan sepanjang jalan selain perlu mencari masjid untuk solat.

“Dengan kemudahan serba lengkap disediakan PLUS, kehidupan rakyat lebih mudah. Perjalanan ke destinasi lebih cepat, mudah malah kemudahan

“Selepas kematian suami, saya terpaksa membesaraskan lima anak berusia dari lima hingga 15 tahun. Dengan peluang diberikan PLUS, saya dapat membesarakan anak dan menghantar mereka melanjutkan pelajaran.

“Terima kasih PLUS kerana sentiasa memberi peluang dan membantu dalam perniagaan saya,” katanya.

Rakan Niaga PLUS di



SARASWAITHY di hadapan geraiannya di R&R Seremban arah Selatan.

Sebagai peniaga terawal di R&R Persinggir, Nur Akmal Alias, sebelum ini berhadapan kesukaran memperoleh pelangan kerana lokasi R&R jauh dari jalan besar selain masih tidak dikenali ramai.

“Dulu, saya pernah dapat jualan RM10 sahaja dan hampir putus asa. Namun, dengan dorongan dan bantuan promosi selain potongan sewa 50 peratus diberikan PLUS, saya takad meneruskan perniagaan Keropok Cap Mutiara yang diwarisi dari keluarga ini.”

“Kini, saya lega apabila R&R ini sudah mulai dikunjungi ramai selain mempunyai pelangan



Dengan kemudahan serba lengkap disediakan PLUS, kehidupan rakyat lebih mudah. Perjalanan

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI


Program perintis Janji Pelanggan PLUS telah menjadi inisiatif utama di seluruh syarikat untuk meningkatkan pengalaman pelanggan di sepanjang perjalanan mereka. Sembilan janji pelanggan ini dibangunkan berpandukan detik-detik kesukaran yang dikenal pasti mungkin dihadapi oleh pelanggan pada saat-saat kritis perjalanan mereka. Modul e-pembelajaran khusus juga dibangunkan untuk memberi kefahaman umum mengenai pengalaman pelanggan dan sembilan jANJI pelanggan seluruh Warga PLUS.



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Aplikasi PLUS

Aplikasi PLUS (PLUS App) dengan pelbagai ciri berguna dibangunkan untuk menjadi teman perjalanan pelanggan di lebuhraya PLUS. Selain daripada maklumat asas perancangan perjalanan seperti kadar tol, PLUS App juga memaparkan liputan secara langsung CCTV masa nyata mengenai keadaan trafik di sepanjang lebuhraya PLUS. Pelanggan yang memerlukan bantuan juga boleh berinteraksi dengan PUTRI, chatbot PLUS atau pembantu maya. Dalam kes kecemasan, pelanggan boleh menekan butang SOS untuk meminta bantuan PLUSRonda ke lokasi mereka.



Paparan PLUS App

PLUS App juga menawarkan fungsi pra-pesanan untuk pelanggan membeli makanan daripada Rakan Niaga Komuniti yang mengambil bahagian ketika dalam perjalanan mereka. Selain membantu pelanggan mengamalkan penjarakan fizikal dan meminimumkan masa menunggu dan beratur di tempat awam, ciri PLUS App baharu ini juga menyokong Rakan Niaga Komuniti untuk menarik lebih ramai pengguna dalam usaha mereka ke arah pemuliharaan perniagaan.

Satu lagi ciri nilai tambah PLUS App ialah menyepadan PLUSMiles, program ganjaran dan kesetiaan PLUS. Pelanggan kini boleh mengakses keseluruhan katalog penebusan PLUSMiles di hujung jari mereka. Ini termasuk item penebusan makanan & minuman di R&R PLUS terpilih di mana pelanggan boleh menebus dengan segera menggunakan mata PLUSMiles mereka.

Mendengar Pelanggan Kami

Ahli PLUSMiles juga berkongsi banyak cadangan dan idea berguna untuk membantu PLUS mengurus pelanggannya dengan lebih baik terutamanya ketika berlakunya penularan wabak COVID-19. Sebenarnya, fungsi Pra-Pesanan di PLUS App merupakan salah satu daripada banyak idea baik yang dikongsi oleh ahli PLUSMiles setia kami sebagai sebahagian daripada tinjauan dalam talian yang dijalankan sepanjang tahun 2020.



- Pesanan awal makanan dan pengambilan sendiri daripada gerai makanan
- Pesanan awal makanan dan penghantaran makanan ke kawasan parkir
- Pesanan awal makanan dan pengambilan sendiri di tempat pengambilan terpilih

Menguruskan Maklum Balas Pelanggan

Meningkatkan pengurusan maklum balas pelanggan adalah penting untuk merangka usaha penambahbaikan pengalaman pelanggan yang bermakna bagi semua pelanggan kami. Ini memerlukan pendekatan bersepudu untuk memperoleh, menganalisis, memberi respons dan menggunakan pakai pandangan yang diambil daripada semua pelanggan kami.

Portal Pintar Pelanggan (Customer Intelligence Portal) (CIP), yang baru-baru ini dalam Fasa 1 pembangunannya akan membantu pelanggan, pihak berkepentingan dan PLUS untuk berkongsi dan mengambil tindakan terhadap maklum balas pelanggan dengan lebih lancar.



Imbas kod QR ini untuk ke laman Facebook PLUSMiles dan mendaftar untuk menjadi ahli PLUSMiles

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI


Wabak COVID-19 juga menambahkan tumpuan kami ke arah menekankan kebersihan kemudahan bagi memastikan kepercayaan pelanggan kami dijaga. Kami telah menekankan pematuhan terhadap SOP, seperti memakai pelitup muka dan memasang penanda penjarakan fizikal untuk melindungi keselamatan pelanggan kami, di samping langkah-langkah lain.

Selain inisiatif kebersihan yang berkaitan COVID-19, kami sentiasa memberi tumpuan kepada kebersihan di tempat kemudahan awam kami. Kami telah memperoleh pengiktirafan untuk kebersihan kemudahan tandas awam daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2019 dan 2020.

Komitmen dan Sokongan Kami Terhadap Pertumbuhan dan Kejayaan Rakan Niaga dan Masyarakat Kami

Dalam menyelaraskan pencapaian matlamat perkhidmatan pelanggan bersama rakan niaga, kami telah mewujudkan Program Insentif Rakan Niaga (BPIP) untuk meningkatkan tahap perkhidmatan di sepanjang perjalanan lebuh raya.

BPIP dirangka untuk memberi pengiktirafan dan ganjaran kepada rakan niaga kami kerana mencapai pertumbuhan yang signifikan dan meningkatkan produktiviti dalam perniagaan mereka. Ini membolehkan kami untuk beralih daripada hanya menumpukan kepada kerja kebijakan korporat dan lebih ke arah penciptaan nilai yang juga bermatlamat untuk mendorong rakan niaga meningkatkan tawaran nilai dan prestasi mereka dalam memenuhi keperluan pelanggan dan memastikan kelestarian.




Kami komited untuk menyokong Rakan Niaga Komuniti kami dengan membangunkan keupayaan mereka dalam bidang seperti penggunaan Digital, Keusahawanan, Pengoptimuman Operasi dan Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan. Rakan Niaga Komuniti kami meletakkan kepercayaan kepada kami untuk memperoleh pendapatan melalui Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) kami. Oleh itu, kesejahteraan mereka merupakan keutamaan kami dan kami memberi perhatian sepenuhnya terhadap mereka yang menjadi bahagian penting dalam komuniti lebuh raya kami.

Pada masa yang sama, ini telah membolehkan Rakan Niaga Komuniti kami berkembang dan maju bersama kami, di samping memastikan bahawa mereka berupaya memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, kami juga mendukung nilai-nilai teras kami iaitu *Menjaga Anda Dengan Baik, Di Sepanjang Perjalanan Jalan* melalui platform perniagaan mereka, dan bukan hanya tertumpu kepada usaha mengekalkan operasi perniagaan dan mata pencarian mereka tetapi juga untuk memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat.

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Rakan Niaga Tempatan Kami di R&R Bukit Gantang Arah Utara pada Januari 2020



Corporate Social Responsibility (CSR) is not just about managing, reducing and avoiding risk, it is about **creating the opportunities and generating improved performance to a broader constituency** that includes key stakeholders including customers, Warga PLUS, NGOs, Government and the of the communities in which we operate. **We work very closely with our Business Partners (BPs)** especially our Stall Operators at our RSAs to ensure our customers' experience and journey are the best level of service when they are taking a break from their long drive. We provide continuous Business Partners Incentive Programme through various supports and trainings to our BPs and assist them to expand their business in their best interests. I am motivated knowing my work also help improves quality of for our customers and BPs.



Kami mengutamakan komuniti tempatan di sepanjang lebuhraya yang tinggal dalam lingkungan 30km hingga 50km dari R&R kami dalam usaha untuk meningkatkan tahap ekonomi dan pemerksasaan kepada masyarakat setempat terutamanya kepada golongan B40. R&R, hentian sebelah dan restoran jejantas kami kini menjadi penjana peluang pendapatan, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan kepada 71.5% Rakan Niaga Komuniti kami yang terdiri daripada komuniti tempatan sepanjang lebuhraya. Sebagai syarikat konsesi lebuhraya terbesar di Malaysia, pertumbuhan, kejayaan, kesinambungan perniagaan dan kelestarian Rakan Niaga Komuniti kami, termasuk membantu mereka membangunkan perniagaan yang maju dan berdaya tahan, adalah penting bagi kami. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai cara kami menyokong komuniti setempat, sila rujuk bahagian Menyokong Komuniti Jajaran Lebuhraya dalam Laporan Kelestarian ini.

	425	Rakan Niaga Komuniti Setempat
	61	Rakan Niaga Perusahaan Kecil dan Sederhana
	62	Jenama Tempatan
	46	Jenama Antarabangsa
	101	Stesen Minyak



Ketika mula bermiaga, saya tidak ada modal banyak dan hanya mampu beli peti ais saja. Tapi pengurusan PLUS bantu bukan saja sewa yang murah dan bil air serta elektrik percuma tapi juga perkakasan seperti pinggan, sudu, garpu, rak dan banyak lagi. (Harian Metro, 6 September 2020)



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

O T

K

Tempat Kerja Kami

Warga PLUS merupakan nadi operasi kami dan berperanan penting dalam membantu kami mencapai objektif perniagaan dan kelestarian kami. Untuk tujuan ini, perkara-perkara kelestarian utama kami yang berkaitan dengan tempat kerja adalah ke arah untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif yang membolehkan Warga PLUS mengembangkan potensi mereka sepenuhnya, di samping menjaga kesejahteraan mereka dan keluarga mereka. Dalam mencapai kelestarian melalui inisiatif di tempat kerja, kami juga menyediakan peluang untuk pembangunan sosioekonomi rakan niaga dan vendor kami.



Pembangunan Modal Insan

Kepentingan Pembangunan Modal Insan Kepada Kami:

Pendekatan yang diambil untuk menarik, membangunkan dan mengekalkan Warga PLUS untuk berkhidmat dengan organisasi dan pembangunan kerjaya masa depan.

Aspirasi Kami:

Tumpuan kepada meningkatkan kemahiran dan memberi kemahiran baharu kepada Warga PLUS dan mengoptimumkan prestasi mereka bagi memenuhi keperluan perniagaan sekarang dan masa depan.

Inisiatif dan Sorotan

Pendekatan kami terhadap pembangunan modal insan adalah berlandaskan usaha untuk memupuk bakat dan menyediakan sistem ganjaran yang adil bagi memperakui usaha dan sumbangan Warga PLUS. Untuk tujuan ini, kami memberi penekanan pada pembelajaran berterusan untuk semua peringkat dalam kalangan Warga PLUS.

Maklumat lebih lanjut mengenai tenaga kerja kami dinyatakan di bahagian Hak dan Amalan Pekerja dalam Laporan Kelestarian ini.


Kami akui bahawa pembangunan tenaga kerja berprestasi tinggi bermula dengan pemberian pampasan dan manfaat yang adil, serta program dan inisiatif yang berkaitan dengan ganjaran. Untuk mengukuhkan tingkah laku kakitangan yang positif, kami telah menyediakan pampasan, manfaat dan ganjaran kakitangan yang sewajarnya, yang kami sentiasa pantau melalui semakan ganjaran yang menyeluruh. Ini memastikan keseluruhan sistem imbuhan kami adalah seajar dengan amalan pasaran, berdaya saing dan membolehkan pengurusan kos tenaga kerja yang berhemah di samping menyediakan imbuhan menarik kepada bakat kami.



Latihan dalaman dijalankan pada Februari 2020



We are committed to **developing our workforce to be agile, while taking care of their well-being**. As we embrace the new norm, we want to ensure that we are able to provide the right support, for our people **to fulfil their ambitions and simultaneously drive the pursuit of our mission and vision**.



Kugahnaesen M. Manogaran
Head, Organisational Development
and Talent Management, PLUS

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Beberapa contoh manfaat utama yang kami tawarkan kepada Warga PLUS:



Cuti

Kami menyediakan Cuti Tahunan, Cuti Sakit, Cuti Bersalin, Cuti Menduduki Peperiksaan dan Belajar. Pengambilan cuti membolehkan tenaga kerja kami mempunyai keseimbangan dalam kerjaya dan kehidupan.



Perubatan

Kami mempunyai peruntukan untuk perbelanjaan pesakit luar, kemasukan ke hospital, pergigian, optik dan juga pemeriksaan kesihatan untuk memastikan Warga PLUS kekal sihat.



Insurans

Kami menyediakan perlindungan insurans seperti insurans Hayat Berkelompok dan insurans Kemalangan Peribadi Berkelompok untuk memastikan Warga PLUS dijaga sekiranya berlaku peristiwa yang tidak dijangka.



Elaun

Memperakui jenis perniagaan industri kami yang beroperasi sepanjang masa, kami menyediakan pelbagai elaun seperti elaun bertugas atas panggilan, kembali bertugas dan syif untuk Warga PLUS yang diperlukan agar memastikannya kesinambungan operasi kami.



Aturan Kerja Fleksibel

Dalam menuju ke arah meningkatkan kecekapan dalam kalangan Warga PLUS, kami mengamalkan waktu bekerja fleksibel dan waktu rehat. Kami juga menekankan kepada output, dan bukannya waktu bekerja yang ketat dengan memberi kelonggaran kepada Warga PLUS, terutamanya ketika mereka menghadapi situasi yang tidak diingini.



Pembangunan Diri

Kami menyediakan manfaat untuk keahlian persatuan profesional kakitangan dan membayar balik yuran peperiksaan untuk menggalakkan pembangunan diri.



Manfaat Lain

Kami juga menyediakan subsidi faedah ke atas pinjaman kereta atau motosikal, subsidi tol serta pembayaran balik caj panggilan.

Di ibu pejabat Persada PLUS, kami juga menyediakan kemudahan-kemudahan berikut:



Pusat Perkembangan Kanak-kanak




Gimnasium



Kompleks Sukan

(termasuk padang bola dan dewan serbaguna)



Semua Warga PLUS dilengkapi dengan komputer riba (laptop) ketika PKP

Kami juga mempertimbangkan manfaat/ganjaran yang unik di pasaran, seperti memansuhkan keperluan terhadap sijil sakit bagi penyakit ringan.

Dalam usaha untuk menggalakkan Warga PLUS untuk menghayati pembelajaran berterusan, kami melancarkan sistem pengurusan e-pembelajaran yang membolehkan pembelajaran di mana sahaja, pada bila-bila masa, dan melalui apa-apa peranti. Sistem tersebut memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan kemudahan akses kepada pengetahuan dan juga digunakan untuk program suai kenal pekerja baharu.

Selain itu, kami telah membangunkan program pembelajaran dan pembangunan khusus untuk meningkatkan kecekapan Warga PLUS dalam bidang teknikal, pembangunan diri dan kepemimpinan. Program pembelajaran dan pembangunan, seperti Program Bakat Digital, Program Pembangunan PLUSRonda, serta pelbagai bengkel kecekapan dirangka dengan teliti untuk memastikan Warga PLUS berupaya untuk berkembang maju dalam kerjaya mereka di samping menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah, sekiranya diperlukan.

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI




Latihan dalaman pada Februari 2020

Berikut ialah statistik utama inisiatif pembelajaran dan pembangunan kami pada tahun 2020:

Jumlah bilangan **Jam Latihan** pada 2020:
27,692 jam

Jumlah bilangan **Kakitangan Dilatih** pada 2020:
2,303*

* Tidak termasuk e-pembelajaran mandatori bagi semua kakitangan




Usaha kami dalam pembangunan modal insan juga tertumpu kepada mengenal pasti dan memupuk bakat untuk memenuhi keperluan perancangan penggantian kami. Oleh itu, kami telah mewujudkan prinsip panduan baharu (impak perniagaan, tidak boleh ganti/kekurangan dan pengetahuan/perhubungan tersirat) untuk mengenal pasti dan menyusun keutamaan peranan penting di seluruh organisasi.

Dari 2018 hingga 2020, kami telah mengenal pasti yang berikut bagi perancangan penggantian kumpulan bakat kami:

Jumlah Bakat yang Dikenal Pasti

Bilangan bakat yang dikenal pasti di seluruh PLUS



Pengenalpastian dan penambahan ahli kumpulan bakat juga akan dijalankan pada tahun 2021. Susulan daripada ini, kami akan memperkenalkan satu set kecekapan kepemimpinan baharu yang sejajar dengan enam nilai korporat kami dan mengambil kira persekitaran operasi semasa. Kami menasarkan pada tahun 2022, kecekapan kepemimpinan ini akan disepadukan dalam proses sumber manusia yang relevan seperti pengambilan pekerja, pengurusan prestasi dan proses pengenalpastian bakat.



Imbas kod QR ini untuk ke laman LinkedIn untuk menjadi sebahagian daripada Warga PLUS

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Tenaga Kerja yang Cekap

Kepentingan Tenaga Kerja yang Cekap Kepada Kami:

Pembangunan tenaga kerja yang cekap dan produktif untuk menerima dan mendepani perubahan pantas dalam persekitaran operasi dan perniagaan.

Aspirasi Kami:

Secara berterusan membangunkan kapasiti dan keupayaan setiap Warga PLUS untuk memenuhi cabaran hari ini dan masa depan tanpa sebarang gangguan.

Inisiatif dan Sorotan

Dengan wabak COVID-19 yang memerlukan cara baharu untuk bekerja, kami telah mendepani cabaran tersebut dan membuktikan daya tahan kami untuk terus beroperasi. Tujuan kami *Menjaga Anda Dengan Baik, Di Sepanjang Perjalanan* juga dipamerkan dalam pengurusan kakitangan kami, di mana Warga PLUS sebagai satu keluarga yang saling menyokong dan membantu dalam menghadapi dan menangani keadaan yang mencabar, di samping menekankan kepentingan usaha individu ke arah penambahbaikan dan menyumbang kepada aspirasi perniagaan kami.

Kecekapan dalam tenaga kerja kami juga akan berfungsi sebagai cara untuk memberi respons kepada dorongan teknologi yang menghendaki kami bertindak dalam masa nyata, oleh itu menandakan kecekapan yang harus kami capai.

Salah satu aspek penting dalam memantapkan kecekapan tenaga kerja kami adalah memastikan bahawa kemahiran Warga PLUS seja jar dengan hala tuju syarikat. Pada tahun 2020, kami melancarkan sebilangan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman, penghayatan dan kelestarian Nilai-Nilai Korporat baharu kami, yang dilancarkan pada penghujung tahun 2019 seja jar dengan aspirasi PLUS dan objektif strategik perniagaan. Ini telah menghasilkan peningkatan dalam Indeks Nilai Korporat dan Indeks Kesediaan Perubahan.

Salah satu inisiatif utama kami pada tahun 2020 ialah pelancaran Buku Amali Nilai Korporat (BANK) kami yang berfungsi sebagai buku panduan langkah demi langkah untuk mengukuhkan kefahaman dan penerapan Nilai-Nilai Korporat dalam kalangan Warga PLUS.



Versi BANK yang bermatlamat untuk mengukuhkan kefahaman mengenai nilai-nilai korporat kami

Untuk memupuk lagi budaya kecekapan, kami telah membangunkan Call to Action Guidebook (CTA) sebagai alat untuk menyokong pemimpin dan kakitangan dalam mengurus dan mengharungi budaya perubahan, cara bekerja yang baharu dan memastikan Warga PLUS bersedia untuk kerja secara maya.

Inisiatif tenaga kerja kami yang cekap telah diperkuuhkan lagi melalui pengenapstian Juara Penambahbaikan Proses di seluruh PLUS untuk menerajui inisiatif proses penambahbaikan. Juara Penambahbaikan Proses dipandu oleh Panduan Penambahbaikan Proses kami yang memberi maklumat mengenai pelaksanaan inisiatif mereka dengan berkesan. Panduan tersebut merangkumi langkah-langkah pengurusan manfaat untuk memudahkan carakan Pengurusan Realisasi Manfaat.

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

**Hak dan Amalan Pekerja****Kepentingan Hak dan Amalan Pekerja Kepada Kami:**

Amalan yang memastikan pekerja, kontraktor dan subkontraktor dilayan secara adil berhubung dengan dengan peraturan dan perundangan pekerja.

Aspirasi Kami:

Memastikan amalan kerja yang melindungi hak pekerja, kontraktor dan subkontraktor kami pada setiap masa.

Inisiatif dan Sorotan

Untuk memastikan bahawa suara Warga PLUS didengari, kami mengekalkan dasar pintu terbuka dan sentiasa mengadakan pertemuan dengan kesatuan pekerja kami iaitu Kesatuan Pekerja dan Kesatuan Peyelia. Perbincangan kami memberi tumpuan dan perhatian kepada isu - isu pekerjaan yang berkaitan dan bertujuan untuk mencapai hasil yang saling memanfaatkan semua pihak yang berkenaan.

Kami komited untuk menjadi majikan yang bertanggungjawab terhadap Warga PLUS dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan hak dan amalan pekerja. Komitmen

ini bukan hanya terhadap tenaga kerja kami sendiri malah ia juga merangkumi kontraktor dan subkontraktor kami, bagi memastikan layanan yang adil kepada semua yang menyumbang khidmat mereka kepada kami.

Untuk tujuan ini, berikut merupakan undang-undang dan peraturan utama yang kami patuhi:

- 1. Akta Kerja 1955**
- 2. Akta Perhubungan Perusahaan 1967**
- 3. Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan**
- 4. Akta Kesatuan Sekerja 1959**

Di samping kepatuhan undang-undang dan peraturan, pelbagai inisiatif diadakan untuk menjaga kesihatan mental dan kesejahteraan Warga PLUS. Kami juga menyampaikan penghargaan ke atas dedikasi dan usaha mereka dalam memacu operasi syarikat.

Kami mengamalkan kepelbagaian dalam tenaga kerja kami, bukan sahaja dari segi jantina, tetapi juga bangsa, usia dan tahap kemahiran. Sehubungan itu, aspek kepelbagaian tenaga kerja menjadi perhatian utama pengurusan sumber manusia agar pengendalian operasi kami dapat dikendalikan dengan pandangan yang adil dan seimbang.




Keselamatan di tempat kerja ialah komitmen kami untuk menjaga kakitangan kami (Dalam gambar: Mahadzir Maso'd)

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Sepanjang tiga tahun lalu, kami telah merekodkan komposisi kakitangan seperti berikut:


Kepelbagaiannya Kakitangan Mengikut Jantina



Kepelbagaiannya Kakitangan Mengikut Kumpulan Umur



Kepelbagaiannya Kakitangan Mengikut Bangsa



Kepelbagaiannya Kakitangan Mengikut Jenis Pekerjaan



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan menggalakkan kesihatan yang baik serta kesejahteraan, kami menyediakan kemudahan sukan dan pusat penjagaan kanak-kanak dan menggalakkan penyertaan dalam kejohanan sukan tempatan. Oleh kerana wabak COVID-19, beberapa acara pada tahun 2020 telah ditangguhkan untuk menyokong usaha negara untuk melandaikan lengkuk jangkitan. Namun demikian, dengan memanfaatkan pelbagai platform dan saluran digital kami, pelbagai sesi interaksi dan libat urus telah diadakan sepanjang 2020 untuk mengekalkan perhubungan Warga PLUS.

Berikut antara program dan aktiviti sesi libat urus bersama Warga PLUS yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2019 dan 2020:



Tenaga kerja muda Warga PLUS yang diambil pada Januari 2020



Penghargaan Kakitangan

Bagi menghargai komitmen dan usaha gigih Warga PLUS dalam menjalankan tanggungjawab mereka, pelbagai acara telah diadakan untuk mengiktiraf dan memberi ganjaran atas pencapaian mereka seperti berikut:

- Jamuan penghargaan minum petang untuk meraikan pencapaian peserta dan pemenang Sukan Kerjaraya (SKR), Persidangan Produktiviti dan Inovasi Tahunan (APIC), Konvensyen Kualiti dan Produktiviti Antarabangsa (IQPC) serta memupuk budaya kecemerlangan.
- Hari Menonton Filem bagi Warga PLUS dan keluarga mereka di panggung wayang tempatan di seluruh negara, yang merupakan sebahagian daripada aktiviti melibatkan kakitangan untuk memupuk budaya keseimbangan kerja dan kehidupan serta memberi peluang bagi Warga PLUS untuk saling mengenali keluarga masing-masing dan menikmati hari bersantai. Bagi mereka yang bekerja secara syif, kami memberi tiket terbuka agar mereka boleh pergi bersama rakan sekerja/penyelia mengikut kelapangan mereka.
- Anugerah Bestari PLUS, satu program untuk meraikan anak-anak Warga PLUS yang cemerlang dalam peperiksaan awam dari UPSR sehingga STPM/STAM.

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 2019



Memupuk Hubungan Erat

Organisasi kami menitikberatkan hubungan erat bersama komuniti sejajar dengan matlamat utama kami untuk menjaga semua pihak berkepentingan kami, dan kami telah mengadakan aktiviti berikut untuk mengeratkan lagi ikatan kemesraan antara Warga PLUS:

- Buka puasa dan sambutan Hari Raya.
- Menyampaikan sumbangan Duit Raya kepada Warga PLUS terpilih yang bekerja sehari sebelum, hari pertama dan kedua Hari Raya Aidilfitri, sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan dan komitmen mereka terhadap syarikat.
- Doa selamat dan sumbangan dalam bentuk wang saku kepada Warga PLUS yang pergi menuaikan Haji.



We believe that **constant engagement between leaders and employees is key to forging close and lasting ties between the two**. At PLUS, we take engagement and employee communication very seriously through various initiatives, both work-related or purely social where Warga PLUS get to let their hair down.

While we may not have been able to do much socialising during MCO in 2020, Senior Management went into overdrive to engage with employees in small groups, online. This **helped to allay fears of COVID-19 and of uncertainties, and to promptly address any issues on the ground** so Warga PLUS are assured of a safe environment to work in, despite the pandemic.



Imbas kod QR ini untuk ke laman Facebook LPT2



Shahriza Embi
Head, Internal Communications
and Employee Experience



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Sesi libat urus bersama Warga PLUS dijalankan secara berterusan sama ada dalam bentuk fizikal (sebelum wabak COVID-19) atau secara digital (ketika pandemik COVID-19)



Menjaga Kebajikan Warga PLUS

Sebagai majikan yang menjaga kesejahteraan Warga PLUS, kami juga memberikan sokongan berikut untuk memastikan kebajikan tenaga kerja kami dijaga dengan baik:

- > Agihan zakat kepada Warga PLUS B40 beragama Islam yang layak.
- > Bantuan khas kepada Warga PLUS B40 bukan Islam yang layak, seperti agihan zakat yang dilakukan kepada rakan sekerja mereka yang beragama Islam.
- > Maanfaat Khairat Kematian untuk Warga PLUS atau waris setelah kematian ahli keluarga terdekat atau kakitangan.
- > Sumbangan bantuan bencana alam kepada kakitangan yang layak yang terjejas akibat banjir, kebakaran dan ribut.
- > Skim Pengambilan Anak Angkat PLUS untuk menjaga keluarga kakitangan yang meninggal semasa menjalankan tugas. Skim ini menyediakan bantuan kewangan tahunan kepada anak-anak si mati yang masih bersekolah sehingga mereka menamatkan pendidikan tinggi mereka.
- > Sumbangan khas syarikat untuk waris terdekat setelah kematian Warga PLUS yang belum berkahwin yang meninggal dunia semasa menjalankan tugasku.

- > Ceramah Kesihatan Mental bersama Pakar semasa Hari Keselamatan PLUS 2020 untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan dan kesejahteraan mental.
- > Sumbangan derma secara induk melalui Tabung Warga PLUS Prihatin untuk membolehkan Warga PLUS memberi sumbangan peribadi kepada keluarga rakan sekerja yang meninggal dunia.



PLUS amat prihatin tentang keselamatan dan kesejahteraan kami, terutamanya yang bertugas di barisan hadapan dalam menghadapi ancaman COVID-19. **Pihak Syarikat sentiasa memastikan bahawa kami dapat menjalankan tugas harian dengan baik, tanpa mengabaikan unsur-unsur keselamatan dan kesihatan pekerja.**



Naizul Isham Ishak
Presiden, Kesatuan Pekerja-Pekerja PLUS

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Libat Urus Kepimpinan

Untuk mengukuhkan lagi komunikasi antara seluruh Warga PLUS dan membolehkan libat urus bersama pengurusan tertinggi, kami telah mengadakan inisiatif berikut:

- Sesi libat urus secara maya, Jom Sembang, yang mengetengahkan pemimpin terpilih untuk berkongsi topik-topik tertentu dalam bidang kepakaran mereka dan menjawab sebarang pertanyaan/kebimbangan daripada kalangan Warga PLUS.
- Sesi ‘Let’s Chat!’ bagi Warga PLUS dan ‘Let’s Engage!’ bagi TERAS, sesi sembang maya di mana Warga PLUS diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbualan secara langsung bersama kepimpinan tertinggi dalam kumpulan kecil.
- #CeriaBersama, program libat urus ceria di mana Warga PLUS di semua peringkat berhibur dalam aktiviti merapatkan hubungan silaturrahim.



Sesi Let’s Chat Bersama Ketua Pegawai Kewangan



Sesi Let’s Chat Bersama Ketua Pegawai Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan

Hak Kepada Perjanjian Kolektif


Kakitangan bukan eksekutif kami diwakili oleh kesatuan pekerja dan pelaksanaan Perjanjian Kolektif. Pada tahun 2020, 2,202 kakitangan telah menyertai kesatuan tersebut.

Kami berbangga mempunyai hubungan baik dengan kedua-dua kesatuan yang kami ada. Kami sentiasa berkomunikasi dengan kesatuan tersebut melalui pelbagai saluran libat urus untuk memastikan komunikasi yang berkesan mengenai hala tuju syarikat kepada Warga PLUS di tempat kerja. Medium ini juga digunakan untuk mendapatkan maklum balas, serta mendengar segala kebimbangan yang dihadapi Warga PLUS, terutamanya yang berkaitan dengan kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan mereka.

Bilangan Kakitangan yang Menyertai Kesatuan



Pihak syarikat tidak pernah melupakan kakitangan seperti kami yang bertugas **di barisan hadapan** di mana pihak Syarikat masih lagi membekalkan pelitup muka, hand sanitiser dan hand glove **untuk memastikan keselamatan dan kesihatan kami terjamin**. Pihak Syarikat juga memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat dengan menjalankan kerja-kerja proses nyahkuman di plaza serta keprihatinan syarikat terhadap kebajikan kakitangan yang didapati positif COVID-19 dan yang perlu menjalani kuarantin di rumah.



Mohammad Zamzami Nawawi

Presiden, Kesatuan Penyelia-Penyelia Projek Lebuhraya Usahasama Berhad



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Digitalisasi dan Inovasi

Kepentingan Digitalisasi dan Inovasi Kepada Kami:

Pengenalan dan Aplikasi teknologi digital dalam persekitaran yang semakin bergantung kepada digital.

Aspirasi Kami:

Mempergiat inisiatif digitalisasi untuk meningkatkan kecekapan di tempat kerja dan berusaha untuk memansuhkan 100% proses secara manual melalui digitalisasi pada 2021.



Kakitangan TERAS memeriksakan peralatan tol pada Januari 2020



Digital Initiative Studio (DIS) is one of the functions under Technology and Innovation that plays a crucial role in PLUS' digital transformation journey by ensuring the availability of IT infrastructures, hardware and software platforms, tools and equipment, user adoption and knowledge, as well as IT support. We are also working collaboratively with other business functions within the organisation to help build and offer solutions under our Enterprise-Wide Digitisation efforts.

Jamaliah Hasan

Manager, Digital
Initiative Studio (DIS),
PLUS

**Inisiatif dan Sorotan**

Kami berusaha untuk mengikuti perkembangan pesat dan penggunaan penyelesaian digital dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif digitalisasi di seluruh operasi kami.

Dalam tumpuan kami untuk mempergiatkan inisiatif Digitalisasi dan Inovasi, kami telah memberi perhatian untuk mengembangkan komuniti digital dalam PLUS untuk mempercepat penerimaan teknologi baharu. Ini dilaksanakan terutamanya dengan menggunakan keupayaan dalaman dan bekerjasama dengan pihak luar untuk membangunkan penyelesaian digital. Ini membolehkan kami menggalakkan inovasi dalam kalangan Warga PLUS, merangsang penjanaan idea baharu untuk digitalisasi dan menambah baik proses perniagaan.

Melalui inisiatif digitalisasi dan inovasi, kami berjaya merealisasikan manfaat berikut pada tahun 2020:



1,306 jam pengurangan kitaran masa proses



51 penyelesaian digital dibangunkan secara dalaman



49 jaguh proses berjaya menerajui digitalisasi proses



170 proses didigitalkan



Lebih **3 juta** helai kertas dijimatkan



Imbas kod QR ini untuk ke laman Facebook PLUS

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Persediaan dron oleh Unit Sistem Pesawat Tanpa Pengendali (UAS) PLUS

Kami menyediakan pelbagai penyelesaian inovatif termasuk, kemas kini dan analisis data masa nyata untuk meningkatkan proses membuat keputusan kami. Ini termasuk penciptaan 'kolam data' atau 'data-lake' yang menyimpan data besar daripada operasi kami untuk memudahkan analisis data.

Anak syarikat kami, TERAS, sedang meneroka peluang perniagaan baharu bersama rakan kongsi sedia ada seperti Touch 'n Go dan rakan kewangan yang berpotensi untuk menawarkan pembayaran secara digital, penyelesaian teknologi kewangan dan RFID untuk parkir serta jualan makanan dan minuman pandu lalu.


Unit sistem pesawat tanpa pengendali (UAS) PLUS ditubuhkan pada tahun 2019 sebagai pendekatan inovatif untuk pemeriksaan penyelenggaraan sebagai langkah pencegahan. Matlamat utamanya adalah untuk memulakan tumpuan penuh terhadap automasi kerja-kerja pemeriksaan dan pemantauan penyelenggaraan sebagai langkah pencegahan dengan gabungan Kecerdasan Buatan (AI), Pembelajaran Mesin (ML) dan Geomatik.

Melangkah ke hadapan, kami bermatlamat untuk memansuhkan 100% proses manual kami dan beralih kepada digital sepenuhnya. Kami juga akan memberi tumpuan terhadap

meningkatkan kemahiran dan memberi kemahiran baharu kepada semua Warga PLUS, di samping memupuk pemikiran digital. Kami akan meneroka penyelesaian inovatif untuk terus meningkatkan proses perniagaan dan pengalaman pelanggan demi menyokong Revolusi Perindustrian 4.0.



Adalah menjadi tanggungjawab utama kami untuk menjaga keselamatan anda di sepanjang perjalanan anda.



Nurul Madura Mansor
PLUSRonda, (Seafield),
Seksyen C4, PLUS



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

O T

K

Komuniti Kami

Kami berbangga dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan telah meletakkan pelbagai komuniti yang menerima impak secara langsung dan tidak langsung oleh operasi kami di bawah jagaan kami. Oleh itu, usaha untuk menyokong komuniti kami melalui inisiatif kelestarian adalah bermatlamat untuk meningkatkan kehidupan dan sumber pendapatan komuniti kami yang merangkumi orang ramai, rakan niaga dan vendor.



Menyokong Komuniti Jajaran Lebuh Raya

**Kepentingan Menyokong Komuniti Jajaran Lebuh Raya
Kepada Kami:**

Amalan untuk meningkatkan status sosioekonomi komuniti dalam lingkungan 30km hingga 50km dari lebuh raya termasuk Kawasan Rehat dan Rawat (R&R), Restoran Jejantas (OBR) dan hentian sebelah.

Aspirasi Kami:

Memberi peluang kepada komuniti di sepanjang lebuh raya untuk meningkatkan status sosioekonomi dan memupuk mereka ke arah kesejahteraan ekonomi.

Inisiatif dan Sorotan

Lebuh raya kami yang beroperasi di Semenanjung Malaysia memberi kami peluang berharga untuk menyumbang kepada status sosioekonomi komuniti di sekitar kami. Untuk tujuan ini, kami telah mengenal pasti pelbagai kumpulan dalam lingkungan 30km hingga 50km dari lebuh raya kami (termasuk R&R, OBR dan hentian sebelah) yang kami dapat beri manfaat di sepanjang lebuh raya operasi kami. Ini adalah sejajar dengan pendekatan kami untuk menjaga dan menambah nilai bagi komuniti kami yang secara tidak langsung menerima impak daripada operasi kami.



Program Titipan Kasih dianjurkan dengan kerjasama Harian Metro di Kampung Balun, Slim River pada 2019

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Dari tahun 2018 hingga 2020, kami telah menyumbang lebih daripada RM7 juta melalui program sosial berikut, yang telah memberi manfaat kepada lebih 50,000 penerima.


Jumlah yang Dibelanjakan untuk Program Sosial (RM juta)



- 1 Program CSR, Derma dan Penajaan (RM0.50 juta)
- 2 Sumbangan kepada Hospital COVID-19 (RM1.68 juta)
- 3 Zakat (Komuniti Jajahan Lebuh Raya) (RM1.47 juta)
- 4 Zakat (Wira Tidak Didendang) (RM0.74 juta)



PLUS menyampaikan sumbangan dalam pelbagai cara dan program. Tidak hanya memberi dan menjalankan kewajipan, saya lihat sumbangan yang dihulurkan PLUS juga sangat cantik kerana bantuan yang disalurkan dapat dirasai semua golongan komuniti terutama asnaf. (Harian Metro, 16 September 2020)



Ustaz Zainal Abidin Amat Nazir

Masjid An-Nur Kampung Melayu
Subang, Selangor



Pengagihan Zakat

Dengan krisis COVID-19 yang menyebabkan gangguan kesihatan dan ekonomi kepada kebanyakan rakyat Malaysia, program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami memberi tumpuan dengan menyokong kumpulan yang terjejas dalam komuniti di sepanjang lebuh raya kami. Kami juga menjalankan kewajipan untuk memenuhi tanggungjawab sebagai pengagih zakat yang dilantik secara rasmi, dan menyalurkan dana zakat kepada golongan asnaf yang layak ketika berlakunya wabak tersebut pada tahun 2020.

Kami menjalankan peranan sebagai pemegang amanah dana zakat dengan penuh rasa tanggungjawab dan secara teliti dalam mengagihkan zakat kepada penerima sah yang telah dikenal pasti oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri. Keberkesanannya usaha pengagihan zakat kami diperkuatkan lagi dengan keputusan kami untuk membangunkan Rangka Kerja Zakat yang baharu pada tahun berkenaan, yang membolehkan kami melaksanakan pendekatan yang berfokus kepada pengagihan zakat. Mulai tahun 2020, kami telah diberi kuasa untuk menyalurkan agihan zakat terus kepada golongan asnaf yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.



Pengagihan zakat kepada golongan asnaf di Kampung Balun, Slim River pada 2019

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Penglibatan Komuniti

Sejak tahun 2019, kolaborasi kami bersama Harian Metro membolehkan kami menjalin hubungan erat dan lebih dekat dengan komuniti B40 di sepanjang lebuh raya melalui aktiviti yang dianjurkan bersama pemimpin dan kakitangan kami. Program ini membolehkan kami meningkatkan jangkauan kami ke kawasan luar bandar dalam lingkungan 30km hingga 50km dari lebuh raya kami yang belum terlibat dalam aktiviti sebelumnya. Kolaborasi tersebut diteruskan pada tahun 2020, di mana kami menghulurkan bantuan kepada 13 rumah kebajikan di sembilan negeri yang belum mendapat bantuan kerana keutamaan diberikan kepada kumpulan lain semasa wabak COVID-19. Kami berharap kisah-kisah yang dikongsi oleh Harian Metro sebagai media Melayu yang terkemuka ini juga menarik perhatian pembaca untuk membantu komuniti yang terjejas.

Melangkah ke hadapan, PLUS bermatlamat untuk memperkuuhkan inisiatif ini melalui sesi libat urus yang berterusan dengan komuniti yang dibantu, dengan tujuan untuk membangunkan lagi kesejahteraan ekonomi dan punca pendapatan mereka.

Ketika bulan Ramadan, kami juga mengambil kesempatan untuk mengadakan lebih banyak penglibatan bersama komuniti di sepanjang lebuh raya dengan menyumbang kepada masjid, rumah anak yatim dan pusat tafhib yang berhampiran. Untuk Hari Raya Aidil Adha pada tahun 2020,



PLUS mudah berganding bahu bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terutama dalam kempen meningkatkan kesedaran keselamatan demi kesejahteraan orang ramai.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan bersama, antaranya mempromosikan kempen pemakaian tali pinggang keselamatan dan kerusi keselamatan kanak-kanak. PLUS dengan kolaborasi IKATAN juga telah mengadakan program Hari Keselamatan 2020 secara virtual pada tahun lalu. **ia adalah komitmen ke arah membudayakan keselamatan di dalam seluruh ekosistem lebuh raya dan komuniti sekeliling.**



Tan Sri Lee Lam Thye
Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat
(IKATAN)

kami telah menyumbang sebanyak 21 ekor lembu kepada 21 komuniti yang telah memberi manfaat kepada kira-kira 2,000 penerima.

Tinjauan Impak Komuniti

Sepanjang tahun laporan, kami menjalankan satu tinjauan impak komuniti untuk menilai keberkesanan program sosial kami bagi menilai secara formal serta memahami keperluan komuniti jajahan kami. Objektif tinjauan tersebut termasuk:

- Untuk menilai impak bantuan yang diberikan kepada komuniti kami pada tahun 2020.
- Untuk mewujudkan penanda aras bagi penyelarasan antara inisiatif dan nilai-nilai korporat dan aspirasi kelestarian PLUS.
- Untuk menyumbang data bagi menentukan hala tuju inisiatif tanggungjawab sosial ke arah menaik taraf komuniti di sepanjang lebuh raya kami.

Tinjauan kami ini telah dilakukan dengan seramai 1,598 responden di jajahan lebuh raya kami. Untuk mengelakkan risiko penjangkitan virus COVID-19, responden telah dihubungi oleh kakitangan Seksyen kami melalui telefon, dengan respon mereka direkod melalui borang dalam talian. Para responden terdiri daripada golongan asnaf dan juga pekerja lebuh raya B40.

Hasil tinjauan kami menunjukkan bahawa 93% responden memilih bantuan berupa wang tunai semasa pandemik berbanding menerima sumbangan dalam bentuk barang. Bantuan tunai juga membolehkan penerima memanfaatkannya mengikut keperluan masing-masing. Selain itu, bantuan tunai telah meminimumkan risiko COVID-19 bagi semua pihak kerana wang tunai boleh dipindahkan secara dalam talian, sedangkan sumbangan dalam bentuk barang memerlukan kontak fizikal.

Hasil Tinjauan Utama:

92% bersetuju bahawa bantuan PLUS telah membantu mereka berdepan dengan wabak COVID-19

Lebih **79%** menggunakan bantuan yang diterima untuk bekalan makanan

Lebih **73%** bersetuju bantuan yang disalurkan oleh PLUS adalah mencukupi

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Pemerksaan Bumiputera

Kepentingan Pemerksaan Bumiputera Kepada Kami:

Pengenalan langkah-langkah untuk menyokong status komuniti Bumiputera dalam ekosistem kami.

Aspirasi Kami:

Menaikkan taraf hidup komuniti Bumiputera untuk mengurangkan jurang pendapatan dan meningkatkan sumbangan mereka kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nasional, sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 negara, Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera serta Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

Inisiatif dan Sorotan

Sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang bertanggungjawab, kami memainkan peranan penting dalam merealisasikan agenda pembangunan Bumiputera Kerajaan ke arah mencapai objektif sosioekonomi kebangsaan. Kami berada di kedudukan yang unik untuk berinteraksi dengan pelbagai komuniti Bumiputera di seluruh rantai nilai kami dan berusaha untuk menyumbang kepada peningkatan taraf hidup mereka.

Dalam usaha untuk menyampaikan hasil yang memberi kesan kepada komuniti Bumiputera, kami membangunkan Rangka Kerja Pemerksaan Bumiputera untuk mengatur program yang disasarkan untuk memperkasa komuniti tersebut, dengan memberi tumpuan kepada kakitangan kami, komuniti di sepanjang lebuh raya, Rakan Niaga Komuniti dan vendor.




Bazar Keusahawanan Wanita di R&R Dengkil pada 2019



Pengiktirafan Rakan Niaga dalam Program Insentif Rakan Niaga (BPIP) pada 2019



PLUS juga sentiasa memberikan dorongan kepada peniaga. Jika perniagaan tidak konsisten atau menurun, PLUS akan memberi idea dan menyelesaikan masalah dihadapi. (Harian Metro, 6 September 2020)



Zaimah Ahmad Sinin
Rakan Niaga Komuniti Setempat
PLUS di R&R Gunung Semanggol



KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI

Rangka kerja tersebut menetapkan pencapaian yang diinginkan bagi setiap kumpulan pihak berkepentingan seperti yang berikut:

Objektif		Memperkasa Komuniti Bumiputera			
Kumpulan Sasaran		Warga PLUS/ Modal Insan	Komuniti Di Sepanjang Lebuh Raya	Rakan Niaga Komuniti	Vendor
Hasil yang Diinginkan		<ul style="list-style-type: none"> ➤ Graduan Bumiputera yang cekap, yang boleh diambil bekerja untuk menyumbang kepada tenaga kerja di Malaysia ➤ Usahawan muda yang dilengkapi dengan pengetahuan industri dan dapat mengekalkan perniagaan secara kendiri ➤ Meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan pembangunan pemimpin masa depan ➤ Peningkatan kesejahteraan ekonomi kakitangan B40 PLUS 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Peningkatan kesejahteraan ekonomi komuniti melalui peningkatan perhubungan dan kebajikan am ➤ Komuniti progresif dan diperkasa yang bertanggungjawab sosial 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Usahawan yang diperkasa yang lebih berdaya saing dan inovatif 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pertambahan vendor berkualiti tinggi melalui polisi pemerolehan yang menyokong pembangunan vendor Bumiputera ➤ Vendor Bumiputera lestari dan berdaya saing yang aktif dalam aktiviti ekonomi

Butiran lanjut mengenai inisiatif Pemerkasaan Bumiputera kami bagi kumpulan sasaran di atas dinyatakan dalam bahagian Pembangunan Modal Insan, Pengalaman Pelanggan, Menyokong Komuniti Jajaran Lebuh Raya dan Amalan Pemerolehan yang Adil dan Cekap, Laporan Kelestarian ini.

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI



Amalan Pemerolehan yang Adil dan Cekap

Kepentingan Amalan Pemerolehan yang Adil dan Cekap Kepada Kami:

Pelaksanaan amalan pemerolehan yang adil, cekap, bertanggungjawab, beretika dan telus.

Aspirasi Kami:

Meningkatkan aktiviti pemerolehan daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menyokong sasaran negara untuk mencapai sumbangan KDNK PKS yang lebih tinggi sebanyak 50%.

Inisiatif dan Sorotan

Kami komited untuk menjalankan amalan pemerolehan yang adil dan telah menujuhkan Jawatankuasa Perbelanjaan Pengurusan (MEC), yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan dan juga Jawatankuasa Pelaburan dan Tender Lembaga (BITC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah bebas. Ini membolehkan perumusan kes perniagaan dan strategi pemerolehan yang menggalakkan amalan perolehan yang adil dan cekap.

Prosedur pemerolehan kami menggalakkan pelaksanaan tender yang adil dengan ketelitian wajar yang terperinci menurut SOP PLUS yang diluluskan.

Selanjutnya, kami menerapkan inisiatif berikut untuk meningkatkan amalan pemerolehan kami:

- > Mengkaji semula Jadual Kadar kontrak agar selaras di peringkat pasaran.
- > Mengamalkan pendekatan tender strategik berdasarkan keperluan, kecekapan, kepantasan dan perkembangan perbelanjaan perniagaan.
- > Melaksanakan pendaftaran vendor mandatori dengan PERKESO dan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan kawal selia.
- > Menetapkan langkah-langkah tadbir urus yang sesuai untuk pendaftaran vendor, proses tender, dan pengenalan MEC, Jawatankuasa Tender Pengurusan (MTC) dan BITC.
- > Melaksanakan sistem Perancangan Sumber Organisasi (ERP) untuk proses yang cekap dan telus dengan 14 aktiviti penambahbaikan yang tertumpu kepada digitalisasi.

Memandangkan penglibatan kami dengan pelbagai vendor semasa menjalankan operasi, kami memperakui peranan penting yang kami mainkan dalam mewujudkan nilai bagi komuniti PKS di Malaysia, yang merupakan tulang belakang aktiviti ekonomi negara. Oleh itu, amalan pemerolehan kami mempunyai tumpuan strategik terhadap pembangunan dan layanan yang adil terhadap vendor.

Sejajar dengan agenda negara untuk pembangunan PKS yang juga terkait dengan pemerkasaan Bumiputera, kami mewujudkan Program Pembangunan Vendor (VDP) yang berlangsung selama lima tahun untuk mendorong PKS di Malaysia agar berdaya saing di peringkat tempatan dan global.

Objektif VDP kami adalah untuk:

- > Membangunkan dan meningkatkan kemahiran vendor Bumiputera agar berkebolehan dan berdaya saing.
- > Mendukung aspirasi Kerajaan untuk membangunkan PKS Bumiputera.
- > Menyumbang kepada pengembangan perniagaan dan industri tempatan.

Kami menggunakan skor perkembangan vendor yang ditetapkan oleh Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan (BEF) oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang merangkumi latihan, perundingan dan penilaian prestasi. Kami juga sedang meneliti pembangunan modul untuk meningkatkan keupayaan peserta VDP kami, khususnya dalam kepemimpinan, strategi perniagaan, IT, hubungan pelanggan, pengurusan tenaga kerja, sistem dan proses.

Sejak dilancarkan, 13 vendor dari pelbagai industri termasuk pembinaan, pembuatan dan teknologi sistem telah mengambil bahagian dalam VDP kami. Pada masa ini, empat vendor berada dalam fasa Pelaksana Sistem, enam vendor dalam fasa Pengamal dan satu vendor dalam fasa terbaik, atau Best-in-Class. Satu vendor telah melengkapkan program lima tahun ini.



Program Perkongsian Inovasi Vendor yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) pada tahun 2019

KOMITMEN KAMI KEPADA KOMUNITI


Aktiviti Utama Program Pembangunan Vendor (VDP)

-  Perundingan Vendor dan Lawatan Tapak
-  Penilaian Vendor (Menurut BEF)
-  Latihan Teknikal oleh Rakan Teknikal Program Pembangunan Vendor
-  Jaringan Rangkaian dan Pemadanan Perniagaan oleh MEDAC
-  Pameran Vendor anjuran MEDAC dan agensi kerajaan
-  Pelbagai pertandingan dan anugerah


Beberapa sorotan termasuk:

- Menyediakan khidmat perundingan dan penilaian kepada peserta VDP dengan menggunakan Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan. Peserta VDP turut mendapat peluang untuk menghadiri pelbagai latihan dan seminar anjuran agensi-agensi Kerajaan
- Mengambil bahagian secara aktif, bersama dengan peserta VDP, dalam sesi Pemadanan Perniagaan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi Kerajaan. Ini memberi peluang baharu bagi PLUS untuk mengenal pasti vendor yang berpotensi dan membantu peserta VDP untuk memperluas jaringan perniagaan mereka
- Mewujudkan modul latihan yang dibangunkan secara dälaman untuk peserta VDP
- Menyelaras lawatan tapak dan menjemput peserta VDP untuk menyaksikan dan memahami operasi PKS yang berjaya. Kami juga akan mengadakan sesi perkongsian pengetahuan, yang membolehkan peserta VDP berkongsi pengetahuan antara satu sama lain, di samping memperoleh kemahiran baharu daripada PLUS dan PKS lain yang berjaya
- Sebagai bukti keberkesanan VDP kami, salah satu vendor kami telah memenangi hadiah pertama di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Kebangsaan anjuran MITI dan SIRIM

Kriteria Kecemerlangan Perniagaan



Being guided as part of the **Vendor Development Programme (VDP)** under PLUS since back in 2014 has laid an impact of tremendous room of improvements for our company despite having 20 years of experience **as a Bumiputera contractor specialising in geotechnical works**. Graduated in 2020 for Business Excellence has not just transformed our working culture to be well rounded but also propelled our standards of quality to a much higher level with better relationships between existing and new potential clients.



Dato' Haji Amran Mohamad
Managing Director, Geostrength
Engineering Sdn. Bhd. (VDP
Participant)



KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI






Kolaborasi PLUS dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah lama terjalin terutamanya dalam aspek keselamatan jalan raya dalam memelihara kesejahteraan rakyat. Namun, kerjasama lebih strategik diadakan ketika melaksanakan sekatan lebuhraya di semua plaza tol di lebuhraya PLUS ketika negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Selain itu, bagi menentukan keselamatan pengguna jalanraya, petugas Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) juga menjalankan pemantauan pematuhan SOP Ops COVID-19 dalam kalangan pengguna jalanraya yang berurus di Lebuhraya terutama di R&R.

PLUS juga bekerjasama dengan PDRM dalam kempen kesedaran keselamatan menerusi Kempen Ops Selamat. **Kolaborasi pintar ini mampu meningkatkan pengalaman perjalanan pengguna yang lebih positif di samping mewujudkan rasa yang lebih selamat ketika berada di lebuhraya.** Ianya juga bertujuan menentukan perjalanan yang selamat dan tidak terlibat dengan kemalangan jalanraya sepanjang musim perayaan.



Superintendant Dr. Bakri Zainal Abidin
*Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Siasatan dan
Penguatkuasaan Trafik,
PDRM*



KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI



SDG ini adalah relevan untuk mengukuhkan tadbir urus kami

Kami berbangga untuk mendukung standard tadbir urus korporat yang baik dan telah menyediakan struktur, polisi dan prosedur yang sewajarnya untuk memastikan kami sentiasa bertanggungjawab dan telus dalam apa jua yang kami lakukan.

Pendekatan kami terhadap tadbir urus bermula dari barisan Lembaga Pengarah hingga ke peringkat operasi, di mana kami telah menerapkan amalan tadbir urus yang baik dalam seluruh proses membuat keputusan. Kami telah menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan Lembaga (BGRCC) untuk mengukuhkan pemantauan terhadap tadbir urus.

Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan Pengurusan (MGRCC), dipengerusikan oleh Pengarah Urusan, ditugaskan untuk memantau pelaksanaan tadbir urus yang baik di seluruh PLUS. Ketua Fungsi di seluruh PLUS memainkan peranan mereka dalam mendukung tadbir urus yang baik, di mana Bahagian Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan (GRC) merupakan pusat tumpuan bagi penyelaras, pelaksanaan dan pelaporan hal-hal tadbir urus.

Melalui mekanisme yang diwujudkan ini, kami yakin akan mampu menangani perkara-perkara kelestarian utama berkaitan tadbir urus:

- Etika dan Integriti
- Bertindak Balas Terhadap Krisis dan Kecemasan
- Pematuhan Kepada Undang-Undang dan Peraturan
- Keselamatan Data
- Pengurusan Risiko
- Pengurusan Kewangan



Pemandangan Lebuhraya Utara-Selatan pada waktu malam

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

**Etika dan Integriti****Kepentingan Etika dan Integriti Kepada Kami:**

Penerapan amalan beretika dan integriti yang tinggi di semua peringkat organisasi.

Aspirasi Kami:

Menerapkan etika sebagai satu unsur budaya, dengan toleransi sifar terhadap salah laku, penipuan dan rasuah, ke arah mengekalkan sebuah ekosistem yang bebas rasuah.


Inisiatif dan Sorotan**Integriti**

Sejajar dengan penguatkuasaan seksyen 17(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, kami telah memperkuuhkan usaha integriti kami. Bidang amalan integriti kami adalah berlandaskan konsep 'TRUST' yang diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam Garis Panduan Tatacara Mencukupi (GAP) menurut subseksyen (5) seksyen 17A di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. Kami telah mewujudkan Rangka Kerja Integriti, yang menetapkan pendekatan dan mekanisme untuk menghalang, mengesan dan bertindak terhadap salah laku berkaitan korupsi, rasuah, penipuan dan salah guna kuasa dalam operasi PLUS. Rangka kerja tersebut juga mengetengahkan Ekosistem Integriti PLUS, yang berpandukan 10 prinsip Pencegahan Rasuah dan Korupsi (ABAC). Dalam halaman berikutnya, kami memberikan sorotan mengenai usaha yang kami laksanakan dalam setiap bidang.



PLUS berpegang kepada dasar toleransi sifar terhadap semua bentuk korupsi dan rasuah. Integriti sebenarnya adalah melakukan sesuatu yang betul ketika tiada seseorang yang melihat. Sebagai peringatan, kami telah menyediakan tanda pagar #pilihintegritiadtoleransi.

- Datuk Azman Ismail, Pengarah Urusan, PLUS



KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

T R U S T

Komitmen Peringkat Tinggi

Kami telah membangunkan panduan dan manual ABAC yang mengenal pasti 10 prinsip utama yang perlu dibaca, difahami dan dipatuhi oleh Warga PLUS dan mereka yang berurusan dengan PLUS. Panduan berilustrasi ABAC menggariskan 10 prinsip, termasuk perkara yang patut dan tidak patut dilakukan serta senario praktikal bagi setiap prinsip, dan ia boleh didapati di laman web korporat kami.

Untuk menunjukkan lagi tahap komitmen kami yang tinggi, kami telah menganjurkan Hari Integriti pertama pada Januari 2020 yang mengetengahkan usaha kami dalam membanteras amalan korupsi dan rasuah. Lebih 400 syarikat bersekutu, vendor, kontraktor, pengawal selia dan pegawai kerajaan telah membuat perakuan bebas korupsi dan rasuah melalui ikrar di hadapan pihak SPRM.

Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan Lembaga (BGRCC) dan Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan Pengurusan (MGRCC) menyediakan pemantauan yang mantap dan kerap ke atas hal-hal integriti melalui laporan berkala oleh Pasukan Tadbir urus dan Integriti (G&I), satu pasukan khas yang ditubuhkan untuk memantau hal-hal integriti.

Polisi Pemberian Maklumat (Whistleblowing) Kami

Kami telah memperkuuh Polisi Pemberian Maklumat kami bagi memastikan bahawa sesiapa pun boleh melaporkan kes-kes tatalaku tidak wajar dalam PLUS, tanpa rasa takut terhadap tindakan balas.

Polisi tersebut merangkumi hal-hal yang boleh dilaporkan, maklumat yang perlu dikemukakan dan penzahiran identiti pemberi maklumat di samping memberi jaminan mengenai perlindungan identiti mereka. Selain itu, polisi tersebut juga menggariskan syarat-syarat bagi penzahiran tanpa nama, komitmen kami dalam memastikan kebebasan proses pemberian maklumat serta jaminan kami untuk memaklumkan pemberi maklumat mengenai hasil aduan mereka.

Tambahan lagi, polisi tersebut menyediakan butiran mengenai pelbagai saluran kepada pemberi maklumat untuk mengemukakan laporan mereka. Kami telah memastikan bahawa saluran pelaporan tersebut tidak melibatkan Pasukan Pengurusan kami.

10 Prinsip Pendirian PLUS Terhadap Rasuah dan Korupsi

 PLUS berpegang kepada dasar toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi.

 Kami komited untuk berurusan dengan syarikat bersekutu dan pegawai kerajaan secara adil, telus dan beretika.

 Kami melarang sebarang penerimaan, pemberian atau janji pembayaran bagi pemudahan urusan.

 Kami tidak melayan surat sokongan dan permohonan untuk mendapat layanan istimewa.

 Kami menjalankan ketelitian wajar ke atas kakitangan PLUS, syarikat bersekutu, aktiviti projek dan perniagaan, terutamanya jika terdapat pendedahan signifikan kepada risiko berlakunya rasuah dan korupsi.

 Kami mengisyiharkan konflik kepentingan secara berjadual dan apabila timbul potensi atau persepsi berlakunya konflik.

 Kami mengamalkan polisi Tiada Hadiah, yang tertakluk kepada pengecualian terhad yang tertentu.

 Kami melarang sebarang penawaran atau penerimaan layanan istimewa/hospitaliti tertakluk kepada pengecualian terhad yang tertentu.

 Kami membenarkan sumbangan amal dan penajaan untuk sebab-sebab yang dibenarkan. Kami tidak membuat sebarang derma politik.

 Kami amat menggalakkan laporan (pemberian maklumat) mengenai kes-kes rasuah dan korupsi sebenar atau disyaki tanpa takut terhadap tindakan balas.



Imbas Kod QR ini untuk melihat panduan ABAC kami:

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

Di bawah adalah maklumat utama daripada Polisi Pemberian Maklumat, seperti yang terdapat dalam laman web kami:



PLUS MALAYSIA BERHAD (PLUS) WHISTLEBLOWING POLICY


Our principle

We (PLUS) strongly encourage reporting cases of improper conduct (committed or about to be committed) within PLUS, without fear of retaliation or reprisal.


What can you complain on?

Any improper conduct (misconduct or criminal offence) including but NOT limited to the following:

- Fraud
- Bribery and Corruption
- Abuse of Power
- Conflict of Interest
- Forgery, theft or embezzlement
- Gross negligence duty
- Misuse of Company's Property
- Non-compliance to Policies and Procedures

This Policy does not apply to personal grievances concerning an individual's terms and conditions of employment, or any other aspects of working relationships. Such matters shall be dealt with under our Human Resource Policies and Procedures.



Remember to include these information in your complaint

Any disclosure made should contain the following information:

- Details of the person(s) involved (Who)
- Details of the allegation
 - » Nature of the allegation (What and How)
 - » Where and when the alleged misconduct/ wrongdoing took place
- Other relevant information and supporting evidence if available

Your identity is protected

A Whistleblower will be accorded with protection under the Policy consistent with the Whistleblower Protection Act 2010, provided that the complaint is made in good faith. Such protection is accorded even if the investigation later reveals that the Whistleblower is mistaken as to the facts and the rules and procedures involved.

Disclosure of identity (Whistleblower)
For us to accord you with the necessary protection under the Policy and also to obtain more details pertaining to the disclosure, you are required to disclose your personal details as follows:

- Name
- Contact Details - Office Contact/ Mobile/ Home

These personal details will be kept confidential.

Anonymous whistleblowing
Anonymous whistleblowing is permitted. However, Whistleblowers must be aware that there must be sufficient evidence in order for PLUS to conduct an investigation.

Independence of the whistleblowing process
We are committed in ensuring the independence of our whistleblowing process.

Notification on the outcome of the complaint
You will be notified on the outcome of your complaint.

In writing to PLUS Board Chairman or Chairman of Board GRCC at
**Persada PLUS Persimpangan Bertingkat Subang,
KM15 Lebuhraya Baru Lembah Klang 47301
Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan.**

These reporting channels are independent from our Management Team.


PLUS reserves the right to amend the procedures contained in this document from time to time.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

T R U S T

Penilaian Risiko Rasuah

Kami mempunyai proses yang menyeluruh untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan bertindak balas kepada pendedahan utama terhadap risiko rasuah. Laporan risiko rasuah kami kerap disemak dan dibincangkan oleh MGRCC dan BGRCC. Ini adalah untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa risiko rasuah utama diuruskan secara aktif.



Pengurusan risiko PLUS terbaik di Asia Pasifik

Nik Che Wan Azman Alias
chewan@plus.com.my

Terima anugerah pada Persidangan Tahunan Forum Risiko 2019

PLUS Malaysia Bhd (PLUS) dianugerahkan sebagai penerima Program Pengurusan Risiko Terbaik di Asia Pasifik pada Persidangan Tahunan Forum Risiko 2019, merupakan program yang diadakan oleh Organisasi Pengurusan Risiko Asia Pasifik (ORASPA) dan tervezik Changi Airport, Singapore.

"Saya amat berbangga dengan PLUS atas karyanya dalam mendirikan program ORASPA ini. Selain pengiktirafan buat PLUS, katalai dalam siri kejayaan ini, ia juga membantu organisasi lain."

Katacara, komitmen dan pengurusan pendedahan PLUS berjaya mendekati organisasi terkenal berterata dunia seperti Changi Airport, Singapore, perniagaan logistik dan teknologi pertama penciptaan dari sejak Thailand, pengurusan risiko terbaik di dunia.

"Saya amat berbangga dengan PLUS atas karyanya dalam mendirikan program ORASPA ini. Selain pengiktirafan buat PLUS, katalai dalam siri kejayaan ini, ia juga membantu organisasi lain."

Sementara itu, Pengetahuan Eksploratif Strategik Asia Pasifik (SEASPA), bersekitar faktor utama bersempena PLUS diberikan pengiktirafan pengurusan risiko terbaik di Asia Pasifik.

Sementara itu, Pengetahuan Eksploratif Strategik Asia Pasifik (SEASPA) diberikan pengiktirafan pengurusan risiko terbaik di Asia Pasifik.

PLUS merakamkan salut kufidah terhadap program risiko dan merdeka memberi segento leburan dan pengurusan risiko bagi mencapai sasaran strategik korporat dan meningkatkan kecekapan dalam operasi.

"Anugerah Asia Pasifik adalah salah satu undian penting memperkuat pencapaian PLUS dalam mendekati dan mendekati pelbagai peringkat dan sektor dalam usaha mencapai sasaran strategik korporat dan meningkatkan kecekapan dalam operasi."

Pengurusan Risiko PLUS, Datuk Azman Hashim, berkata, "Kami bersyukur kerana PLUS berjaya meraih anugerah ini. Ia membuktikan bahawa PLUS mempunyai sistem pengurusan risiko yang baik dan selamat."

Anugerah Risiko Strategik Asia Pasifik 2019

T R U S T

Melaksanakan Langkah Kawalan

Untuk menunjukkan dedikasi kami dalam menegaskan standard etika dan integriti, kami telah memperoleh pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) pada Jun 2020. Pensijilan tersebut dirangka untuk membimbing organisasi dalam usaha menghalang, mengesan dan bertindak terhadap rasuah serta mematuhi undang-undang dan peraturan.

Pensijilan ini mengesahkan prinsip toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi. Diterima ketika berlakunya wabak pada tahun lalu, pensijilan tersebut dicapai di dalam usaha kami untuk mempercepatkan penerapan norma-norma kerja yang baharu, yang memanfaatkan penggunaan teknologi.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap penambahbaikan yang berterusan, kami mempergiat usaha ke arah pengukuhan kawalan dalaman untuk menggalakkan persekitaran bebas rasuah dan korupsi. Ini termasuk pembangunan rangka kerja integriti dan semakan yang kerap kepada panduan pencegahan rasuah dan korupsi. Kami juga menerapkan kawalan dalaman ke dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) pengoperasian dan dokumentasi yang berkaitan.



Ikrar Anti-Rasuah dan Korupsi diketuai oleh Datuk Azman Ismail, ketika Hari Integriti PLUS pada Januari 2020



Pensijilan ISO 37001:2016 yang diterima pada 2020

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

T R U S T

Semakan Sistematik, Pemantauan dan Penguatkuasaan

Bagi menjamin bahawa amalan integriti kami adalah relevan, mencukupi dan berkesan, kami telah memperkenalkan mekanisme untuk memantau, melapor dan mengamalkan 10 Prinsip ABAC. Bagi tujuan ini, kami memantau rapi aktiviti dan statistik, menjalankan audit dan sekiranya perlu, disusuli oleh pengurusan akibat atas sebarang ketidakpatuhan. Pada 2020, kami telah memperkenalkan Pengisyiharan Tahunan Mandatori kepada semua Warga PLUS sebagai sebahagian daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang berkenaan. Ini meliputi pengisyiharan mengenai konflik kepentingan, pemberian dan penerimaan hadiah serta hospitaliti.

Kami juga mempunyai pengurusan akibat yang kukuh bagi mereka yang melanggar polisi ABAC dan Kod Tatalaku Warga PLUS.



Hari Integriti PLUS dianjurkan pada Januari 2020 bersama Badan Penyelia Lebuhraya, rakan niaga dan Warga PLUS

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

T

R

U

S

T

Latihan dan Komunikasi

Taklimat liabiliti korporat oleh Pegawai SPRM ketika Hari Integriti 2020

Latihan

Dalam usaha memastikan etika dan integriti terus didukung, serta memupuk tatalaku yang baik dalam kalangan Warga PLUS, kami telah mengadakan latihan menyeluruh untuk semua Warga PLUS pada tahun 2019, manakala pada tahun 2020, kami memberi tumpuan kepada latihan penyegaran kepada kakitangan dan pasukan terpilih berdasarkan keperluan perniagaan.

Sesi latihan dijalankan di semua pejabat wilayah di Semenanjung Malaysia, serta anak syarikat kami, Projek Lebuhraya Usahasama Berhad, LPT2 dan TERAS. Disebabkan keperluan penjarakan fizikal, latihan pada tahun 2020 dijalankan secara maya.

Objektif latihan ulang kaji ini adalah untuk menyediakan:

- Ulang kaji mengenai Prinsip ABAC kami
- Panduan amali mengenai cara untuk membuat Pengisytiharan Mandatori di Portal Integriti
- Menggalakkan ketelusan melalui budaya pengisytiharan



Menyampaikan Komitmen Kami Terhadap Etika dan Integriti

Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah untuk terus memupuk tatalaku yang baik dalam kalangan Warga PLUS serta semua pihak yang berurusan dengan kami, kami memastikan wujudnya komunikasi dalaman dan luaran yang kerap. Platform komunikasi kami meliputi:

Komunikasi Dalaman

- E-mel daripada Pengarah Urusan
- E-mel daripada Ketua Pegawai Tadbir Urus dan Risiko
- Makluman daripada Bahagian Sumber Manusia melalui portal dalaman dan buzz@plus
- Poster fizikal
- E-Majalah terbitan dalaman dan peringatan

Komunikasi Luaran

- Polisi, garis panduan dan prosedur kami di laman web Korporat PLUS
- Peringatan di platform Media Sosial PLUS (Facebook, Instagram)
- Kenyataan media
- Peringatan komitmen ABAC kepada rakan niaga dan pihak luar
- E-Majalah kepada Syarikat Bersekutu yang berurusan dengan PLUS
- Video



Penceramah jemputan Mohd Firdaus Ramlan, berucap kepada Warga PLUS mengenai impak sabitan kesalahan rasuah



Berisan peserta sesi latihan integriti diadakan pada Januari 2020

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI



Video yang dikeluarkan di laman web dan media sosial korporat




Video 10 Prinsip ABAC



Harapan Rakan Niaga



Video Perjalanan Integriti



Video Lakaran Prinsip ABAC



Imbas Kod QR ini untuk menonton video ini, di samping video lain yang diterbitkan oleh PLUS di Saluran YouTube 'PLUS Malaysia'

Eтика Kakitangan

Kod Tatalaku Kakitangan

Kod Tatalaku Kakitangan kami mentadbir tatalaku profesional Warga PLUS dan menggariskan tanggungjawab mereka ketika menjalankan tugas. Kod Tatalaku Kakitangan memastikan bahawa semua individu yang bertindak bagi pihak PLUS melaksanakan aktiviti mereka secara beretika, menurut undang-undang dan peraturan serta standard yang ditetapkan oleh PLUS melalui polisi, garis panduan dan peraturannya. Kod Tatalaku Kakitangan juga memperincikan situasi di mana kakitangan boleh dianggap sebagai melanggar Kod Tatalaku Kakitangan dan tindakan disiplin boleh dikenakan terhadap mereka.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI



Bertindak Balas Terhadap Krisis dan Kecemasan

Kepentingan Bertindak Balas Terhadap Krisis dan Kecemasan Kepada Kami:

Penerapan amalan yang cekap untuk bertindak balas dan pulih daripada kecemasan dan situasi krisis.

Aspirasi Kami:

Mengguna pakai pelan tindakan dan pemulihan yang lancar untuk menguruskan insiden dan situasi krisis dengan berkesan, dan memastikan gangguan yang minimum.

Di samping itu, kami menerima pakai amalan yang disyorkan oleh Institut Pemulihan Bencana Antarabangsa, yang menyediakan pendidikan, pengiktirafan dan kepemimpinan pemikiran dalam kesinambungan perniagaan, pemulihan bencana, daya tahan siber dan bidang-bidang yang berkaitan.

Kami juga merujuk kepada Prinsip Panduan Kesinambungan Perniagaan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai amalan terbaik dan tanda aras kami bagi kesinambungan perniagaan. Ia juga bertindak sebagai satu platform untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pelan kesinambungan perniagaan yang berkesan.

Inisiatif dan Sorotan

Pendekatan kami terhadap tindakan balas krisis dan kecemasan berpandu pada piawaian dan rangka kerja di peringkat tempatan dan antarabangsa, yang diterjemahkan ke dalam amalan kami sejajar dengan ISO 22301:2019 Keselamatan dan Ketahanan - Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan. Ini merangkumi keperluan untuk melaksanakan, menyelenggara dan menambah baik sistem pengurusan untuk melindungi, mengurangkan keberangkalian, mempersiapkan untuk, bertindak balas dan keluar daripada situasi kecemasan.

1 Pelan, Polisi dan Prosedur

Kami telah menyediakan pelan, polisi dan prosedur daya tahan yang menyeluruh untuk bertindak balas dan pulih daripada insiden dan kecemasan yang melibatkan seluruh aset kami, termasuk memastikan kesinambungan perniagaan.



KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

Huraian mengenai beberapa pelan, polisi dan prosedur kami yang disesuaikan dengan operasi dan aset-aset kami (tidak merangkumi semua):

Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)

Bertindak balas terhadap insiden atau kecemasan yang melibatkan semua aset lebuh raya

Pelan Pengurusan Krisis (CMP)

Menguruskan insiden atau kecemasan yang berlaku yang membawa kepada krisis

Pemulihian Bencana Teknologi Maklumat (ITDRP)

Pulih dan melindungi infrastruktur IT perniagaan untuk menyokong operasi perniagaan

Pelan Tindakan Insiden Keselamatan Siber (CIRP)

Bertindak balas terhadap ancaman terhadap keselamatan siber

Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP)

Memulih dan mengembalikan operasi perniagaan yang normal

Kami telah mewujudkan Kriteria Pencetus dan Protokol Tindakan Lanjutan untuk menyediakan proses berstruktur dalam menguruskan insiden dan krisis yang akan membolehkan CMT dan kakitangan terbabit menentukan tahap insiden dan pelan untuk dilaksanakan, bergantung kepada tahap keseriusan.



Peserta sesi latihan keselamatan

2 Tindakan Lanjutan dan Komunikasi

Kami telah menujuhkan Pasukan Pengurusan Krisis (CMT) yang berfungsi sepenuhnya yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan dan terdiri daripada Pihak Pengurusan kami dan wakil-wakil dari setiap fungsi perniagaan. Mereka disokong oleh pelbagai pasukan di lapangan:



Pasukan Komunikasi Krisis

Mengurus komunikasi dalaman dan luaran termasuk media arus perdana dan media sosial



Pasukan Penilaian Kerosakan

Menjalankan penilaian kerosakan awal dan menentukan tempoh henti yang berkemungkinan



Pasukan Tindakan Kecemasan

Menyelaras proses evakuasi untuk melindungi keselamatan Warga PLUS dan orang ramai



Pasukan Tindakan Kecemasan Siber

Menyelaras usaha bersama pihak dalaman dan luaran untuk memulihkan insiden siber

CMT kami telah diaktifkan pada 18 Mac 2020 berikut pengumuman PKP.



Hamidah Abdul Aziz, pengawal keselamatan di bilik kawalan Persada PLUS

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

3 Latihan dan Simulasi

Bagi meningkatkan lagi keupayaan kami untuk bertindak balas terhadap krisis dan kecemasan, kami mengadakan pembelajaran berterusan melalui perbincangan pasca insiden dan perkongsian pengetahuan. Kami memastikan sesi latihan kerap diadakan pada semua peringkat dari Pihak Pengurusan hingga kepada pasukan barisan hadapan kami.

Simulasi Desktop dijalankan secara berterusan untuk mengesahkan dokumentasi sedia ada dan amalan di lapangan.

Memandangkan terdapat peningkatan ancaman siber susulan bertambahnya penggunaan teknologi digital, pada 2020, kami menjalankan latihan simulasi desktop bagi mengukur tahap kesediaan kami untuk mengurus ancaman siber.

Kami telah merancang simulasi bagi tahun 2021 di mana kami akan bekerjasama dengan pihak berkuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba untuk menjalankan latihan kecemasan melibatkan terowong dan jambatan di samping memberi tumpuan kepada keselamatan dan daya tahan untuk mengekalkan tahap perkhidmatan yang memuaskan ketika berlaku gangguan terhadap proses kritikal.



Kesediaan kami dalam menghadapi krisis dan kecemasan diuji ketika pendaratan cemas sebuah pesawat persendirian Singapura di Lebuhraya Utara-Selatan di Johor pada November 2020. Walaupun tiada seorang pun menjangka insiden sedemikian, kami telah bersiap sedia sepenuhnya untuk bertindak dalam situasi tersebut dengan berkesan dan cekap.



We always ensure to obtain and disseminate quick and precise customer in distress information to PLUSRonda team to make sure that our customers are assisted soonest possible. As part of PLUS customers' touchpoint, I am always relieved to know that our PLUSRonda team has reached our distressed customers and I know that they are in good hands.



Noraihan Romli
Operation Assistant, Traffic
Monitoring Centre, PLUS



Sesi latihan tindakan kecemasan bagi Warga PLUS

Bagi memastikan keselamatan pelanggan kami, Pusat Kawalan Trafik (TMC) kami menyelaras dan menguruskan maklumat dan tindak balas bagi operasi lebuhraya kami. Fungsi TMC termasuk pemantauan dan pengawasan lalu lintas selama 24 jam serta penyebaran maklumat secara berterusan kepada orang ramai melalui Papan Tanda Elektronik (VMS), Twitter dan Aplikasi PLUS. Ia juga memantau PLUSRonda dalam menguruskan insiden trafik.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

**Pematuhan Kepada Undang-Undang dan Peraturan****Kepentingan Pematuhan Kepada Undang-Undang dan Peraturan Kepada Kami:**

Pengurusan aktiviti perniagaan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Aspirasi Kami:

Memperkenalkan proses yang mantap untuk mengenal pasti pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan kawal selia serta memantau pematuhan seluruh aktiviti perniagaan dan operasi.

Inisiatif dan Sorotan

Kami memupuk budaya pematuhan yang kukuh secara menyeluruh dan terus mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengesanan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai. Operasi lebuhraya kami ditadbir oleh Perjanjian Konsesi (CA), serta panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Kementerian Kerja Raya (KKR). Kami secara aktif memantau pematuhan terhadap CA melalui laporan berkala yang dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan KKR. Di samping itu, kami telah menyediakan mekanisme

untuk memantau pematuhan kami terhadap semua akta dan peraturan lain yang diguna pakai dan mewujudkan mekanisme yang diperlukan agar bersedia mematuhi mana-mana undang-undang baharu.

Liputan Pematuhan Terhadap Undang-Undang dan Peraturan**Perjanjian Konsesi**

Keperluan yang termaktub di dalam Perjanjian Konsesi termasuk undang-undang berkaitan yang dinyatakan

**Undang-Undang dan Peraturan Sedia Ada**

Undang-undang dan peraturan yang mesti dipatuhi dalam operasi harian kami

**Undang-Undang Baharu Susulan Keperluan Operasi Perniagaan**

Keperluan baharu susulan perubahan dalam persekitaran industri dan perniagaan



Persimpangan Bertingkat Shah Alam di Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE)

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI



Keselamatan Data

Kepentingan Keselamatan Data Kepada Kami:

Pelaksanaan langkah-langkah untuk mengenal pasti, memantau, menjamin dan melindungi data kritikal dan sensitif.

Aspirasi kami:

Menginstitusikan piawaian dan amalan terkemuka untuk memastikan pematuhan terhadap piawaian pengurusan data dan menghalang kehilangan data kritikal dan sulit.

Inisiatif dan Sorotan

Dengan kemajuan teknologi global sepanjang sedekad yang lalu, penggunaan data telah berkembang pesat sejak kebelakangan ini. Ketika PLUS berkembang maju seiring dengan kematangan digital, kami telah memberi penekanan kepada data raya dan projek analitik untuk membantu kami mewujudkan pandangan pengguna tunggal dan memberikan maklumat kepada pihak berkepentingan. Agar seiring dengan kemajuan teknologi, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, yang membawa kepada peningkatan dalam penggunaan data.

Evolusi Teknologi dan Data Sepanjang Sedekad yang Lalu

Trend Global



- Aplikasi teknologi awan untuk berkongsi sumber pengkomputeran dan penyimpanan
- Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence)



- Data penuh secara maya dan definisi perisian
- Teknologi 'blockchain'
- Analitik data raya

Huraian mengenai beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh PLUS



Pengenalan Plat Nombor Automatik (ANPR)



Portal Pintar Pelanggan (Customer Intelligence Portal)



Chatbot PUTRI



Projek Penyimpanan Kolam Data (Data Lake) dan Gudang Data



Sistem Pengurusan Pintar PLUSRonda (PRIME)



Pendigitalan Program Kesetiaan Pelanggan PLUSMiles



Pelaksanaan Teknologi Awan

Kami sedar bahawa penggunaan data dengan berkesan untuk mencipta nilai akan hanya dapat dicapai melalui pemahaman dan pematuhan terhadap tadbir urus yang baik. Oleh yang demikian, kami mengambil langkah untuk memahami undang-undang, peraturan dan piawaian yang mentadbir data serta amalan berikut (tidak merangkumi semua):



Persatuan Pengurusan Data (DAMA) Antarabangsa



Peraturan Umum Perlindungan Data Global (GDPR) Kesatuan Eropah



Garis panduan dan Polisi Bank Negara Malaysia (BNM)




Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA)

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

Ekosistem Pengurusan Data PLUS

Kami komited untuk memastikan pengurusan data yang kukuh bagi meminimumkan risiko pelanggaran data. Sehubungan ini, kami telah membuat proses pemetaan ekosistem data dan membangunkan Rangka Kerja Tadbir Urus Data yang komprehensif yang menetapkan garis panduan dan peraturan berkaitan urus dalam mengendalikan data seluruh organisasi. Ekosistem pengurusan data kami menggariskan objektif kami dan pandangan menyeluruh ke atas perkara yang perlu kami lindungi dan tadbir.



KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

Setelah kami menetapkan ekosistem pengurusan data kami, adalah penting bagi kami untuk mengenal pasti prinsip teras untuk mentadbir data. Prinsip-prinsip ini bertindak sebagai panduan bagi melaksanakan dan menginstitusikan tadbir urus data.

Prinsip Tadbir Urus Data	
	Visi, Objektif dan Prinsip <ol style="list-style-type: none"> Mengiktiraf data sebagai aset strategik dan menggunakan data yang relevan untuk membantu membuat keputusan yang berkesan Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja yang berkesan untuk mentadbir data
	Struktur dan Tindakan Lanjutan <ol style="list-style-type: none"> Mewujudkan struktur dan mekanisme perluasan yang berkesan untuk menyokong objektif tadbir urus data Membangunkan kecekapan dan kapasiti yang sesuai untuk mengoptimumkan pengoperasian tadbir urus data
	Peranan dan Tanggungjawab <ol style="list-style-type: none"> Mentakrif peranan, tanggungjawab dan kuasa yang jelas untuk mentadbir data
	Akauntabiliti dan Pemilikan <ol style="list-style-type: none"> Mengguna pakai kawalan tugas yang ketat dan sesuai bagi permohonan akses, hak dan perubahan
	Keselamatan dan Perlindungan Data <ol style="list-style-type: none"> Mengekalkan kawalan dan pengelasan berkesan ke atas privasi data untuk memelihara tahap sulit dan integriti data sepanjang kitaran hayatnya Memastikan semua data digital dan fizikal dikawal dan dilindungi daripada ancaman dalam dan luaran
	Infrastruktur <ol style="list-style-type: none"> Menyediakan infrastruktur yang mencukupi dalam bentuk sistem, perkakasan dan perisian aplikasi untuk menyokong keperluan tadbir urus data
	Kualiti Data <ol style="list-style-type: none"> Mengekalkan kualiti data yang boleh dipercayai untuk membantu membuat keputusan dan mengoptimumkan penciptaan nilai
	Kitaran Hayat Data <ol style="list-style-type: none"> Menggunakan polisi dan prosedur operasi yang mencukupi untuk menyokong objektif tadbir urus data sepanjang kitaran hayat data (Pemerolehan, Penyimpanan, Analisis, Perkongsian dan Pelupusan)
	Perubahan, Komunikasi dan Kesedaran <ol style="list-style-type: none"> Mendigitalkan dokumen dan rekod manual Meningkatkan kefahaman mengenai tadbir urus data melalui komunikasi dan perkongsian pengetahuan yang konsisten
	Pemantauan <ol style="list-style-type: none"> Memastikan data diurus dengan mematuhi keperluan perundangan, kawal selia dan berkontrak Menjalankan penilaian risiko dan audit terhadap data

Satu pelan hala tuju telah dibangunkan pada masa yang sama untuk menyusun keutamaan bidang-bidang kepentingan dan berisiko tinggi, di mana komponen utamanya adalah untuk terus memperkuatkkan keselamatan dan perlindungan data kami yang sedia ada. Pada 2020, kami memulakan inisiatif untuk mengkaji semula dan meningkatkan Polisi dan Notis Privasi (PPN) kami yang sedia ada serta titik hubungan data peribadi yang relevan.

Kami terus menambah baik polisi infrastruktur dan keselamatan data kami dengan mengambil ISO 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan Rangka Kerja Keselamatan Siber NIST sebagai titik rujukan.

Bidang Tumpuan Utama dalam Keselamatan dan Perlindungan Data Termasuk:



Kawalan
akses



Pengelasan
data



Privasi dan
perlindungan data



Keselamatan dan
persekitaran fizikal



Keselamatan
siber

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

**Pengurusan Risiko****Kepentingan Pengurusan Risiko Kepada Kami:**

Memupuk amalan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko yang boleh memberi impak kepada perniagaan dan operasinya.

Aspirasi Kami:

Secara berkesan mengenal pasti, menilai dan mengurangkan ancaman yang boleh memberi impak negatif kepada perniagaan, dengan menerapkan amalan pengurusan risiko yang berkesan meliputi keseluruhan perniagaan dan operasi.

Inisiatif dan Sorotan

Pengurusan risiko adalah penting bukan hanya untuk mengurangkan ancaman, tetapi juga untuk maklumat kepada kami mengenai tahap risiko yang boleh diterima dalam mencapai objektif perniagaan kami serta mengenal pasti dan memanfaatkan peluang yang ada.

Pengurusan Risiko Organisasi

Kami telah membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM), yang kami rujuk untuk merangka pendekatan pengurusan risiko dalam seluruh peringkat organisasi kami. Rangka kerja tersebut menggariskan strategi, peranan dan tanggungjawab risiko dan tadbir urus serta garis panduan terperinci mengenai proses pengurusan risiko kami.

Untuk meningkatkan kefahaman mengenai pengurusan risiko di seluruh organisasi, kami telah manjalankan pemetaan proses pengurusan risiko terhadap ISO 31000:2018 Pengurusan Risiko.

Proses pengurusan risiko kami menyediakan panduan langkah demi langkah dengan terperinci kaedah mengurus risiko dan dilengkapi oleh slogan 'I Am Ready to Manage Risk' (Saya Sedia Mengurus Risiko) bagi memudahkancaarkan pembelajaran dan penggunaan di seluruh peringkat di PLUS. Kami juga telah memperkenalkan e-pembelajaran yang mudah dan berkesan bertajuk 'I Am Ready to Manage Risk'.



Warga PLUS mengadakan perbincangan dengan mengikut SOP norma baharu

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

Proses pengurusan risiko terdiri daripada langkah-langkah berikut:

Mengenal Pasti Kami menjalankan pengenalan pastian menyeluruh melalui analisis persekitaran dalaman dan luaran seperti berikut:



Risiko Korporat

- Kira-kira 50 risiko korporat dipantau
- Mengurus risiko yang merangkumi seluruh fungsi perniagaan dan yang menghalang objektif keseluruhan organisasi
- Memantau dan bertindak balas pada setiap suku tahun



Risiko Fungsi Perniagaan

- 149 risiko fungsi perniagaan dipantau
- Mengurus risiko yang boleh menghalang pencapaian objektif projek
- Dilaporkan pada setiap suku tahun



Risiko Projek

- Mengurus risiko yang boleh memberi impak kepada fungsi perniagaan daripada pencapaian objektif projek
- Pada 2020, kira-kira 30 projek dan risiko telah dinilai dengan teliti, dipantau dan dilaporkan

Menilai

Kami menilai risiko berdasarkan kebarangkalian dan impak dan memadankannya terhadap Peta Risiko 5 kali 5. Risiko kami diklasifikasikan dalam kategori berikut:

Luaran		Sumber Manusia		Perundangan dan Pematuhan		Strategik	
Kewangan		Pelanggan dan Produk		Operasi		Teknologi	

Bertindak Balas

Kami menggunakan pilihan tindak balas risiko berstruktur untuk memudahkan carakan pembuatan keputusan yang mantap.

Memantau

Kami memantau secara berterusan penarafan risiko, kawalan, status pelan tindakan dan menyusun semula keutamaan risiko berdasarkan tahap kritikal. Kami sentiasa berjaga-jaga dengan sebarang risiko yang muncul berdasarkan perubahan dalam persekitaran dalaman dan luaran serta tahap kawalan.

KETEGUHAN SISTEM TADBIR URUS KAMI

Melapor

Pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah kami sentiasa dimaklumkan mengenai hal-hal pengurusan risiko melalui pelaporan yang kerap kepada Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan Pengurusan (MGRCC) dan Jawatankuasa Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan Lembaga (BGRCC). Bidang utama pelaporan tersebut termasuk:



Risiko Korporat



Risiko Fungsi Perniagaan



Risiko Projek

Budaya Risiko Kami

Kejayaan pengurusan risiko adalah keupayaan untuk menerapkan budaya risiko secara berkesan ke dalam amalan harian. Di bawah adalah beberapa prinsip yang kami guna pakai untuk mengukuhkan budaya risiko:

Perspektif	Amalan
Nada dari pihak atasan (Tone from the Top)	Nada dari pihak atasan yang jelas dan konsisten iaitu daripada pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan
Membuat keputusan	Pemikiran berdasarkan risiko diguna pakai dalam proses membuat keputusan strategik dan operasi
Kerjasama	Kerjasama erat dalam kalangan fungsi perniagaan, di mana pasukan Risiko Organisasi (ERR) berperanan sebagai penasihat dan memudahkan perkongsian pengetahuan
Komunikasi dan Kesedaran	Penyaluran maklumat risiko yang telus dan tepat di seluruh organisasi

Kami terus giat berusaha untuk meningkatkan amalan pengurusan risiko dan pada masa yang sama meraih pengiktirafan dalam bidang pengurusan risiko. Ini termasuk pengiktirafan Program Risiko Terbaik StrategikRISK Asia Pacific dan Pasukan Pengurusan Risiko Terbaik Persatuan Pengurusan Risiko dan Insurans Malaysia pada tahun 2019.



Pengurusan Kewangan

Kepentingan Pengurusan Kewangan Kepada kami:

Perancangan dan pengurusan hal-hal kewangan bagi memastikan pelaburan, sumber modal dan peruntukan dana dilaksanakan demi kepentingan PLUS.

Aspirasi kami:

Melindungi kepentingan kewangan organisasi melalui penyusunan keutamaan pelaburan, operasi kritikal dan memastikan pendapatan yang optimum untuk meningkatkan nilai.

Inisiatif dan sorotan

Sebagai penerbit sukuk terbesar di Malaysia, kami memastikan bahawa sumber kewangan kami diuruskan secara bertanggungjawab untuk mewujudkan nilai bagi para pelabur kami, dan kami secara konsisten mengadakan libat urus bersama para pemegang sukuk agar selari dengan prinsip kewangan yang lestari. Kami merangka strategi kami dengan teliti untuk memenuhi harapan para pemegang sukuk dan pemegang saham kami dan berusaha untuk memastikan inisiatif kami terus memberikan pulangan yang lestari kepada mereka.

Pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan kecekapan dan pengoptimuman kos secara keseluruhan. Inisiatif seluruh organisasi ini bertumpu kepada pembangunan penyelesaian inovatif untuk menginstitusikan kecekapan dan keberkesanan tenaga kerja, proses, dan teknologi kami. Inisiatif-inisiatif ini diselaraskan dan diberi keutamaan berdasarkan potensi impak dan dipantau rapi untuk mengurus risiko, cabaran, dan sebarang kemungkinan penyimpangan dari objektif sebenar. Sehingga kini, kami telah berjaya mengurangkan kos struktur kami untuk kelestarian dalam jangka sederhana dan jangka panjang.

Kami terus berusaha ke arah memperkuatkkan keupayaan untuk beroperasi dengan cekap dan mengurangkan kos dalam usaha untuk memaksimumkan pengagihan nilai kepada pihak-pihak berkepentingan kami.




LPT2 ketika matahari terbit

RENTETAN PERJALANAN KAMI




Kawasan Rehat dan Rawat (R&R), Sungai Perak



Datuk Suret Singh
Pengerusi, Institut
Penyelidikan Keselamatan
Jalan Raya Malaysia (MIROS)

RENTETAN PENCAPAIAN KAMI



Anugerah/Pencapaian

Bangunan Persada PLUS – Naib Juara Kategori Pengurusan Tenaga Bangunan Besar

Anugerah Tenaga ASEAN 2020

Penganjur/Badan Anugerah

ASEAN Centre of Energy

Huraian

- Anugerah ini mengiktiraf inisiatif kelestarian yang telah dilaksanakan di bawah Pelan Hala Tuju Hijau lima tahun kami untuk mentransformasikan PLUS kepada sebuah syarikat hijau.
- Kami telah melaksanakan penjimatan tenaga di Persada PLUS yang memberi tumpuan terhadap pelbagai inisiatif seperti pemasangan lampu LED, Pemacu Frekuensi Boleh Ubah (VFD) untuk sistem utama penghawa dingin, inisiatif nyah-lampu serta pemasangan sistem Solar Fotovoltaik (PV).
- Anugerah Tenaga ASEAN merupakan anugerah berprestij untuk menggalakkan pembabitan dan minat yang lebih besar dalam pembangunan tenaga di rantau ASEAN serta menyediakan mekanisme kepada organisasi untuk terus meneroka idea baru, menanda aras dan mengiktiraf inisiatif dan amalan terbaik dalam pembangunan tenaga.

**19 November
2020**



Anugerah/Pencapaian

Bangunan Persada PLUS – Pemenang bagi Pengurusan Tenaga (Bangunan Besar), Kategori Cekap Tenaga

Anugerah Tenaga Kebangsaan 2020

Penganjur/Badan Anugerah

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)

Huraian

- Anugerah ini mengiktiraf usaha kami untuk menerima dan melaksanakan penggunaan teknologi hijau di Persada PLUS.
- Bangunan Persada PLUS telah mencatatkan pengurangan signifikan dalam penggunaan tenaga dan menambah baik Keamatian Tenaga Bangunan (BEI) dengan penurunan penggunaan tenaga tahunan kepada 15% pada tahun 2019 berbanding tahun 2016. Kriteria bagi penilaian termasuk impak kepada Alam Sekitar, Kelestarian, Kebolehulangan dan Keaslian.
- Anugerah Tenaga Kebangsaan 2020 dianjurkan setiap tahun oleh KeTSA dan mengiktiraf organisasi di Malaysia yang menerajui bidang amalan lestari melalui penggunaan cekap tenaga dan tenaga boleh diperbaharui. Pencapaian ini melayakkkan kami untuk mewakili Malaysia dalam Anugerah Tenaga ASEAN 2020.

RENTETAN PENCAPAIAN KAMI

19 November
2020



02 November
2020



Anugerah/Pencapaian

Naib Juara bagi Kategori Kawasan Rehat Awam (Hentian Sebelah Senawang – Arah Utara)

Sambutan Hari Tandas Sedunia 2020

Penganjur/Badan Anugerah

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Huraian

- Anugerah ini mengiktiraf usaha kami dalam memastikan standard kebersihan yang baik di seluruh kawasan rehat dan rawat kami.
- Kami telah melaksanakan SOP bagi memastikan kawasan rehat and rawat kami adalah bersih, selamat dan selesa kepada pelanggan.
- Acara tahunan ini dianjurkan oleh KPKT untuk mendidik orang ramai mengenai kepentingan standard kebersihan yang baik bagi membendung penularan penyakit seperti COVID-19. Ia juga adalah untuk menggalakkan budaya mengekalkan kebersihan, keselamatan dan keselesaan ketika menggunakan kemudahan tandas awam.

Anugerah/Pencapaian

Pemangkin (Transformer) Digital (Malaysia) 2020

IDC Digital Transformation Awards 2020 (IDC DX AWARDS)

Penganjur/Badan Anugerah

International Data Corporation (IDC) ASEAN

Huraian

- Anugerah ini mengiktiraf inisiatif transformasi digital kami, Tol Hari Esok (*Toll of Tomorrow*) yang bertujuan untuk memodenkan sistem lebuh raya dan sistem tol.
- Antara projek utama di bawah inisiatif ini ialah Penyimpanan Kolam Data (Data Lake), yang berfungsi sebagai asas kepada analisis canggih dan data saintifik untuk memenuhi kehendak pelanggan yang kian meningkat; chatbot PUTRI yang mengurangkan beban kerja bagi pusat panggilan dengan membolehkan pengguna jalur raya menerima maklumat masa nyata trafik, kadar tol, mata ganjaran, promosi dan acara; dan Aplikasi PLUS, yang menyediakan perancangan perjalanan kepada pengguna di mana mereka boleh mengakses imej kamera, maklumat kadar tol dan pemberitahuan insiden secara langsung semasa di sepanjang lebuh raya.

RENTETAN PENCAPAIAN KAMI

11 Ogos
2020



Anugerah/Pencapaian

Lebu Raya Sistem Tertutup Berprestasi Terbaik (Lebuhraya Raya Utara-Selatan)

Tempat Ke-2 Lebu Raya Sistem Tertutup Berprestasi Terbaik (Lebuhraya ELITE)

Majlis Penarafan MyExpressway MIROS

Penganjur/Badan Anugerah

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Huraian

- Pengiktirafan ini diberikan berdasarkan indeks kematian yang rendah serta reka bentuk persekitaran dan operasi lebuhraya yang optimum dari aspek keselamatan jalan raya. Ia juga menunjukkan bahawa kami mempunyai potensi yang lebih tinggi untuk mengurangkan kadar kemalangan maut dan kecederaan parah di lebuhraya.
- Ia juga satu bukti usaha gigih kami untuk memastikan bahawa lebuhraya kami adalah selamat pada setiap masa. Kami telah melabur secara sinergi dalam tenaga kerja dan peralatan untuk memberikan keselesaan dan keselamatan optimum kepada pelanggan lebuhraya.

25 Julai
2020



Anugerah/Pencapaian

Pemenang Anugerah Emas, Pengukuran Komunikasi dan Pelaporan Krisis Terbaik (Kategori Pengurusan Krisis dan Reputasi)

AMEC Global Summit 2020, United Kingdom

Penganjur/Badan Anugerah

International Association for Measurement and Evaluation of Communication (AMEC)

Huraian

- Anugerah tahunan ini mengiktiraf kerja-kerja dan pencapaian cemerlang dalam penyelidikan, pengukuran dan analitik bagi kumpulan komunikasi perniagaan dan kerajaan. Kami berbangga menjadi syarikat lebuhraya konsesi pertama di dunia yang menerima anugerah ini.
- Ini membuktikan bahawa sokongan daripada kepimpinan tertinggi adalah penting untuk kejayaan komunikasi.
- Anugerah AMEC merupakan program anugerah tahunan anjuran Persatuan Antarabangsa untuk Pengukuran dan Penilaian Komunikasi yang mengiktiraf kerja-kerja dan pencapaian cemerlang dalam penyelidikan, pengukuran dan analisis bagi kumpulan komunikasi perniagaan dan kerajaan.

RENTETAN PENCAPAIAN KAMI

12 Jun
2020



Anugerah/Pencapaian

Pensijilan ISO 37001:2016 bagi Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS)

Penganjur/Badan Anugerah

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Huraian

- Pensijilan ini membuktikan hasil usaha luar biasa PLUS dalam usaha memacu ke arah pemikiran budaya Anti-Rasuah dan Korupsi (ABAC) dalam setiap Warga PLUS. Ia juga menunjukkan komitmen dan kesediaan kami terhadap keperluan tanggungjawab korporat di bawah Seksyen 17 (A) Akta SPRM.
- Pensijilan tersebut diperolehi susulan pemeriksaan audit menyeluruh yang dijalankan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd., sebuah badan pensijilan bebas yang telah membuat kesimpulan bahawa kami telah menginstitusikan proses dan amalan yang berkesan untuk menghalang, mengesan dan bertindak terhadap gejala rasuah selaras dengan undang-undang anti rasuah.
- ISO 37001 merupakan piawaian antarabangsa yang dirangka untuk membantu organisasi melaksanakan sistem pengurusan pencegahan rasuah. Ia menetapkan siri langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh organisasi untuk menghalang, mengesan dan menangani rasuah.

20 Februari
2020



Anugerah/Pencapaian

Pensijilan ISO 39001:2012 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya (RTSMS)

Penganjur/Badan Anugerah

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH)

Huraian

- Kami telah mula memanfaatkan penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan operasi dan perkhidmatan lebuh raya kami melalui transformasi digital, dari kenderaan peronda lebuh raya, pemodenan pusat kawalan trafik hingga peningkatan keupayaan digital Warga PLUS.
- ISO 39001:2012 menetapkan keperluan bagi sistem pengurusan keselamatan lalu lintas jalan raya (RTSMS) bagi membolehkan organisasi berinteraksi dengan sistem lalu lintas jalan raya untuk mengurangkan kematian dan kecederaan serius yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya yang berada dalam kawalannya.
- Pensijilan ini mengesahkan pengiktirafan antarabangsa kami sebagai syarikat lebuh raya pertama di Asia Pasifik yang memenangi Anugerah Antarabangsa Keselamatan Jalan Raya Prince Michael pada Disember 2019.

RENTETAN PENCAPAIAN KAMI

24 Disember
2019



Anugerah/Pencapaian

Empat Anugerah Emas (Teknologi, Komunikasi Pekerja, Penjenamaan Korporat dan Penggunaan Digital Terbaik), dan dua Anugerah Perak (Kategori Sektor Awam dan Penggunaan Digital Terbaik)

Majlis Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2019

Penganjur/Badan Anugerah

Persatuan Perhubungan Awam dan Komunikasi Malaysia

Huraian

- Anugerah-anugerah ini mengiktiraf keupayaan kami untuk membangunkan strategi komunikasi yang sejajar dengan objektif kami melalui penyelidikan sebelum memulakan kempen. Ini juga membolehkan kami mempunyai garis dasar permulaan yang menjadi penanda aras berbanding data yang dapat diukur.
- Penyertaan kami berjaya oleh kerana pengukuran dan penilaian kami yang mantap, yang menunjukkan impak sebenar kempen Perhubungan Awam kami terhadap kumpulan sasaran.
- Majlis Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2019 bermatlamat untuk mengetengahkan organisasi terbaik dalam industri perhubungan awam dan komunikasi di Malaysia.

24 Disember
2019



Anugerah/Pencapaian

Iklan Terbaik dalam Kategori Auto and Travel

Anugerah Iklan Terbaik YouTube Malaysia

Penganjur/Badan Anugerah

YouTube Malaysia

Huraian

- Ini merupakan anugerah pertama yang pernah kami menangi di Festival YouTube Malaysia.
- Video "Tumpang" mencatatkan sebanyak 8.3 juta tontonan di YouTube dan menerusi platform media sosial yang lain. Video yang diterbitkan sempena Hari Raya Aidilfitri, mengisahkan perjalanan seorang pemuda yang terpaksa menumpang seorang pemandu lori untuk pulang beraya ke kampung kerana tertinggal bas. Video tersebut menceritakan keprihatinan kami dalam menyediakan pengalaman perjalanan yang bermakna kepada semua pelanggan kami.
- Anugerah iklan tahunan YouTube Malaysia meraikan dan memberi penghormatan kepada penghasilan iklan kreatif di platform video dan destinasi harian bagi hiburan, maklumat dan pendidikan yang paling popular di Malaysia.

RENTETAN PENCAPAIAN KAMI

**Anugerah/Pencapaian**

Anugerah Antarabangsa Keselamatan Jalan Raya Prince Michael – Sistem Pengurusan Jalan Raya dan Lalu Lintas yang Inovatif

Prince Michael Road Safety Award 2019**Penganjur/Badan Anugerah**

RoadSafe, United Kingdom

Huraian

- PLUS merupakan syarikat lebuh raya di Asia pertama yang memenangi anugerah berprestij Anugerah Antarabangsa Keselamatan Jalan Raya Prince Michael (Prince Michael International Road Safety Award) atas pelaksanaan inisiatif keselamatan jalan raya pada tahun 2019.
- Melalui kolaborasi pendidikan kami bersama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), PLUS telah memperkenalkan Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP) yang telah meningkatkan kesedaran tentang keselamatan dalam kalangan para petugas di lebuh raya.

Anugerah/Pencapaian

Anugerah Emas (Seksyen S4), Anugerah Perak (Seksyen C5) dan Anugerah Pensijilan (Seksyen N5) di bawah kategori Lebuh Raya Operasi Tol

Konvensyen My Green Highway Index (MyGHI)**Penganjur/Badan Anugerah**

Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya (JKR), TM One, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Pertubuhan Professional JKR Malaysia

Huraian

- Anugerah ini mengiktiraf tahap kehijauan lebuh raya kami. Lebuh raya hijau direka bentuk dan dibina dengan berpandukan keperluan kelestarian dan piawaian di peringkat global.
- Anugerah ini menilai lima bidang teras; aktiviti reka bentuk dan pembinaan yang lestari, cekap tenaga, pengurusan alam sekitar dan air, bahan dan teknologi serta sosial dan keselamatan.

RENTETAN PENCAPAIAN KAMI

03 Oktober
2019



Anugerah/Pencapaian

Anugerah Gangsa Jenama Putra di bawah Kategori Pengangkutan, Perjalanan dan Pelancongan

Anugerah Jenama Putra 2019

Penganjur/Badan Anugerah

Persatuan Ejen Pengiklanan Bertauliah Malaysia (4As)

Huraian

- Anugerah ini mengiktiraf tahap komitmen kami terhadap keselamatan dan keselesaan penumpang dalam memastikan bahawa pelanggan kami dijaga di sepanjang perjalanan mereka.
- Lebih 8,000 rakyat Malaysia memilih kami, satu-satunya syarikat konsesi lebuh raya sebagai pemenang Anugerah Gangsa Jenama Putra di bawah kategori Pengangkutan, Perjalanan dan Pelancongan untuk tahun keempat berturut-turut.
- Anugerah Jenama Putra bertujuan untuk mengenal pasti jenama yang berhubung dengan pengguna melalui prestasi mereka, jenama pertama yang muncul di minda pelanggan dan sokongan serta penekanan Idea Bernilai Tinggi yang disalurkan kepada kejayaan sesebuah jenama.

14 September
2019



Anugerah/Pencapaian

Aplikasi Terbaik bagi kategori Perkhidmatan Kerajaan (Anugerah Perak), Kategori Penggunaan KOL Terbaik (Anugerah Gangsa) dan Aplikasi Terbaik bagi kategori Hospitaliti dan Perjalanan (Anugerah Gangsa)

Anugerah Marketing Mob-Ex, Singapura

Penganjur/Badan Anugerah

Marketing Magazine, Singapura

Huraian

- Anugerah ini merupakan pengiktirafan daripada pakar pemasaran mudah alih terulung di rantau ini mengenai kualiti dan keberkesanan program pemasaran mudah alih dan transformasi digital PLUS. Kami merupakan syarikat konsesi pertama yang memenangi anugerah tersebut.
- Kempen 'Senyuman Sepanjang Jalan' pada musim Cuti Sekolah akhir tahun 2018 melalui Aplikasi PLUS muncul sebagai syarikat lebuh raya pertama yang merangkul anugerah Marketing Mob-Ex yang terkemuka di Asia Tenggara yang berlangsung di Singapura.
- Anugerah Marketing Mob-Ex mengiktiraf dan meraikan kempen pemasaran mudah alih yang paling berkesan, inovatif dan kreatif.

RENTETAN PENCAPAIAN KAMI

11 September
2019



Anugerah/Pencapaian

Anugerah Pasukan Pengurusan Risiko Terbaik

Persidangan Persatuan Pengurusan Risiko Dan Insurans Malaysia 2019

Penganjur/Badan Anugerah

Persatuan Pengurusan Risiko Dan Insurans Malaysia (MARIM)

Huraian

- Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan besar kepada keupayaan Pasukan Risiko Organisasi (ERR) PLUS untuk berusaha gigih merangka program pengurusan risikonya bagi memenuhi strategi perniagaan yang sering berubah dan menyokong Pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam mengurus risiko melalui perancangan yang berkesan, komunikasi dan kolaborasi di seluruh organisasi.
- Pengiktirafan di peringkat kebangsaan ini diharapkan dapat menjadi penanda aras kepada kerjaya pengurusan risiko di negara ini.
- Anugerah Pasukan Pengurusan Risiko Terbaik MARIM dinilai berdasarkan proses penghakiman dua peringkat yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pasukan dan organisasi dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan dan persekitaran mencabar dan sentiasa berkembang.

21 Ogos
2019



Anugerah/Pencapaian

Anugerah Inisiatif Hijau Satu Belian (One Diamond)

Penganjur/Badan Anugerah

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA)

Huraian

- Anugerah ini mengiktiraf usaha kami untuk mengoptimumkan penggunaan teknologi hijau dalam memulihara alam sekitar dalam kalangan kakitangan dan komuniti di sekeliling kami.
- Anugerah Inisiatif Hijau Satu Belian (One Diamond) diberikan kepada organisasi yang telah berjaya melaksanakan penggunaan elektrik melalui tenaga boleh diperbaharui dan mengurangkan pelepasan karbon dioksida untuk memulihara alam sekitar.
- Pada 2018, PLUS telah berjaya mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 6.75% bersamaan 287tCO₂ dan penjimatan elektrik sebanyak 413,228kWh di Persada PLUS melalui pemasangan Pemacu Kelajuan Boleh Ubah (VSD) bagi sistem penghawa dingin, mengurangkan masa penggunaan sistem penghawa dingin, membungunkan teknologi fotovoltaik, melaksanakan inisiatif nyah-lampu (mengurangkan/mengalih penggunaan lampu pendarfluor di lokasi pencahayaan yang mencukupi dan lampu tidak diperlukan) dan memasang sistem lampu pengesan pergerakan di tandas dan surau dan sebagainya. Kami juga merupakan syarikat konsesi lebuh raya pertama di negara ini yang menerima anugerah ini.

RENTETAN PENCAPAIAN KAMI

01 Julai
2019

**Anugerah/Pencapaian**

Anugerah StrategicRISK Asia Pacific

Forum Persidangan Tahunan Risiko 2019, Singapura**Penganjur/Badan Anugerah**

StrategicRISK Asia Pacific

Huraian


- Anugerah ini merupakan bukti yang jelas bahawa amalan pengurusan risiko kami telah diiktiraf di peringkat serantau dan amalan kami menjadi penanda aras kepada industri ini.
- Menurut penerbit eksekutif StrategicRISK di Eropah, Timur Tengah dan Asia Pasifik, William Sanders, faktor utama yang meletakkan PLUS mendahului calon lain adalah keaslian dalam pendekatan kami terhadap risiko di mana teori teknikal telah dipermudahkan kepada sesuatu yang dihargai dan diingati oleh semua kakitangan melalui slogan proses ‘Saya Sedia Menguruskan Risiko’ yang menarik.
- Pemenang Anugerah StrategicRISK dinilai secara bebas oleh panel pakar risiko terpilih mengenai program risiko mereka dalam memenuhi keperluan organisasi yang berubah-ubah dan cara ia diterapkan ke dalam budaya syarikat dengan berkesan.

INDEKS KANDUNGAN GRI

Piawaiian GRI	Penzahiran	Nombor Muka Surat dan Alasan Tidak Dimasukkan
GRI 102: General Disclosures		
1. Organisational Profile		
Disclosure 102-1	Name of the organisation	1
Disclosure 102-2	Activities, brands, products, and services	16, 19-21
Disclosure 102-3	Location of headquarters	10
Disclosure 102-4	Location of operations	19
Disclosure 102-5	Ownership and legal form	17
Disclosure 102-6	Markets served	16-17, 19, 57, 80, 92-96, 109-115
Disclosure 102-7	Scale of the organisation	16-17, 19-21, 102
Disclosure 102-8	Information on employees and other workers	102
Disclosure 102-9	Supply chain	114-115
Disclosure 102-10	Significant changes to the organisation and its supply chain	16
Disclosure 102-11	Precautionary Principle or approach	51-52
Disclosure 102-12	External initiatives	51-52
Disclosure 102-13	Membership of associations	56
2. Strategy		
Disclosure 102-14	Statement from senior decision-maker	2-13
3. Ethics and Integrity		
Disclosure 102-16	Values, principles, standards, and norms of behavior	18
4. Governance		
Disclosure 102-18	Governance structure	22-23, 54-55
Disclosure 102-22	Composition of the highest governance body and its committees	24-34
5. Stakeholder Engagement		
Disclosure 102-40	List of stakeholder groups	56-57
Disclosure 102-41	Collective bargaining agreements	101-106
Disclosure 102-42	Identifying and selecting stakeholders	56-57
Disclosure 102-43	Approach to stakeholder engagement	56-57
Disclosure 102-44	Key topics and concerns raised	58
6. Reporting Practice		
Disclosure 102-45	Entities included in the consolidated financial statements	PLUS is not a publicly listed company.
Disclosure 102-46	Defining report content and topic Boundaries	1
Disclosure 102-47	List of material topics	58, 63, 80, 118
Disclosure 102-48	Restatements of information	This is our first sustainability report.
Disclosure 102-49	Changes in reporting	This is our first sustainability report.
Disclosure 102-50	Reporting period	1
Disclosure 102-51	Date of most recent report	This is our first sustainability report.
Disclosure 102-52	Reporting cycle	152
Disclosure 102-53	Contact point for questions regarding the report	1
Disclosure 102-54	Claims of reporting in accordance with the GRI Standards	1
Disclosure 102-55	GRI content index	147-148
Disclosure 102-56	External assurance	1

INDEKS KANDUNGAN GRI

Piawaian GRI	Penzahiran	Nombor Muka Surat dan Alasan Tidak Dimasukkan
GRI 203: Indirect Economic Impacts		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 91, 107-108, 109-111, 112-113
Disclosure 203-1	Infrastructure investments and services supported	91, 107-109
Disclosure 203-2	Significant indirect economic impacts	109-111, 112-113
GRI 205: Anti-corruption		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 118-119
Disclosure 205-2	Communication and training about anti-corruption policies and procedures	124
GRI 302: Energy		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 62-64
Disclosure 302-1	Energy consumption within the organisation	65-67
Disclosure 302-4	Reduction of energy consumption	64-67
GRI 303: Water and Effluents 2018		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 72-74
Disclosure 303-2	Management of water discharge-related impacts	74
Disclosure 303-3	Water withdrawal	72-73
GRI 305: Emissions		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 62-64, 70-71
Disclosure 305-1	Direct (Scope 1) GHG emissions	70
Disclosure 305-2	Energy indirect (Scope 2) GHG emissions	71
Disclosure 305-5	Reduction of GHG emissions	64-67, 70-71
GRI 306: Waste 2020		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 62-63, 74
Disclosure 306-3	Waste generated	74
GRI 403: Occupational Health and Safety 2018		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 80-83, 86-89
Disclosure 403-1	Occupational health and safety management system	81-83, 86-89
Disclosure 403-2	Hazard identification, risk assessment and incident investigation	86-87
Disclosure 403-5	Worker training on occupational health and safety	86-90
Disclosure 403-6	Promotion of worker health	40-44, 81-83, 86-88
Disclosure 403-4	Worker participation, consultation, and communication on occupational health and safety	81-83, 86-90
Disclosure 403-5	Worker training on occupational health and safety	81-83, 86-90
Disclosure 403-9	Work-related injuries	88
GRI 404: Training and Education		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 80, 97, 100
Disclosure 404-2	Programs for upgrading employee skills and transition assistance programs	97-98, 100
GRI 405: Diversity and Equal Opportunity		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 80, 101
Disclosure 405-1	Diversity of governance bodies and employees	102
GRI 413: Local Communities		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 80, 109-111, 112-113
Disclosure 413-1	Operations with local community engagement, impact assessments, and development programs	45-47, 105, 109-113
GRI 418: Customer Privacy		
Disclosure 103	Management Approach	53, 59, 118, 130-132



MELANGKAH KE HADAPAN

Kami telah memberi komitmen untuk mengeluarkan Laporan Kelestarian sukarela pertama ini susulan pembangunan aspirasi kelestarian kami pada 2020. Kami berharap laporan ini menyediakan pemantauan yang diinginkan dan memperjelaskan kepada pihak berkepentingan kami mengenai kemajuan aktiviti kelestarian kami, terutamanya usaha kami untuk menyampaikan nilai-nilai Persekutaran, Sosial dan Tadbir Urus kepada semua pihak berkepentingan.

Dalam usaha kami untuk terus meningkatkan standard penzahiran seiring dengan pelaksanaan inisiatif kelestarian, kami mengalu-alukan maklum balas kepada usaha-usaha kelestarian kami.

Kami berusaha untuk menyediakan penzahiran secara berkala mengenai inisiatif kelestarian kami. Dalam perjalanan ini, kami berhasrat untuk mengekalkan, atau menambah baik libat urus bersama pihak berkepentingan kami bagi membolehkan kerjasama berterusan ke arah mencapai matlamat kelestarian kami, bukan hanya untuk perniagaan kami, malah juga kepada semua pihak berkepentingan.



PLUS MALAYSIA BERHAD

No. Pendaftaran: 201001039714 (923639-A)

Menara Korporat, Persada PLUS,
Persimpangan Bertingkat Subang,
KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tel : +603 7801 6666
Faks: +603 7801 6600

www.plus.com.my



Laporan ini dicetak di atas bahan mesra alam